



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1497]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18:

Sekolah Menengah Confucian—Retakan Bangunan: Y.B. Tuan Chian Heng Kai
(Bukit Mertajam) [Ruangan 1572]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 1576]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988) [Ruangan 1577]

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) 1988 [Ruangan 1581]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 1636]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, S.S.A.P. (Merbok).

- Yang Berhormat Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).
- „ Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- Yang Berhormat TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).

Yang Berhormat TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P. S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

Yang Berhormat TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).

- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya)
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Atau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

„ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).

„ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).

„ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).

„ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

„ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).

„ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).

„ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).

„ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 17hb Mac, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

GURU SANDARAN

1. Tuan Haji Mohamed bin Yaakob
minta Menteri Pendidikan me-
nyatakan:

- (a) berapa ramaikah guru-guru sandaran yang diberhentikan pada baru-baru ini di seluruh negara;
- (b) berapa ramaikah guru-guru lepasan maktab dan siswazah yang baru dilantik;
- (c) berapakah lagi kekurangan guru-guru yang patut dipenuhkan; dan
- (d) apakah tindakan Kementerian guru-guru sandaran yang diberhentikan.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Guru-guru sandaran yang ditamatkan perkhidmatan mereka baru-baru ini adalah golongan guru sandaran yang tidak terlatih. Bilangan mereka ini yang ditamatkan perkhidmatan mengikut perangkaan

yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri sehingga 31hb Disember, 1988 adalah seramai 18,944 orang bukan siswazah dan 690 orang siswazah. Perkhidmatan mereka ini ditamatkan apabila Kementerian dapat mengisi kekosongan jawatan dengan guru yang terlatih.

- (b) Bilangan guru lepasan maktab yang baru dilantik adalah seramai 11,161 orang manakala bilangan guru siswazah terlatih yang dilantik sehingga 1hb Mac, 1989 ini adalah seramai 226 orang.
- (c) Kekurangan guru yang masih dihadapi oleh Kementerian Pendidikan di sekolah rendah bagi tahun 1989 adalah seramai 5,279 orang iaitu dalam pengkhususan Pendidikan Islam, Pengajian Cina dan Pengajian Tamil. Bagi sekolah menengah, sebanyak 1,609 jawatan baru telah diperuntukkan dan akan diisi oleh siswazah-siswazah tajaan Kementerian Pendidikan yang akan menamatkan kursus mereka sepanjang tahun ini.
- (d) Semua guru sandaran tidak terlatih/semntara yang telah diberhentikan boleh memohon untuk masuk ke maktab perguruan jika memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri Pendidikan iaitu apakah rancangan Kementerian secara menyeluruh mengenai pengambilan guru-guru siswazah dan guru-guru lain untuk latihan di maktab-maktab kerana difahamkan bahawa sekarang ini pihak Kementerian tidak perlu lagi banyak guru-guru keluaran maktab.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu, saya ingin memaklumkan bahawa mulai tahun ini untuk masuk ke maktab perguruan memang kita memberi keutamaan kepada kelulusan STPM dan juga itu adalah satu usaha untuk kita meningkatkan lagi tenaga pendidik-pendidik kita.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dari jumlah 18,944 guru-guru sandaran tidak terlatih yang diberhentikan seperti yang disebutkan tadi, berapa ramaikah yang dijangka akan ditempatkan dalam maktab-maktab bagi mereka yang memenuhi syarat-syarat kemasukan ke maktab-maktab tersebut dari segi peruntukan kepada guru-guru yang telah terlatih ini yang telah diberhentikan.

Yang kedua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan dari segi pembahagian kuota bagi guru-guru yang akan diterima masuk ke maktab bagi mereka yang berkelulusan SPM, STPM dan juga kelulusan yang lain? Dan berapa ramaikah siswazah yang akan diambil pada tahun ini?

Dr Leo Michael Toyad: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang pertama saya tidak dapat memberi angka-angka yang tepat di sini tetapi

saya akan lanjutkannya secara bertulis, tetapi asas-asas kita untuk memperuntukkan kepada guru-guru sandaran yang telah diberhentikan ialah bahawa mereka ini yang dinyatakan tadi boleh memohon untuk mengikuti kursus penuhnya di maktab perguruan kalau mereka dapat memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan untuk pengambilan masuk ke maktab-maktab perguruan ini.

Satu keistimewaan untuk mereka yang telah mengajar sebagai guru sandaran tidak kurang dari 3 tahun ialah mereka ini tidak payah menduduki ujian untuk masuk ke maktab tetapi terus dapat ditemuduga untuk kemasukan ke maktab-maktab ini. Mengenai kuota-kuota, kita tidak ada kuota sepertimana yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, tetapi saya telah nyatakan keutamaan ini diberi untuk lepasan STPM, tetapi kita juga mengambil dari kelulusan SPM iaitu mengikut keperluan-keperluan dan juga kelayakan mereka ini untuk mengikuti kursus di maktab perguruan penuh.

BACAAN METER PENGGUNA ELEKTRIK

2. Tuan Mohammad Subky bin Haji Abdul Raof minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bahawa Lembaga Letrik Negara akan mengadakan pemeriksaan meter pengguna elektrik setiap dua bulan sekali apakah sebab pihak Lembaga Letrik Negara ingin berbuat demikian dan tidakkah ini akan menyusahkan kepada golongan pengguna-pengguna yang berpendapatan rendah. Bilakah rancangan tersebut akan dikuatkuasakan.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Letrik Negara bercadang membuat bacaan meter pengguna-pengguna elektrik

dua bulan sekali sebagai projek perintis dengan tujuan menguji kekesanannya dari segi pengurangan kos pengendalian di samping meningkatkan produktiviti.

Apa yang dicadangkan dalam projek ini ialah meter-meter elektrik pengguna akan dibaca dua bulan sekali. Pada masa bacaan dilakukan dua bil akan dikeluarkan. Satu berasaskan bacaan meter semasa manakala satu lagi berasaskan kiraan purata ke atas bayaran bagi bulan-bulan sebelumnya. Bil pertama perlu dijelaskan di dalam bulan bacaan berkenaan manakala bil yang kedua pula boleh dijelaskan sebelum akhir bulan berikutnya. Ini bererti bahawa pengguna tidak akan dipaksa membayar dua bil serentak. Sekiranya projek perintis ini yang akan bermula pada awal tahun hadapan didapati memuaskan bagi pihak Lembaga Letrik Negara dan juga pengguna, maka barulah penggunaannya akan diperluaskan ke seluruh negara.

PENCEMARAN ALAM SEKITAR

3. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) adakah betul bahawa Kementerianannya telah menjalankan 12 Penaksiran Tubrukan Persekitaran (EIA atau Environmental Impact Assessment) pada tahun 1988 di bawah Environment Quality Control Act, 1984;
- (b) adakah bilangan Penaksiran Tubrukan Persekitaran (EIA) terhad itu mencukupi untuk mengawal masalah pencemaran alam sekitar bagi 18 bidang aktiviti-aktiviti yang telah dijadualkan; dan
- (c) pernahkah Kementerianannya menjalankan sesuatu EIA terhadap penebangan kayu di

Negeri Sarawak, adakah pihak Kerajaan Persekutuan ber-cadang untuk melaksanakan dengan sepenuhnya Akta Kawalan Kualiti Alam Sekitar terhadap industri penebangan kayu di Negeri Sarawak dengan kerjasama pihak Kerajaan Negeri itu. Jika ya, bilakah Akta tersebut akan dilaksanakan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan Ahli Yang Berhormat seperti berikut:

Mengenai soalan bahagian (a) sebenarnya Jabatan Alam Sekitar telah menerima dan mengulas 14 laporan penilaian kesan-kesan ke atas alam sekitar (EIA) dalam tahun 1988 dan bukannya 12 laporan penilaian.

Bahagian (b), bilangan laporan penilaian di atas merupakan kesemua laporan yang diterima untuk EIA bagi tahun 1988. Dengan demikian, kesemua laporan telah ditaksir.

Bahagian (c), sebenarnya, kajian EIA perlu dijalankan oleh pihak pembalok. Jabatan Alam Sekitar telah menarik perhatian dan memohon kerjasama Kerajaan Negeri Sarawak terhadap keperluan kajian EIA bagi aktiviti pembalokan supaya perintah EIA dapat dikuatkuasakan dengan sepenuhnya.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan pertama ialah, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan kepada Dewan ini sama ada EIA yang diterima dan diluluskan ataupun diperiksa oleh Kementerianannya? Adakah EIA itu dijadikan rahsia di bawah OSA ataupun ianya akan dijadikan dokumen awam supaya sesiapa yang mahu memeriksa boleh dapat memohon dengan kaedah-kaedah tertentu?

Kedua, terhadap pelaksanaan Environmental Quality Control Act di Negeri Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, empat tahun lepas sejak Akta ini diluluskan di Parlimen, kenapa dalam masa yang panjang ini, Kementerian yang berkenaan masih belum dapat menguatkuasakan Akta ini di Negeri Sarawak kerana banyak Bumiputera yang tinggal di luar bandar menderita dari kesan yang teruk daripada kegiatan pembalakan kayu seperti hakisan tanah, pencemaran air minum dan sebagainya, maka ramai penduduk-penduduk di luar bandar mendesak supaya Kerajaan menguatkuasakan Akta ini di Negeri Sarawak. Kenapa dan apa masalah yang wujud yang menghalang kerjasama yang erat di antara Kerajaan pada peringkat Negeri dengan Kerajaan Persekutuan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab pertanyaan bahagian pertama tadi, EIA dijalankan oleh pemaju projek melalui pakar-pakar perunding yang mereka lantik dan selepas itu laporan EIA itu dinilai oleh Jabatan Alam Sekitar, dan di mana perlu sekiranya sesebuah projek mempunyai kesan yang ternyata, laporan EIA itu akan diperiksa oleh sebuah panel khas yang terdiri dari pakar-pakar yang bebas termasuk daripada pegawai-pegawai Kerajaan, pakar-pakar dari sektor swasta dan universiti-universiti. Laporan EIA yang akan ditaksirkan oleh panel EIA merupakan satu dokumen terbuka yang boleh dirujuk oleh orang yang berminat.

Untuk menjawab pertanyaan bahagian kedua tadi oleh Yang Berhormat dari Bandar Kuching, Kementerian memahami masalah yang timbul akibat dari penebangan kayu atau pembalakan di negeri Sarawak. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, penguatkuasaan EIA ini hanya dimulakan pada 1hb April, 1988. Oleh sebab itulah kita memerlukan

sedikit masa untuk perbincangan di antara Kerajaan Negeri Sarawak dan juga Kerajaan Pusat untuk EIA ini dapat dijalankan dengan licin. Kementerian saya akan mengikuti peruntukan di bawah Perintah EIA untuk dikuatkuasakan. Sesiapa yang dikehendaki menjalankan kajian EIA tetapi tidak berbuat demikian boleh disabitkan kesalahan dan dikenakan denda dan Kementerian saya tidak akan bercadang berbuat demikian sebelum kita menghabiskan semua saluran.

PEMBEDAHAN PINTASAN KORONARI

4. **Dr Eng Seng Chai** minta Menteri Kesihatan menyatakan perangkaan pembedahan pintasan koronari (coronary by-pass operations) di Hospital Besar dan di Hospital Universiti, Petaling Jaya pada tahun 1986, 1987 dan 1988. Adakah rancangan Kementerianya menambahkan kemudahan-kemudahan pembedahan-pembedahan jantung dan/atau menubuhkan kemudahan-kemudahan sebegini di lain-lain hospital.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, perangkaan pembedahan pintasan koronari atau, dengan izin, coronary by-pass operations di Hospital Besar Kuala Lumpur pada tahun 1986 ialah 25; pada tahun 1987—35; dan pada tahun 1988—75 pembedahan. Pada tahun 1987 juga pihak Hospital Besar Kuala Lumpur telah menjalankan 59 pembedahan pintasan koronari di Hospital Besar Tengku Ampuan Rahimah di Kelang apabila teater-teater pembedahan di Hospital Besar di Kuala Lumpur ditutup. Di Hospital Universiti angka tersebut ialah pada tahun 1986 sebanyak 7 pembedahan; 6 pembedahan pada tahun 1987 dan 37 pembedahan pada tahun 1988.

Untuk menambah kemudahan-kemudahan pembedahan jantung, Kementerian Kesihatan Malaysia telah pun menubuhkan satu Unit Thorasik untuk "closed heart surgery" di Hospital Besar Tengku Ampuan Rahimah di Kelang yang sedang dijalankan sejak tiga tahun.

Selain daripada itu Kementerian Kesihatan juga ada merancang untuk menubuhkan sebuah pusat penyakit jantung kebangsaan untuk merawat penyakit-penyakit cardio-vascular dan dada.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya soalan tambahan. Dari jumlah-jumlah yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan daripada tahun 1986 hingga 1988, saya ingin bertanya daripada jumlah pembedahan yang dijalankan, adakah semuanya baik ataupun pendek kata yang tidak meninggal dunia? Kalau ada, berapa jumlahnya.

Yang kedua, saya ingin bertanya pembedahan ini dijalankan di negara kita kalau dibandingkan dengan negara luar, berapakah jumlah perbelanjaan, mana yang lebih besar, di luar negeri ataupun di dalam negeri ini?

Dan ketiga, adakah cadangan pihak Kementerian supaya pegawai-pegawai Kerajaan yang berkehendakkan pembedahan yang seumpama ini supaya dilakukan di dalam negara kita ini sendiri tanpa menghantar ke luar negeri?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, pembedahan pintasan koronari yang dilakukan di Malaysia nampaknya sama peratus kejayaannya apabila dibandingkan dengan pusat-pusat pembedahan pintasan koronari di lain-lain negara, iaitu lebih kurang 2% sahaja yang meninggal pada masa atau selepas pembedahan itu. Jadi,

kejayaan kita adalah sama seperti pusat-pusat yang lain. Jumlah perbelajaan bagi pesakit-pesakit yang menjalani pembedahan ini, di bawah Perintah atau kadar bayaran yang dikenakan di hospital-hospital Kerajaan, pembedahan ini memerlukan pesakit membayar lebih kurang \$5,500 dalam keadaan tertentu. Yang miskin dan tidak mampu dikecualikan sedikit sebanyak atau sepenuhnya. Ini tidak termasuk pembayaran untuk gaji doktor-doktor ataupun apa yang boleh dianggap sebagai sewa bagi bangunan, kemudahan lain dan sebagainya. Hanya apa yang dikenakan sebagai bayaran di bawah Perintah yang kita mengamalkan. Jika hendak menganggarkan apakah jumlah perbelanjaan pada seluruhnya dengan mengambil kira semua kos, saya rasa kita menelan belanja lebih kurang \$15,000 untuk menjalani suatu pembedahan ke atas seorang pesakit, dibandingkan dengan lebih kurang \$17,000 atau lebih di sektor swasta dan lebih daripada itu di luar negeri.

Adalah dirancang di Kementerian apabila kemudahan kita mencukupi untuk mengendalikan semua kes yang memerlukan pembedahan di dalam negeri juga, bahawa dalam kes-kes tertentu sahaja, pesakit-pesakit akan dirujuk ke pusat-pusat pembedahan di luar negeri, Yang lainnya harus dikendalikan di dalam negeri. Tetapi pada masa ini kita belum berkeupayaan untuk mengendalikan semua kes di dalam negara.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, dalam soalan tambahan. Untuk golongan miskin yang dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi dikurangkan sedikit sebanyak, apakah maksud "sedikit sebanyak" itu, berapa banyak "sedikit sebanyak"? Saya ingin tahu juga, apakah pernah terjadi di mana golongan miskin yang tidak berupaya membayar maka

kehendaknya untuk menjalani "bypass operation" ini ataupun pembedahan pintasan koronari ini ditolak sama sekali oleh kerana mereka tidak berupaya membayar? Adakah pernah berlaku kes-kes seperti ini di mana mungkin mesti dibuat pembayaran terlebih dahulu sedikit sebanyak tetapi mereka tidak berupaya maka mereka tidak akan menikmati kemudahan pembedahan ini, apakah pernah berlaku?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, seperti juga dalam keadaan-keadaan yang lain, pesakit-pesakit yang datang ke hospital-hospital Kerajaan boleh dapat pengecualian 100% ataupun sebahagiannya tertakluk kepada kemampuan pesakit itu dan ini akan disoal-selidik kepada pesakit atau keluarganya. Dalam ingatan saya dan pengetahuan kami tidak ada pesakit-pesakit penyakit jantung ataupun lain yang dinafikan rawatan di hospital-hospital Kerajaan kerana mereka tidak mampu membayar.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa kita walaupun belum mampu mengendalikan semua kes tetapi nampaknya confident, dengan izin, yang kita boleh mengendalikan kes yang penting. Benarkah laporan mengatakan ataupun cerita-cerita mengatakan bahawa semasa pembedahan dilakukan ke atas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita baru-baru ini, oleh kerana kepakaran kita tidak cukup, kita mengimport beberapa pakar jantung untuk melakukan pembedahan ke atas beliau? Itu satu.

Keduanya, bagaimana kesan daripada pembedahan secara koronari yang dijalankan ke atas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu dilakukan di negeri kita sendiri,

adakah kesannya baik untuk mendorong Menteri-menteri lain untuk menjalani pembedahan di sini kerana ceritanya seorang Menteri menjalani pembedahan di Hospital Besar juga sedangkan dulu selalunya di London, di Amerika. Jadi, adakah kesannya begitu?

Ketiganya, bagaimana perancangan untuk melengkapkan hospital-hospital di Sarawak dan Sabah kerana saya fikir untuk mendekatkan orang-orang miskin di kedua-dua buah negeri itu kita perlu mewujudkan satu hospital yang lengkap ataupun melengkapi Normah Specialist Medical Centre yang ada sekarang di Sarawak, sempena nama Allahyarhamah bekas isteri Tun Abdul Rahman Yaakub. Jadi adakah rancangan untuk memberi kelengkapan seumpama itu yang lebih baik untuk Sarawak dan Sabah?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, banyak soalan itu. Dari segi keyakinan pakar-pakar dan kakitangan kita yang menjalankan pembedahan ini memang sudahpun diketahui umum dan tidak ada apa tanda ragu-ragu. Mereka memang yakin dapat menjalankan segala pembedahan yang perlu.

Mengenai laporan atau khabar angin yang mengatakan bahawa ada pakar-pakar jantung yang diimport semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjalani pembedahan di hospital baru-baru ini, memang itu khabar angin sahaja. Sudah dua tiga kali kita menjelaskan di dalam Dewan ini dan juga di luar bahawa pembedahan itu dilakukan oleh pakar-pakar kita sendiri. Tidak ada pakar pembedahan yang diimport yang berada di sisi mereka pada masa menjalankan pembedahan atau membantu mereka. Kita hanya mendatangkan seorang pakar Cardiologist yang pakar dalam satu rawatan cara angioplasty untuk menentukan jika proses itu dapat dijalankan untuk mengelakkan

pembedahan. Itu dilakukan beberapa hari sebelum pembedahan dijalankan. Kita telah juga mengumumkan kepada Dewan ini nama-nama pakar yang turut hadir dalam pembedahan yang dijalankan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan kita memang menganggap mereka berupaya dan yakin penuh.

Mengenai kesan adakah lain-lain Menteri didorongkan untuk menjalani pembedahan seperti ini di dalam negeri, apa yang saya dapat memberitahu di sini belum ada Menteri yang memerlukan pembedahan seperti ini selepas contoh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu—kita tunggu dan kita lihat. Tetapi saya rasa ada ramai yang menjalani pembedahan, dan bukan Menteri-menteri sahaja, yang dirujuk ke luar negeri dahulu. Ada juga pekerja-pekerja Kerajaan biasa di peringkat golongan Bahagian IV atau kategori D pun yang dirujuk untuk rawatan pembedahan di luar negeri pada masa kita belum cukup keupayaan untuk menjalani pembedahan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sedikit, saya rasa Yang Berhormat Menteri, Datuk Amar Stephen Yong, yang pernah menjalani pembedahan di sini. Saya rasa jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak berapa tepat. Tolong betulkan.

Dato' K. Pathmanaban: Tidak payah saya jawab saya rasa.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Itu terserah kepada Yang Berhormat.

Dato' K. Pathmanaban: Jika Yang Berhormat Menteri menjalankan pembedahan jantung saya sebutlah, tetapi bukan pembedahan jantung yang dijalankan. Jika, khabar angin yang salah (*Ketawa*) daripada Yang Berhormat dari Pasir Mas. Ada orang

Sarawak di sisi beliau boleh diminta, atau boleh melawat Yang Berhormat Menteri itu pada petang ini. Beliau dalam keadaan yang baik.

Adakah cadangan kita untuk mewujudkan hospital seperti ini di Sarawak? Memang belum ada, kerana kepakaran dan kemudahan-kemudahan fizikal dan lain-lain yang diperlukan belum mencukupi untuk kita mewujudkan sebuah lagi pusat pembedahan pintasan coronary di negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan,

(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan tidak hadir).

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin.

(Soalan No. 6 Y.B. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin tidak hadir).

RUMAH KOS RENDAH

7. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Buruh menyatakan sama ada Kerajaan bercadang hendak mendirikan rumah kos rendah khas kepada pekerja-pekerja ladang dengan harga di bawah paras \$12,000 selaras dengan usaha membantu kaum pekerja.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk membina rumah kos rendah khas kepada pekerja-pekerja ladang dengan harga di bawah paras \$12,000. Majikan-majikan ladang di bawah skim memiliki rumah pekerja digalakkan supaya memperuntukkan tanah percuma dan membina rumah-rumah kos rendah bagi dijual kepada

pekerja-pekerja mereka. Rumah-rumah sedemikian biasanya dijual dengan harga dalam lingkungan \$22,000 hingga \$25,000 seunit. Selain dari itu pekerja-pekerja ladang boleh memohon rumah-rumah kos rendah yang dibina oleh Kerajaan dan agensi-agensinya atau oleh pihak-pihak swasta.

SIMEN PORTLAND/PUTIH— PENGELUARAN

8. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) pengeluaran maksima dan minima bagi setiap kilang simen termasuk simen putih di Malaysia sejak tahun 1988;
- (b) keperluan pasaran dalam negeri dan luar negeri tiap-tiap tahun; dan
- (c) mengapa bekalan dalam negeri sering menghadapi kekurangan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M. G. Pandithan): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Keupayaan pengeluaran maksima simen "portland" dan simen putih adalah sebanyak 7.7 juta tan metrik dan 30,000 tan metrik setahun masing-masing. Jumlah pengeluaran simen "portland" di Malaysia bagi tempoh 1986 hingga 1988 ialah:

3.5 juta tan metrik bagi tahun 1986;

3.2 juta tan metrik bagi tahun 1987; dan

3.8 juta tan metrik bagi tahun 1988.

Bagi simen putih, pengeluarannya ialah:

13,607 tan metrik bagi tahun 1986;

20,539 tan metrik bagi tahun 1987; dan

23,894 tan metrik bagi tahun 1988.

- (b) Daripada jumlah pengeluaran ini pengagihannya mengikut Pasaran Dalam Negeri dan Pasaran Eksport ialah:

Bagi simen portland:

3.4 juta tan metrik dijual di dalam negeri dan 56,469 tan metrik di eksport pada tahun 1986:

pada tahun 1987, 2.9 juta tan metrik dijual dalam negeri dan 229,803 tan metrik dieksport; dan

pada tahun 1988, 3.3 juta tan metrik dijual dalam negeri dan 564,368 tan metrik dieksport.

Bagi simen putih pula:

7,330 tan metrik dijual dalam negeri dan 4,951 tan metrik dieksport pada tahun 1986;

pada tahun 1987, 7,905 tan metrik dijual dalam negeri dan 11,310 tan metrik dieksport; dan

pada tahun 1988, 9,238 tan metrik dijual dalam negeri dan 14,715 tan metrik dieksport.

- (c) Sukalah saya mengambil peluang ini untuk menegaskan bahawa bekalan simen dalam negeri adalah mencukupi untuk menampung permintaan pada setiap masa. Keupayaan pengeluaran maksimum kilang-kilang simen tempatan sebanyak 7.7 juta tan metrik setahun adalah lebih dari mencukupi bagi menampung keperluan simen negara yang dianggarkan kira-kira 3.1 juta tan metrik

setahun. Masalah kesukaran mendapatkan bekalan simen yang dilaporkan baru-baru ini hanya melibatkan kawasan-kawasan tertentu sahaja dan berlaku secara sementara disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- (i) kerosakan "kiln" dan "grinding plant" di tiga buah kilang simen;
- (ii) masalah pengangkutan simen di mana Keretapi Tanah Melayu dan syarikat-syarikat pengangkutan lain tidak berupaya mengadakan perkhidmatan pengangkutan dengan segera; dan
- (iii) pertambahan permintaan yang mendadak dan di luar jangkaan dalam tiga bulan terakhir tahun 1988 telah mengubah struktur bekalan dan menimbulkan masalah di beberapa kawasan tertentu.

Sekarang masalah ini tidak timbul lagi dan bekalan simen yang mencukupi telah dihantar ke kawasan berkenaan bagi memenuhi permintaan tersebut.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu berapa banyaknya simen selain daripada portland simen dan simen putih yang dibuat di dalam negara kita? Kalau ada, berapa banyaknya; kalau tidak, adakah ini diimport daripada negara-negara lain?

Yang kedua, mengapakah mesin-mesin seperti grinding plant dan kiln selalu rosak dari satu kilang kepada satu kilang yang lain dalam satu masa

sahaja. Apakah siasatan dapat dibuat terhadap perkara itu?

Yang ketiga, adakah benar simen yang dibuat di Malaysia ini bukan hanya cukup untuk keperluan dalam negara tetapi juga boleh dieksport ke negara lain. Soalan saya adakah kualiti simen kita boleh merebut pasaran di luar negeri kalau berbanding dengan pembuatan simen daripada negara-negara lain.

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, kita mengeluarkan portland simen dan simen putih. Selain daripada itu kita tidak mengeluarkan apa-apa jenis lain.

Yang kedua, haruslah minta mesin itu mengapa mesin itu gagal atau sentiasa rosak.

Yang ketiga, simen negara kita adalah berkualiti tinggi. Kita mengeksport simen ke beberapa buah negara seperti Bangladesh, Sri Lanka, Singapura, Maldives, India, Vietnam dan negara-negara Oceania yang mengimport simen Malaysia.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Setiausaha Parlimen, adakah benar bahawa simen ataupun harga simen di negara kita ini lebih mahal daripada yang dijual di negara Singapura. Jika benar, kenapakah benda ini berlaku sedangkan di negara kita, kita mempunyai bahan-bahan mentah yang begitu banyak seperti shiel dan lain-lain lagi dan juga bilangan kilang simen lebih banyak di negara kita kalau dibandingkan dengan negara Singapura.

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, kos pengeluaran simen untuk tempatan adalah lebih mahal dan pasaran yang terhad. Untuk negara-negara seperti Singapura mengimport simen daripada Jepun dan beberapa negara, simen di negara itu harganya kurang kerana pasaran

yang besar seperti Jepun dan negara yang lain mengeluarkan lebih untuk pasaran antarabangsa. Negara kita baru-baru ini mengeksport kepada beberapa negara dan kos pengeluaran lebih mahal, kos pengangkutan lebih mahal. Itulah sebab-sebabnya simen Malaysia mahal daripada simen Singapura.

NISBAH DOKTOR PENDUDUK LUAR BANDAR

9. Tuan Hashim bin Safin minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah kadar atau ratio penduduk dan doktor di luar bandar. Apakah kadar penduduk-penduduk ini sudah mencapai tahap yang memuaskan mengikut tahap kesihatan antara-bangsa. Kalau belum memuaskan apakah langkah segera perlu diambil untuk menjamin kesihatan umum bagi masyarakat luar bandar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dr Ting Chew Peh): Tuan Yang di-Pertua, nisbah doktor, penduduk bagi seluruh negara pada tahun 1988 ialah 1:2744. Sungguhpun tidak ada angka bagi nisbah doktor penduduk luar bandar tetapi Kementerian menganggarkan nisbahnya adalah lebih tinggi daripada nisbah di seluruh negara.

Untuk mengurangkan nisbah doktor, penduduk luar bandar, Kerajaan telah pun ada rancangan untuk menempatkan seorang doktor bagi tiap-tiap pusat kesihatan di luar bandar. Tiap-tiap pusat kesihatan memberi perkhidmatan kepada 15,000 hingga 20,000 orang penduduk. Pada masa yang sama juga bilangan doktor di semua hospital daerah dan hospital besar di seluruh negara akan ditambah. Kementerian Kesihatan juga sedang membina lebih banyak pusat kesihatan di mana doktor akan ditempatkan, dan ini akan

memperbaiki lagi nisbah doktor: penduduk luar bandar. Di pusat-pusat kesihatan yang tertentu, lebih dari seorang doktor akan ditempatkan jika perlu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, tidak ada angka nisbah doktor penduduk luar bandar mengikut tahap kesihatan antara-bangsa. Setiap negara mempunyai nisbahnya sendiri berasaskan kepada keperluan masing-masing. Saya suka juga menyebutkan di sini bahawa perkhidmatan kesihatan luar bandar di negara kita sangatlah memuaskan jika dibandingkan dengan negara-negara membangun yang lain.

Tuan Hashim bin Safin: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan jika perlu, dan saya suka mengatakan dan memang perlu pertambahan kepada doktor di luar bandar. Soalannya, kadar doktor dan rakyat atau pesakit seluruh negara ada satu bersamaan dengan 2700 lebih, sedangkan kenyataan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi untuk luar bandar satu pusat kesihatan kecil satu doktor untuk 10,000 hingga 15,000. Perancangan sudah ada. Bila akan dicapai kepada matlamat untuk satu hospital pusat kesihatan kecil seorang doktor dan bilakah boleh mengecilkkan kadar doktor dan penduduk di luar bandar. Itu untuk makluman.

Dr Ting Chew Peh: Saya setuju bahawa perancangan itu memang ada dan pihak Kementerian akan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk menambah doktor-doktor itu secara berperingkat-peringkat.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan adanya nisbah penduduk dan doktor, khususnya di luar bandar, adakah Kementerian Kesihatan berpuas hati dengan

prestasi layanan doktor ini mencukupi. Dan adakah Kementerian berkenaan bercadang untuk mengulang kaji keadaan sebenar, khususnya di luar bandar?

Dr Ting Chew Peh: Boleh ulang soalan itu?

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Boleh. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan adanya nisbah penduduk dan doktor, khususnya di luar bandar, adakah Kementerian Kesihatan berpuas hati dengan prestasi layanan doktor ini mencukupi. Dan adakah Kementerian berkenaan bercadang untuk mengulang kaji keadaan sebenar, khususnya di luar bandar?

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang bukan 100% puas hati dengan bilangan doktor yang sedia ada kerana kita masih menghadapi kekurangan. Dan seperti saya katakan tadi bahawa Kementerian akan mengambil langkah untuk menambahkan lagi doktor, terutama sekali di kawasan luar bandar.

FELDA—KAWASAN TANAH BARU DI LEBUH RAYA TIMUR-BARAT

10. **Tuan Nik Abdullah bin Haji Arshad** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) bersetujukah Kerajaan menjadikan kawasan hutan sepanjang lebuhraya Timur-Barat dan kawasan-kawasan hutan sempadan Malaysia-Thailand sebagai kawasan tanah baru yang akan dimajukan bagi memenuhi matlamat pertanian moden, perkembangan dan mewujudkan bandar-bandar kecil di bawah skim FELDA.

(b) oleh kerana keutamaan Kerajaan ialah untuk menempatkan orang-orang yang tak bertanah bagi menyertai kawasan tanah baru yang dimajukan sudahkah Kerajaan menyediakan bantukan rakyat yang tidak bertanah yang layak menyertainya dan kalau sudah ada perangkaannya, dapatkah diterangkan anggaran mereka yang tidak bertanah; dan

(c) oleh kerana lada hitam, cengkeh dan buah-buahan adalah hasil pertanian yang boleh diproses, dapatkah Kerajaan menjadikan bahan tanaman itu sebagai bahan tanaman FELDA dalam memajukan kawasan-kawasan baru.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Adam bin Abdul Kadir): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) pada masa ini, Kerajaan melalui FELDA telah memajukan beberapa buah rancangan FELDA yang terletak di sepanjang Lebuhraya Timur-Barat dan kawasan di sempadan Malaysia-Thailand. Rancangan-rancangan tersebut ialah Mata Air, Rimba Mas, Laka Selatan, Bersia, Nenering 1 dan Nenering 2 dengan keluasan kawasan ladang berjumlah 5,549.14 ataupun hampir 5,550 hektar dan 383 hektar kawasan perkampungan. Tanaman yang diusahakan ialah getah dan kelapa sawit. Pada asasnya, kawasan-kawasan ini adalah kurang sesuai dimajukan memandangkan rupa buminya terlalu berbukit dan curam untuk tanaman sawit dan getah. Justeru itu, kos pembangunan kawasan-kawasan tersebut adalah tinggi dan pulangnya

tidak setimpal dengan kos pembangunan. Walau bagaimanapun, ia telah dimajukan dengan mengambil kira aspek keselamatan dan diiktiraf sebagai projek keselamatan dan pembangunan atau ringkasnya KESBAN.

(b) Kerajaan tidak menyediakan banci bagi mengenalpasti bilangan rakyat yang tidak bertanah. Bagi menyertai rancangan-rancangan FELDA, proses pemulihan peneroka adalah melalui Kerajaan Negeri berdasarkan kriteria yang ditetapkan seperti sihat tubuh badan, tidak mempunyai tanah, berkeluarga dan berminat kuat untuk bekerja di ladang. Pada masa ini, FELDA hanya berupaya menempatkan kira-kira 6,000 orang peneroka setahun, sedangkan senarai peneroka menunggu sekarang adalah kira-kira 12,000 orang.

(c) Pada masa ini FELDA sedang menjalankan projek printis bagi tanaman buah-buahan dan tanaman kontan di Bukit Cerakah, Shah Alam yang melibatkan tanah seluas 160 hektar. Projek printis tersebut bertujuan bagi mengkaji kemungkinan bagi meluaskan tanaman buah-buahan ke rancangan-rancangan FELDA dari segi pulangan hasil pendapatan peneroka dan cara-cara pengurusan. Lada hitam, cengek dan buah-buahan adalah sesuai sebagai tanaman sampingan dan tidak sebagai tanaman utama yang boleh memberi hasil harian yang setimpal kepada peneroka. Oleh itu, tanaman ini tidak dijadikan tanaman utama oleh FELDA tetapi menggalakkan peneroka-peneroka FELDA menanamnya sebagai tanaman sampingan sahaja.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkenaan tadi ada menyebutkan bahawa di antara kawasan FELDA di kawasan sempadan Thailand dan Malaysia ada kawasan yang curam dan mungkin ada juga di tempat-tempat yang lain dan dengan sebab kecuraman itu menyebabkan hasilnya tidak memuaskan kepada peserta-peserta. Soalan tambahan saya, adakah Kerajaan bercadang untuk memberikan kepada peserta-peserta yang tinggal di rancangan-rancangan yang curam diberikan kawasan yang agak luas sedikit daripada kawasan-kawasan lain bagi menentukan mereka itu mendapat hasil yang sebaiknya. Terima kasih.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu juga mengandungi cadangan, ertinya sama ada kita boleh mempertimbangkan supaya peneroka mendapat lebih daripada yang normalnya iaitu 10 ekar bagi tiap seorang peneroka.

Cadangan seperti ini sentiasa dipertimbangkan oleh FELDA. Pada masa sekarang ini pun ada setengah-setengah peneroka mendapat lebih daripada 10 ekar iaitu 12 ekar, kadang-kadang 13 ekar, kerana mereka mendapat tanah yang curam atau berbukit. Secara tertentu di sepanjang Lebuh raya Timur-Barat di Selatan Thai itu keadaannya unik daripada rancangan FELDA di tempat lain. Maka di sana semua orang diberikan layanan yang sama, kalau kurang memuaskan semua berasa kurang puas hati kerana tanah di sana memang ada berbukit dan bercuram.

SAMAN MELANGGAR UNDANG-UNDANG JALAN RAYA— JUMLAH HASIL

11. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah jumlah saman-saman yang

telah dikeluarkan selepas berlakunya kemalangan dan ke atas mereka yang melanggar undang-undang jalan raya bagi tahun 1987 dan 1988. Dari jumlah saman-saman yang dikeluarkan ini berapakah yang sepatutnya dipungut oleh Jabatan Kenderaan dan berapakah yang sebenarnya dipungut. Di manakah wang ini disalurkan dan bagaimana ia dibelanjakan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, jumlah saman-saman yang dikeluarkan pada tahun 1987 dan 1988 adalah seperti berikut:

<i>Bagi semua kes</i>	1987	1988
Jumlah saman dikeluarkan	584,520	656,845
Kutipan wang kompaun	\$21,468,282.00	\$33,451,666.00

Tahun	Bil. kenderaan diambil tindakan	Jumlah kes yang dikompaun	Jumlah kes yang didakwa di Mahkamah	Jumlah kompaun	Jumlah denda di Mahkamah	Jumlah kompaun dan denda
1987.. ..	35,473	10,535	14,822	\$1,477,339	\$1,900,901	\$3,358,271
1988.. ..	33,586	22,207	6,066	\$2,866,777	\$ 917,256	\$3,784,033

Semua kutipan wang kompaun/denda-denda mahkamah adalah menjadi hasil Kerajaan Persekutuan dan akan dibelanjakan untuk tujuan pembangunan dan pengurusan.

PEMILIK SAHAM NOMINEE—KAWALAN

12. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Kewangan menyatakan peratus ekuiti di dalam negara ini yang dipegang di bawah pemilik saham nominee, dan adakah beliau sedar bahawa kerahsiaan yang menyelubungi pemilik-pemilik saham nominee ini boleh terdedah kepada penyalahgunaan dan percanggahan kepentingan. Jika ia, adakah pihak Kerajaan akan mengambilkira menghapuskan syarat kerahsiaan ini supaya dapat mendedahkan pemilik

Kes-kes Yang Melibatkan Kemalangan

	1987	1988
Jumlah saman dikeluarkan	48,377	46,035
Jumlah Kutipan wang kompaun/denda mahkamah	\$4,128,015.00	\$4,016,462.00

Kes-kes Yang Tidak Melibatkan Kemalangan

	1987	1988
Jumlah saman dikeluarkan	536,143	610,810
Jumlah Kutipan wang kompaun/denda mahkamah	\$17,340,267.00	\$29,435,420.00

Jumlah saman-saman yang diambil tindakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan bagi tahun-tahun berkenaan adalah seperti berikut:

sebenar saham-saham nominee tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak menyimpan rekod tentang peratus ekuiti dalam negara kita ini yang dipegang oleh pemilik saham nominee. Adalah juga tidak praktik supaya data-data ini disimpan oleh kerana pemegang saham sentiasa bertukar-tukar disebabkan dagangan jual-beli di pasaran saham.

Mengikut undang-undang syarikat yang berkuatkuasa sekarang:

- (a) seseorang yang memegang saham yang besar, dengan izin, substantial, yang diberikan definisi sebagai pemegang 5% daripada ekuiti sesuatu

syarikat adalah dikehendaki mendedahkan butir-butir tentang pemegangannya dan ini termasuklah empunya sebenar, dengan izin, beneficial owner; dan

(b) mana-mana syarikat boleh dengan notis meminta mana-mana pemegang saham memberitahu sama ada memegang saham dengan hak mengundi dalam syarikat berkenaan sebagai empunya sebenar atau sebagai pemegang amanah.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu, jelaslah bahawa tiada kerahsiaan yang menyelubungi pemilik saham nominee atau pemegang saham amanah. Oleh yang demikian, cadangan supaya tindakan diambil untuk meminda undang-undang sekarang ini supaya menghapuskan syarat kerahsiaan adalah tidak berbangkit.

KELAB KOMPUTER—BANTUAN

13. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pendidikan menyatakan setakat manakah peruntukan Kementerian bagi kelas komputer di sekolah-sekolah rendah dan menengah, kerana terdapat ada sekolah-sekolah sentiasa menulis surat kepada sesiapa sahaja untuk menampung perbelanjaan kelas-kelas komputer dan setakat mana pula kelas-kelas seperti itu diperlukan atau diwajibkan.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kementerian Pendidikan tidak pernah memberikan sebarang peruntukan kepada sekolah-sekolah rendah mahupun sekolah menengah untuk tujuan mengadakan kelas komputer.

Secara lebih jelas lagi, tidak ada sebarang peruntukan disediakan untuk tujuan ini di dalam Anggaran Belanjawan pada tiap-tiap tahun.

Sebenarnya, komputer-komputer yang terdapat di sekolah-sekolah pada hari ini adalah atas dayausaha pihak sekolah sendiri yang di perolehi daripada punca-punca kewangan yang lain seperti sumbangan daripada pihak-pihak yang tertentu termasuk pihak ibubapa.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya pada dua tiga tahun lepas apabila komputer ini diperkenalkan di sekolah-sekolah, banyak sekolah telah mengadakan kelab-kelab komputer yang dibiayai oleh pihak swasta, tetapi saya mendengar pula kelab-kelab itu tidak dibenarkan oleh pihak Kementerian Pendidikan lagi. Adakah sehingga ke hari ini tidak dibenarkan? Memandangkan komputer ini amat perlu rasa saya supaya dibenarkan kelab-kelab komputer itu diteruskan di sekolah-sekolah rendah ataupun sekolah menengah yang dijalankan oleh pihak swasta?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat tersebut, bahawa kegiatan-kegiatan komper ini di sekolah-sekolah kita adalah menerusi kelab-kelab komputer yang dibentuk menerusi kegiatan luar bilik darjah dan dibiayai oleh badan-badan seperti yang disebutkan tadi, PIBG dan juga sumbangan-sumbangan daripada badan-badan yang ingin memberikan kemudahan seperti ini kepada sekolah-sekolah di negara kita. Kementerian Pendidikan hanyalah menyediakan garis panduan menerusi buku-buku panduan untuk menjalankan kegiatan-kegiatan kelab komputer itu di sekolah-sekolah kita dan buku itu adalah mengandungi syarat-syarat dan peraturan-peraturan

menjalankan dan menguruskan kegiatan kelab komputer ini supaya ia tidak disalahgunakan di sekolah-sekolah kita.

PENEROKA TANAH BUKAN MELAYU

14. Tuan Ong Tee Keat minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementeriannya untuk menarik lebih ramai lagi peneroka-peneroka tanah yang bukan Melayu agar menyertai pelbagai projek penerokaan tanah Kerajaan.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, peluang untuk menjadi peneroka di rancangan FELDA adalah terbuka kepada semua rakyat Malaysia dengan syarat mereka memenuhi beberapa keperluan iaitu tidak mempunyai tanah, berkeluarga, sihat tubuh badan dan sangat berminat untuk bekerja di ladang. Apabila ada kekosongan di rancangan-rancangan tanah, pihak FELDA akan menghubungi dan memberitahu Pejabat-pejabat Daerah, Wakil-wakil Rakyat di kawasan berkenaan dan juga Ketua-ketua Kampung mengenainya. Pada masa ini sudah ada kira-kira 12,000 calon peneroka yang telah berjaya di temuduga dan masih menunggu untuk ditempatkan di rancangan. Bilangan mereka yang dapat ditempatkan di rancangan adalah terhad kepada 6,000 orang sahaja setahun berdasarkan kepada rancangan-rancangan yang sudah siap dimajukan dan bersedia untuk ditempatkan peneroka.

Tuan Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian yang berkenaan pernah atau bercadang mengambil peladang-peladang haram khususnya dari keturunan bukan Melayu untuk

menyertai projek-projek penerokaan tanah Kerajaan. Jika ada, berapa bilangannya; jika tidak, apa sebabnya.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, peladang-peladang haram itu tentu sekalilah tidak termasuk dalam rancangan-rancangan FELDA. Tetapi kalau mereka memohon untuk menyertai FELDA mereka akan ditimbangkan berdasarkan kriteria yang telah saya sebutkan tadi.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidak dapat dinafikan bahawa rancangan FELDA telah memberi faedah kepada orang-orang dari masyarakat Melayu untuk memiliki tanah untuk bercucuk tanam serta mencari rezeki. Tetapi tidak dapat dinafikan bahawa salah satu prong dalam menjalankan DEB iaitu menyusun semula masyarakat itu tidak dilaksanakan dalam bidang rancangan FELDA itu. Walaupun 20 tahun DEB sudah habis tetapi masih DEB ini tidak dilaksanakan dalam bidang membuka tanah di bawah rancangan FELDA, kenapa? Adakah ini satu kegagalan DEB? Ini sahaja.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu bersama ulasan juga tadi, terima kasih. Tetapi soalan ini bukan sahaja berkaitan dengan FELDA tetapi ada kaitan juga dengan DEB. Rancangan-rancangan FELDA tentu sekali ada kaitannya dengan polisi DEB. Jadi, apa yang dilaksanakan oleh Kerajaan menerusi FELDA ialah berdasarkan perspektif Dasar Ekonomi Baru itu sendiri dan pelaksanaan FELDA memainkan peranan terhadap memenuhi Dasar Ekonomi Baru. Jadi, apa yang dilakukan oleh FELDA hendaklah ditimbangkan berdasarkan pada keseluruhan rancangan-rancangan yang dijalankan oleh Kerajaan di dalam memenuhi Dasar Ekonomi Baru itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Hu Sepang.

(Soalan No. 15 Y.B. Tuan Hu Sepang tidak hadir).

PEJABAT POS DI PEKAN SUNGAI DUA

16. Tuan Haji Mohamad Yusof bin Haji Abdul Latiff minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilakah agaknya Kementerian hendak mendirikan sebuah Pejabat Pos di dalam Pekan Sungai Dua di dalam kawasan Parlimen Tasek Gelugor yang telah dirancangkan beberapa tahun yang lalu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Ong Tin Kim): Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, tapak yang sesuai untuk pembinaan Pejabat Pos baru Sungai Dua telah diperolehi dan bayaran pampasan telah dibuat pada tahun 1988. Pihak Pejabat JKR sedang menyediakan pelan tapak bina dan panggilan tender dijangka akan dibuat pada tahun 1989 ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5, 6, 15 dan 17 hingga 49 adalah diberi di bawah ini).

RUMAH SETINGGAN

5. Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkaitan dengan masalah rumah-rumah setinggan yang masih banyak dalam negara kita yang tidak akan selesai jika tidak diberi perhatian dengan bersungguh-sungguh, apakah langkah-langkah Kerajaan di akhir-akhir ini secara yang

paling baik untuk menolong mereka sebagai sebuah negara yang kaya dengan hasil bumi dan mewah dengan keluasan tanah-tanah bumi rata.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam): Kerajaan sentiasa memberi perhatian terhadap masalah perumahan setinggan dan langkah-langkah tertentu sedang diambil untuk mengurangkannya. Di antara langkah-langkah itu termasuklah:

- (i) Melaksanakan pembangunan perumahan kos rendah di kawasan-kawasan yang diduduki oleh setinggan-setinggan dan yang berhampiran dengan kawasan-kawasan setinggan.
- (ii) Memberi milik plot-plot tanah untuk pembinaan rumah oleh setinggan-setinggan.
- (iii) Membekal kemudahan-kemudahan asas kepada kawasan-kawasan setinggan yang boleh dimajukan sebagai kampung.
- (iv) Memberi kemudahan-kemudahan asas sebagai langkah sementara waktu sehingga rumah-rumah kos rendah dibina atau sehingga plot-plot tanah diberi.
- (v) Menyediakan rumah-rumah panjang sebagai petempatan sementara sehingga mereka ditawarkan rumah.

JUDI HARAM

6. Tuan Nasruddin Haji Alang Saidin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan usaha-usaha dan langkah-langkah serta kejayaan pihak polis bagi membanteras judi haram yang berleluasa yang bernilai di antara \$5,000 ke \$10,000 juta setahun seperti yang dinyatakan oleh Ketua Polis Negara. Adakah pihak Kementerian

sedar bahawa kegiatan ini ada hubungkaitnya dengan kegiatan jenayah yang sama-sama berleluasa masa kini. Jika ya, apakah tindakan yang telah dan akan diambil.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Pihak polis telah berjaya membanteras kegiatan perjudian haram bernilai lebih kurang \$5,000 juta setahun terutamanya di dalam kegiatan perjudian catitaruh haram. Kementerian Dalam Negeri sedar bahawa kegiatan jenayah tertentu ada hubungkaitnya dengan kegiatan-kegiatan perjudian khususnya perjudian "book-making" atau judi haram yang lain.

Bagi mengatasi masalah kegiatan haram ini dari terus berleluasa, pihak kerajaan melalui Kementerian Kewangan telah mengambil langkah melesenkan kegiatan perjudian seperti Sport Toto, Empat Nombor Ekor Magnum dan perjudian di Kasino Genting Highlands dengan tujuan untuk mengawal kegiatan perjudian haram dari terus berleluasa. Pihak polis pula telah dan akan meneruskan usaha-usaha bagi membantu menurunkan kadar jenayah dengan meningkatkan penggelidahan, serbuan/tangkapan terhadap tempat-tempat perjudian haram dan mengambil tindakan ke atas penganjur-penganjur dan sindiket perjudian mengikut lunas undang-undang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 16,606 penggelidahan telah dijalankan oleh pihak polis dari tahun 1987 hingga bulan Januari, 1989 dan dalam penggelidahan itu, seramai 25,377 orang telah pun ditangkap.

PERTUNJUKAN ARTIS-ARTIS ASING

15. Tuan Hu Sepang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan artis-artis dan kumpulan-kumpulan

asing yang mohon untuk mengadakan pertunjukan di Malaysia dalam tahun 1986, 1987, 1988 dan sehingga Februari, 1989 dan nyatakan senarai artis-artis dan kumpulan-kumpulan tersebut dan nyatakan sebab-sebab mereka dibenarkan atau tidak dibenarkan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Bilangan artis-artis asing yang memohon dan telah dikeluarkan Pas Lawatan (Iktisas) pada tahun 1986, 1987, 1988 dan sehingga Februari, 1989 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Diluluskan</i>
1986	3,549
1987	2,834
1988	2,905
1989 sehingga Februari	359
JUMLAH ..	9,647

Oleh kerana bilangannya terlalu ramai, maka tidaklah praktikal untuk saya membacanya satu persatu.

Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen mempunyai peraturan dan garis panduan tertentu dalam mengendalikan kemasukan artis-artis di negara ini. Hanya artis-artis yang memenuhi peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan sahaja akan dibenarkan masuk untuk mengadakan pertunjukan.

LEMBAGA LETRIK SABAH— KEUNTUNGAN

17. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan keuntungan yang dicatat oleh Lembaga Letrik Sabah bagi tahun 1985, 1986, 1987 dan 1988 dan menyatakan mengapakah kadar bayaran para pengguna tempatan

lebih tinggi berbanding dengan yang pengguna-pengguna di Semenanjung Malaysia, sila menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menyelaraskan kadar bayaran antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak demi integrasi dan perpaduan negara, jika tidak, mengapa.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Lembaga Letrik Sabah (LLS) tidak pernah mencatatkan keuntungan semenjak daripada dahulu sehingga sekarang. Kerugian mulai tahun 1985 sehingga 1988 adalah di antara \$15 juta dan \$25 juta setahun.

Lembaga Letrik Negara, LLS dan Perbadanan Pembekalan Elektrik Sarawak adalah tiga utiliti berasingan yang diwujudkan di bawah Akta masing-masing. Dengan itu tarif yang dikenakan oleh tiap-tiap badan itu semestinyalah berasaskan kos yang ditanggung oleh badan yang berkenaan itu sendiri. Di Sabah dan Sarawak, "economy of scale" tidak wujud sebagaimana terdapat di Semenanjung. Oleh itu penyelarasan kadar sebagaimana dicadangkan tidak dapat dilakukan. Di Sarawak, sebenarnya perbadanan berkenaan masih di bawah kelolaan Kerajaan Negeri.

PENGALIRAN KELUAR MODAL

18. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada pengaliran keluar modal dalam tahun 1988 menunjukkan terdapat tambahan pengaliran keluar modal berbanding dengan anggaran rasmi sebanyak \$1.2 billion dalam tahun 1987 dan sama ada pengaliran keluar modal ini adalah sebabnya nilai matawang ringgit susut.

Tuan Loke Yuen Yow: Anggaran terakhir bagi tahun 1988 menunjukkan bahawa pengaliran keluar modal pada tahun 1988 sebahagian besarnya disebabkan oleh pembayaran balik

serta bayaran balik awal atau dengan izin "repayments and prepayments" yang dibuat ke atas hutang luar negeri oleh sektor awam dan sektor swasta. Walau bagaimanapun, pengaliran keluar tersebut telah diimbangi oleh pengaliran masuk pelaburan asing secara langsung. Oleh itu, aliran keluar bersih kumpulan wang dianggap masih dalam lingkungan \$1 hingga \$2 ribu juta, iaitu jumlah yang dianggap biasa.

Pengaliran keluar dan masuk modal adalah satu perkara biasa dalam ekonomi sesebuah negara. Malaysia mengamalkan sistem pasaran bebas dan pertukaran asing yang liberal. Pengaliran keluar modal adalah disebabkan oleh pemastautin Malaysia mengambil kesempatan dari perbezaan kadar faedah dan melabur di luar negeri, pembayaran untuk import dan bayaran balik atau bayaran awal hutang luar negeri. Adalah tidak benar tuduhan bahawa aliran keluar modal adalah semata-mata disebabkan oleh penurunan nilai ringgit.

AKTA PELAJARAN 1961— PINDAAN

19. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah suatu Akta Pelajaran (Pindaan) 1961 atau suatu Akta Pendidikan baru akan dibentang di Parlimen dan sama ada beliau sanggup memberi jaminan bahawa dalam akta pindaan atau akta baru tersebut tidak ada sebarang perkara yang memberi kuasa kepada Menteri berkenaan atau siapa-siapa pun untuk menukar taraf SRJK(C) dan (T) kepada SRK, jika tidak, mengapa.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa yang mengkaji Akta Pelajaran 1961 masih mengkaji Akta berkenaan. Oleh itu belum dapat dimaklumkan perkara-perkara yang

dicadangkan itu. Walau bagaimanapun, Kementerian ini ingin menyatakan bahawa pandangan-pandangan yang membina daripada semua pihak memang diberi perhatian yang sewajarnya dalam kajian tersebut.

SAIZ BILIK RUMAH

20. Dr V. David minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) apakah keluasan pembinaan minima ("minimum built-up area") bagi setiap rumah/rumah pangsa kos rendah menurut kehendak undang-undang; dan
- (b) apakah maksudnya sebenarnya istilah "konsep terbuka" yang sedang digunakan dalam pembinaan rumah/rumah pangsa kos rendah yang telah diluluskan oleh Kementerian beliau.

Dato' S. Subramaniam:

- (a) Berdasarkan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1985 yang menentukan saiz bilik-bilik tertentu dalam rumah seperti bilik tidur, ruang tamu dan sebagainya, keluasan lantai minimum bagi sesebuah rumah yang mempunyai dua bilik tidur ialah 38 meter persegi. Walau bagaimanapun, bagi rumah awam kos rendah, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengeluarkan garis panduan yang telah menetapkan keluasan lantai rumah kos rendah ialah di antara 42-58 meter persegi, yakni lebih luas daripada keluasan minimum Undang-undang Kecil Bangunan Seragam. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, semua pelan yang disediakan oleh Jabatan Perumahan Negara mempunyai keluasan lantai

lebih dari 46.5 meter persegi dan bagi rumah jenis 3 bilik, keluasan lantai ini adalah lebih kurang 65.5 meter persegi. Keluasan lantai ini adalah berasaskan luas bilik tidur, bilik ruang tamu, bilik mandi dan dapur yang ditetapkan dalam Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1985. Rumah itu juga perlu mengandungi dua bilik tidur, sebuah bilik rehat/tamu, satu dapur dan sebuah bilik mandi/tandas. Kementerian ini juga menggalakkan pembinaan rumah kos rendah yang mempunyai tiga bilik tidur.

- (b) Istilah "konsep terbuka" bermakna ruang-ruang yang diadakan di dalam sesebuah rumah itu tidak mempunyai bilik-bilik atau dinding penyekat yang kekal ("permanent"). Tujuannya ialah supaya pemilik rumah tersebut boleh membuat penambahan ("extension") kepada rumah di masa-masa akan datang apabila bilangan ahli keluarganya ada kemampuan kewangannya bertambah. Konsep ini juga memberi "flexibility" pada penghuni/pemilikinya di dalam penggunaan ruang-ruang mengikut citarasa masing-masing. Konsep ini adalah sesuai untuk kawasan pinggir bandar dan luar bandar di mana harga tanah adalah tidak begitu tinggi. Konsep ini telah dilaksanakan oleh Jabatan Perumahan Negara di Negeri Kedah.

SIJIL KELAHIRAN LEWAT

21. Tuan Jawah anak Gerang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah rancangan Kerajaan supaya proses membuat Sijil Kelahiran Lewat di seluruh

Negara khasnya di Sarawak dapat dipercepatkan;

- (b) sama ada Kerajaan sedar bahawa beribu-ribu rakyat di Negara ini khasnya di kawasan luar bandar Sarawak belum lagi mempunyai kad pengenalan disebabkan belum lagi mempunyai Sijil Kelahiran;
- (c) apakah usaha Kerajaan supaya semua rakyat di negara ini boleh diberikan kad pengenalan dan surat kelahiran; dan
- (d) sama ada Kerajaan sedar bahawa orang ramai khasnya murid-murid sekolah telah menghadapi masalah yang rumit akibat daripada tidak mempunyai sebarang dokumen seperti kad pengenalan dan sijil kelahiran.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Antara langkah-langkah yang dilaksanakan untuk mempercepatkan prosesan permohonan sijil kelahiran daftar lewat ialah:
 - (i) Penyediaan panduan kepada kakitangan Pejabat Pendaftaran Negara di semua peringkat supaya mereka dapat menjalankan tugas mereka dengan cepat dan berkesan;
 - (ii) melalui kerjasama Jabatan Penerangan, Pejabat-Pejabat Daerah dan agensi-agensi lain yang berkaitan, orang ramai diberitahu mengenai syarat-syarat dan dokumen-dokumen yang dikehendaki untuk melengkapkan permohonan mereka;
 - (iii) mengadakan temuduga dengan pihak-pihak berkenaan serentak dengan masa penyerahan permohonan jika didapati permohonan itu diisi dengan

lengkapnya dan saksi-saksi serta ibubapa kanak-kanak berkaitan hadir sama pada masa itu;

- (iv) memastikan supaya pemohon memberikan alamat kemaskini yang tepat.
- (b) Kerajaan tidak sedar terdapatnya beribu-ribu kanak-kanak di negara ini, khasnya yang tinggal di kawasan pedalaman Sarawak, belum lagi mempunyai kad pengenalan walaupun telah melebihi umur 12 tahun kerana tidak memiliki sijil kelahiran.
- (c) Untuk memberi kemudahan kepada ibubapa dan pemaklum melapurkan kelahiran yang berlaku, Jabatan Pendaftaran Negara telah mewujudkan jentera pentadbirannya sehingga keperingkat daerah dan kampung di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, dengan melantik Pendaftar-pendaftar Kelahiran dan Kematian, yang terdiri daripada pegawai-pegawai Polis dan Penghulu untuk mendaftar kelahiran dan kematian. Di negeri Sarawak pula pada tahun 1986 Pejabat Pendaftaran Negara telah menghantar Pegawai Pendaftaran atau wakilnya ketiap-tiap daerah diseluruh negeri itu. Selain daripada itu, Kerajaan telah melantik 409 orang wakil pendaftaran untuk menjalankan kerja-kerja pendaftaran kelahiran di beberapa tempat pedalaman terdiri daripada kerani-kerani Pendaftaran, Pemanca, Penghulu, Tua Rumah, Ejen Sungai dengan izin (Up-river Agents), jururawat dan bidan-bidan di Klinik Desa. Disamping itu, lawatan secara berjadual juga

diaturkan ke kawasan pendalaman berkenaan.

- (d) Kerajaan tidak sedar bahawa terdapat orangramai termasuk murid-murid sekolah yang menghadapi masalah kerana mereka tidak mempunyai kad pengenalan atau sijil kelahiran.

SIJIL SENIOR MIDDLE III

22. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah kelayakan atau kelulusan yang diterima sebagai setaraf dengan Sijil Pelajaran Malaysia dan adakah Sijil atau kelulusan Senior Middle III bagi Sekolah Menengah (Suwa) diterima sebagai setaraf dengan Sijil Pelajaran Malaysia. Jika tidak mengapa.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional adalah diterima sebagai setaraf dengan Sijil Pelajaran Malaysia. Ini adalah kerana peperiksaan-peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional berasaskan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia dan dikendalikan mengikut Undang-undang Kecil Peperiksaan Akta Pelajaran 1961.

HARGA BARANG-BARANG— KENAIKAN

23. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa berlakunya kenaikan harga barang-barang keperluan harian, sama ada barangan kawalan atau tidak secara sewenang-wenangnya oleh peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab dan sangat lambat baru dapat dikesan, kenapakah terjadi sedemikian rupa. Bagaimana wibawa Bahagian Penguatkuasa dalam menghadapi kes seperti ini.

Tuan M. G. Pandithan: Jawapan bagi soalan ini telah pun dijawab bersama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kawasan Tebrau pada 8-3-89. Jawapan tersebut telah disampaikan oleh Y.B. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, tetapi, disebabkan jawapan tersebut terlalu panjang maka Tuan Yang Dipertua telah bersetuju supaya jawapan ini diberi secara bertulis. Oleh itu saya berhajat tidak akan mengulangi lagi.

GALAKAN PELANCONGAN KE EROPAH

24. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (a) apakah hasil positif yang dicapai dari misi galakan pelancongan ke negara-negara Eropah dalam bulan November tahun lalu dengan memberi butir-butir negara yang dilawat dan hasil-hasil tertentu yang dicapai;
- (b) apakah persiapan yang dibuat setakat ini berkaitan kempen "Melawat Malaysia 1990" dengan memberi butir-butir perbelanjaan yang dikeluarkan dan amaun yang dibelanjakan setakat ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Raman bin Suliman): Misi penggalakan pelancongan ke Eropah dari 13 November hingga 6 Disember 1988 merupakan satu aktiviti susulan kepada misi yang diadakan dalam tahun 1985. Memandangkan persaingan yang hebat dari destinasi-destinasi lain bagi pasaran-pasaran pelancongan Eropah (Jerman Barat, Itali, Perancis, Belanda, UK dan Switzerland) dan penekanan yang diberikan kepada "Tahun Melawat Malaysia 1990" maka misi penggalakan ke Eropah ini amatlah wajar.

Missi tersebut telah memberi beberapa hasil positif. Di antaranya ialah:

- (i) mempertingkatkan kesedaran mengenai Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan yang menarik di kalangan pasaran Eropah, khususnya Jerman Barat, Itali, Perancis, Belanda, United Kingdom dan Switzerland;
- (ii) mengemaskinikan maklumat-maklumat yang sedia ada mengenai perkembangan pelancongan di Malaysia di kalangan pengusaha-pengusaha pelancongan di pasaran-pasaran yang diliputi, khususnya untuk menambahkan minat mereka bagi menjual "pakej" ke negara ini;
- (iii) memberi peluang kepada sektor swasta kita memperkenalkan produk-produk mereka di pasaran-pasaran yang baru khususnya di Itali dan Perancis;
- (iv) memberi peluang kepada sektor swasta Malaysia berjumpa dan berbincang dengan pengusaha-pengusaha pelancongan melalui "Sales Calls" dan "Travel Mart" bagi mewujudkan serta mempertingkatkan hubungan perniagaan antara kedua-dua pihak;
- (v) mendapatkan maklumbalas dari pengusaha-pengusaha pelancongan di pasaran-pasaran yang diliputi masalah dan halangan dari segi menggalakkan perjalanan antara pasaran-pasaran yang diliputi dan Malaysia. Hasil dari misi ini beberapa kontrak telah ditandatangani di antara sektor swasta dan publisiti-publisiti luar negeri. Di samping itu juga

pembangunan untuk pakej-pakej baru juga boleh dilangsungkan.

Seperti Yang Berhormat maklum, kempen publisiti Tahun Melawat Malaysia 1990 telah dilancarkan pada 1-11-1988 oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan dan Pelancongan. Bahan publisiti yang awal tentang rancangan kita seperti poster dan bahan maklumat mengenai Tahun Melawat Malaysia 1990 telah diedarkan di luar dan di dalam negeri. Promosi dan galakan di luar negeri telah dan sedang dilaksanakan untuk "menjual" Tahun Melawat Malaysia melalui rombongan-rombongan anjuran Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (TDC) dan penyertaan-penyertaan di ekspo-ekspo antarabangsa.

Selaras dengan Tema Tahun Melawat Malaysia 1990 untuk mengadakan berbagai-bagai acara dan kegiatan-kegiatan kebudayaan, kesenian, pameran, pertunjukan, sukan dan lain-lainnya di sepanjang tahun 1990, Kementerian bersamasama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dan organisasi swasta telah menyenaraikan acara-acara dan persembahan-persembahan yang akan diadakan dalam tahun 1990. Setakat ini Kementerian telah mengenalpasti 84 acara di samping 12 perayaan tradisional dan 9 pameran tentang Malaysia yang akan diadakan di beberapa tempat di seluruh negara.

Persediaan-persediaan dalam negeri sedang juga diuruskan bagi menimbulkan kesedaran rakyat umum tentang Tahun Melawat Malaysia supaya mereka dapat memberi sumbangan terhadap pelancongan, mempersiapkan kemudahan pengangkutan dan kemudahan asas bagi menerima pelancong-pelancong dalam tahun 1990 dan juga mendapatkan penglibatan pihak-pihak yang terlibat dalam industri pelancongan bagi

menjayakan program Tahun Melawat Malaysia 1990 ini.

Berhubung dengan perbelanjaan-perbelanjaan untuk program Tahun Melawat Malaysia 1990, ingin dimaklumkan bahawa setakat ini perbelanjaan yang telah dikeluarkan adalah sebanyak \$731,558 bagi membiayai bahan-bahan promosi di dalam dan di luar negeri.

DIALOG MALINDO I

25. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah tindakan songsongan Kerajaan kedua belah pihak hasil daripada Dialog Malindo I. Dialog Malaysia-Indonesia khususnya dari segi sumbangan ke arah memantapkan kestabilan Asia Tenggara.

Menteri Belia dan Sukan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Dialog Malindo I walaupun baru diadakan 3 bulan yang lalu telah menunjukkan beberapa hasil yang memberangsangkan bagi kedua-dua negara Indonesia dan Malaysia. Kesemua hasil ini memanglah pada jangkamasa panjangnya diharap akan membawa ke arah memantapkan kestabilan Asia Tenggara.

Dua tindakan ketara yang merupakan hasil segera dialog ini ialah:

- (i) Usaha pihak Kerajaan Malaysia mendaftarkan pendatang tanpa izin dari Indonesia; dan
- (ii) Kerajaan Indonesia pula telah memberi pengiktirafan dan kelulusan untuk mengedar 1,250 jodol buku keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka. Buku-buku ini dahulunya tidak dibenarkan dibawa masuk ke Indonesia.

Selain daripada itu, kedua-dua pihak telah membuat tindakan susulan yang antaranya adalah:

- (i) Satu mesyuarat telah diadakan antara Himpunan Usahawan Muda Indonesia dengan satu rombongan misi perdagangan Belia dari Malaysia bertempat di Jakarta pada 3 Mac, 1989.
- (ii) Malaysia juga akan menjadi tuan rumah kepada "Conference of Young Entrepreneurs" yang dijadualkan diadakan di Kuala Lumpur.
- (iii) Perhubungan telah diatur antara Koperasi Belia Nasional (KOBENA) dengan Koperasi Pemuda Nasional Indonesia.
- (iv) Kedua-dua pihak telah ber-setuju untuk mewujudkan mekanisma tetap untuk mengendalikan program dialog/kursus dari masa ke semasa. Dalam hubungan ini persiapan telah pun dimulakan untuk mengadakan Dialog Malindo II di Puncak, Indonesia dalam bulan Disember 1989.

Kesemua tindakan yang telah diambil adalah dengan matlamat untuk memupuk kesefahaman dan kerjasama untuk menghubungkan generasi muda khasnya pemimpin-pemimpin Belia ASEAN supaya lebih akrab di antara satu sama lain.

KERACUNAN MAKANAN

26. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan kes keracunan makanan seluruh negara bagi tahun-tahun 1986, 1987, 1988 dan sehingga 28-2-1989 termasuk keracunan di sekolah dan apakah tindakan yang di ambil supaya perkara ini tidak berulang lagi.

Dato' K. Pathmanaban: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejumlah 1,877 kes keracunan makanan di seluruh negara telah dilaporkan dalam tahun 1986, sebanyak 2,272 kes dalam tahun 1987, sebanyak 2,219 kes dalam tahun 1988 dan 826 kes dalam tahun 1989 sehingga akhir bulan Februari ini.

Untuk mengatasi ini, Kementerian Kesihatan mempertingkatkan usaha melalui dua strategi, iaitu pelajaran kesihatan dan penguatkuasaan undang-undang. Kementerian Kesihatan telah dan sedang bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan, dan Penguasa-penguasa Tempatan, dan Persatuan-persatuan Pengguna serta media massa untuk memberi makluman serta pendidikan kebersihan makanan kepada murid-murid, guru-guru sekolah, pengendali-pengendali makanan dan juga orang ramai. Kakitangan Kementerian Kesihatan juga ada memberi pendidikan kebersihan makanan kepada ibu-ibu yang datang di pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik seluruh negara.

Dari segi penguatkuasaan undang-undang tertentu seperti Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985 ianya memang sentiasa dijalankan oleh Penguasa-penguasa Tempatan dan Kementerian Kesihatan. Walau bagaimanapun, penguatkuasaan ini akan lebih dketatkan lagi.

KASINO GENTING HIGHLANDS

27. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada lesen Kasino Genting dikeluarkan secara kekal atau bagi tempoh tertentu, dan nyatakan syarat-syarat baru yang dikenakan ke atas pemegang lesen tersebut seperti mengalihkan sebahagian keuntungan besarnya untuk pembangunan sosial dan masyarakat.

Tuan Loke Yuen Yow: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lesen Kasino Genting Highlands diluluskan di bawah Seksyen 27A, "Common Gaming Houses Act, 1953" dan lesen itu dikaji dan diperbaharui setiap 3 bulan. Di dalam lesen tersebut ada ditetapkan beberapa syarat dan peraturan mengenai operasi Kasino. Syarat-syarat tersebut telah ditetapkan sejak lesen Kasino tersebut diluluskan dalam tahun 1973. Tidak ada syarat-syarat baru dikenakan kepada pemegang lesen tersebut.

(Soalan No. 28. Sila lihat jawapan No. 8 pada 7-3-89).

GAJI HAKIM MAHKAMAH TINGGI

29. Tuan Karpal Singh minta Menteri Kehakiman menyatakan scale gaji sekarang bagi Hakim-hakim Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Agung serta butir-butir berkaitan dengan pencen dan gratuiti.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun):

- (a) Mengikut Akta Saraan Hakim (Pindaan) 1980, tanggungaji Hakim-hakim pada masa kini ialah:

Makim Mahkamah Agung = \$5,910 sebulan

Hakim Mahkamah Tinggi = \$5,460 sebulan

- (b) (i) *Amaun Pencen* seorang Hakim ialah dihitung mengikut kadar $\frac{1}{360}$ daripada gaji akhir yang diterimanya bagi setiap bulan genap perkhidmatan sebagai Hakim.

Dengan syarat bahawa walau bagaimanapun pencen yang dihitung sedemikian tidak boleh lebih dari pada $\frac{1}{2}$ daripada gaji akhir yang diterimanya.

- (ii) *Amaun Ganjaran* ialah dihitung mengikut kadar $\frac{1}{20}$ daripada gaji akhir diterimanya bagi tiap-tiap satu bulan genap perkhidmatannya.

LAMPIRAN

1. ELAUN-ELAUN DAN KEMUDAHAN YANG DITERIMA OLEH HAKIM MAHKAMAH AGUNG

- (a) Elaun Bantuan Sewa Rumah sebanyak \$2,000.00 sebulan atau sebuah Rumah Kerajaan yang dilengkapi dengan perabot sepenuhnya (tidak lebih \$105,500.00).
- (b) Elaun Keraiian sebanyak \$2,000.00 sebulan.
- (c) Elaun Menyelenggara Rumah setahun sekali sebanyak \$1,500.00.
- (d) Elaun Pemandu dan 2 orang gaji.
- (e) Bayaran untuk bekalan api dan air.
- (f) Tambang percuma lawatan ke seberang laut bagi setiap lima tahun.
- (g) Sebuah kereta termasuk penyelenggaraan dan pembaikan serta petrol.
- (h) Pinjaman Perumahan mengikut kelayakan yang diperolehi oleh pegawai di bawah superscale "A".
- (i) Pendahuluan kenderaan mengikut kelayakan yang diperolehi oleh pegawai di bawah superscale "A".
- (j) Tuntutan perjalanan, lojing dan sebagainya ketika bertugas di luar.

LAMPIRAN

MAKLUMAT TAMBAHAN

BILANGAN JAWATAN HAKIM DAN KEDUDUKAN PENGISIAN SEKATAN 16-3-1989

A. SEMENANJUNG (MALAYA)

	Bil Jawatan	Pengisian	Kosong
1. Hakim Mahkamah Agung	7	6	1
2. Hakim Mahkamah Tinggi	33	27 (Termasuk 3 JC)	6
3. Hakim Mahkamah Sesyen	39	39	0

B. SABAH DAN SARAWAK (BORNEO)

	Bil Jawatan	Pengisian	Kosong
1. Hakim Mahkamah Tinggi	8	7	1
2. Hakim Mahkamah Sesyen	8	8	0

HOSPITAL—BAYARAN TUNGGAKAN PESAKIT

30. Tuan Hashim bin Safin minta Menteri Kesihatan menyatakan berapakah jumlah tunggakan bayaran hospital yang tidak dibayar oleh pesakit-pesakit setakat 31hb Disember 1988. Apakah langkah yang telah diambil untuk mendapat balik bayaran tunggakan tersebut. Apakah langkah pentadbiran yang kemaskini untuk menjamin tidak berlaku tunggakan hutang di hospital-hospital Kerajaan di masa-masa hadapan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dr Ting Chew Peh): Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah tunggakan bayaran hospital setakat 31 Disember 1988 anggaran \$35,600,000.00. Adapun langkah-langkah yang telah diambil untuk

mendapat balik bayaran tunggakan tersebut seperti berikut:

1. Memperingatkan Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan membuat potongan gaji kakitangan-kakitangan yang terlibat sebagaimana diperuntukan dalam Perintah Am.
2. Membuat tuntutan terus kepada Bank-Bank bagi syarikat-syarikat dan pertubuhan-pertubuhan yang menggunakan kemudahan Jaminan Bank.
3. Mengulangi surat-surat peringatan kepada pesakit dan sebagai langkah terakhir menghantar Notis Guaman untuk tuntutan sivil di Mahkamah.
4. Menimbang memberikan pengecualian kepada pesakit-pesakit yang membuktikan tiada kemampuan membayar.
5. Memperkemas dan memperbaiki sistem bil dan sistem kutipan hasil seperti:
 - (i) mengarahkan kakitangan hospital pergi ke wad-wad untuk membuat kutipan berperingkat.
 - (ii) mengadakan kakitangan supaya kutipan bayaran boleh dibuat dari jam 8.00 pagi hingga 6.00 petang di mana didapati sesuai dan perlu.
 - (iii) menimbang kemudahan bayaran melalui Kad Kredit.
 - (iv) meningkatkan alat-alat untuk mempercepatkan pengeluaran bil dan resit.

Kementerian tidak dapat memberi jaminan daripada berlakunya tunggakan hutang di hospital-hospital disebabkan faktor-faktor seperti berikut:

- (i) Daripada kumpulan pelanggan kepada perkhidmatan

hospital terdapat sekumpulan kecil pesakit yang mencari keuntungan. Kumpulan pesakit tersebut tidak amanah dan sentiasa mencari peluang untuk mengelakkan daripada membayar bil dengan sengaja memberikan maklumat palsu, lari dari hospital dan memberikan janji kosong untuk membayar.

- (ii) Dasar Kerajaan yang mengutamakan pemberian rawatan daripada perkara bayaran.
- (iii) Adanya kumpulan pesakit yang mampu membayar tetapi enggan membayar kerana hendak mengambil kesempatan daripada dasar pengecualian bayaran yang diberikan kepada pesakit yang tidak mampu membayar.
- (iv) Kementerian Kesihatan tidak bercadang untuk mengambil tindakan menguatkuasakan ke atas pesakit seperti tidak memberi ubat dan tidak memberi rawatan manakala tindakan di Mahkamah merupakan proses yang tidak ekonomik dan bilangan kes yang banyak.
- (v) Amalan prinsip etika perkhidmatan oleh kakitangan hospital yang memberi laluan kepada permintaan orang-orang kenamaan dan menegenapkan peraturan pentadbiran.
- (vi) Ada juga pesakit-pesakit yang tidak mampu membayar tetapi tidak membuat permohonan bagi mendapatkan pengecualian bayaran dan hanya memberikan surat sokongan tidak mampu membayar.

Di masa ini Pusat Daya Pengeluaran Negara telah dilantik untuk mengkaji sistem kutipan bayaran hospital.

Adalah diharapkan penemuan-penemuan kajian itu dapat membantu dan digunakan untuk menggubal sistem kutipan bayaran hospital yang lebih berkesan. Kementerian Kesihatan akan terus berusaha untuk memperbaiki kedudukan jumlah tunggakan bayaran itu.

Saya ingin memberi makluman kepada Ahli Yang Berhormat bahawa walaupun jumlah tunggakan yang disebutkan ini adalah besar, iaitu dianggarkan \$35,600,000 bagi tahun 1988, ianya ialah tunggakan yang terkumpul. Begitu juga jika dilihat dari kontek bilangan jumlah katil di hospital-hospital Kerajaan di Malaysia, dan jumlah kemasukan pesakit ke hospital-hospital Kerajaan, iaitu pada tahun 1983, 35,779 katil dengan jumlah kemasukan pesakit ialah 962,897, dan pada tahun 1987 jumlah bilangan katil, selepas ditolak bilangan di Pusat Kusta Negara di Sungai Buloh, ialah 33,161 katil dan bilangan kemasukan pesakit ialah 1,172,981. Dilihat dalam kontek ini, jumlah tunggakan purata adalah tidak tinggi.

PROGRAM LATIHAN KE JEPUN/KOREA

31. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan telah menyusun strategi dan program bagi meningkatkan kecekapan, kekesan dan penghasilan kerja yang lebih baik di kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan. Pegawai-pegawai dan pelajar-pelajar kita telah dihantar ke Jepun dan Korea. Sejauh manakah kemajuan yang telah dicapai berkaitan dengan program-program dan latihan-latihan:

- (a) Latihan perindustrian dan teknikal;
- (b) Program Pengajian Akademik; dan

(c) Program Pengajian Teknikal.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Pada keseluruhannya latihan-latihan yang dijalankan di Jepun dan Republik Korea di bawah Dasar Pandang ke Timur telah mencapai objektif seperti yang ditetapkan khususnya dari segi menerapkan nilai-nilai etika kerja yang positif serta sistem pengurusan orang-orang Jepun dan Korea untuk diamalkan oleh pekerja-pekerja di Malaysia sama ada pihak Kerajaan atau pihak swasta.

Sehingga ini seramai 1,887 pelatih telah dihantar menjalani latihan perindustrian dan teknikal di Jepun dan Republik Korea. Selepas menamatkan latihan, pelatih-pelatih itu ditempatkan semula bertugas di Jabatan-jabatan/Agensi-agensi asal mereka. Satu kajiselidik telah dijalankan secara bersama dengan pihak Jepun ke atas bekas-bekas pelatih yang menjalani latihan di negeri Jepun dan majikan-majikan mereka. Hasil kajiselidik tersebut menunjukkan kesan-kesan yang baik dan menggalakkan dari segi penerapan nilai-nilai etika kerja yang positif yang boleh meningkatkan kecekapan, kekesan dan penghasilan kerja yang lebih baik di kalangan mereka. Terdapat juga bukti-bukti bahawa bekas-bekas pelatih itu bukan sahaja mengamalkan etika-etika kerja tersebut tetapi cuba mempengaruhi pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan yang lain supaya sama-sama mempraktikkannya. Sementara itu berdasarkan kepada maklumat-maklumat balas yang telah diterima menunjukkan kesan-kesan yang sama terdapat juga di kalangan bekas-bekas pelatih yang telah menjalani latihan di Republik Korea.

Daripada program pengajian akademik dan teknikal didapati telah mencapai kemajuan yang sangat

mengalakkan. Seramai 513 pelajar telah pun dihantar mengikuti pengajian tersebut di negeri Jepun dan Republik Korea, seramai 191 pelajar telah pun menamatkan pengajian dengan jayanya dan sekarang kebanyakan daripada mereka telah pun mendapat perkerjaan dengan sektor awam dan swasta khususnya syarikat-syarikat Jepun yang beroperasi di Malaysia. Manakala 3 orang pelajar lagi telah melanjutkan pengajian masing-masing di peringkat Sarjana. JPA telah pun mengadakan perbincangan dengan Jabatan-jabatan Kerajaan dan syarikat swasta yang mengambil pelajar-pelajar tersebut bekerja dengan mereka. Daripada perbincangan-perbincangan itu didapati ketua-ketua jabatan dan majikan-majikan yang berkaitan telah menyatakan rasa puashati mereka dengan sikap dan etika-etika kerja positif yang diamalkan oleh bekas pelajar-pelajar berkenaan. Malahan terdapat di antara majikan-majikan itu telah menyatakan kesediaan mereka untuk mengambil lebih ramai lagi pelajar-pelajar di bawah tajaan Dasar Pandang ke Timur untuk bekerja dengan Jabatan/Syarikat mereka pada masa-masa hadapan.

**ASET DAN HARTA MENTERI/
TIMBALAN/SETIAUSAHA
PARLIMEN—MENGISYTIHARKAN**

32. Tuan P. Patto minta Perdana Menteri menyatakan bagaimana beliau boleh membuktikan kepada rakyat jelata bahawa beliau dan Menteri-menterinya termasuk Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen tidak berasuah dan tidak pernah melakukan amalan-amalan curang dan tidakkah tiba masanya bagi Kerajaan untuk menggubal satu Akta yang akan mewajibkan mereka ini mengumumkan aset dan harta mereka, secara individu, isteri/isteri-isteri, suami dan anak-anak mereka, kepada rakyat sekali setiap tahun, jika tidak mengapa.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Semua Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen dikehendaki mengisytiharkan harta mereka sebagaimana yang ditetapkan oleh Kerajaan yang bertujuan bagi mengelakkan amalan-amalan curang semasa menjalankan tugas. Kerajaan berpendapat, peraturan-peraturan yang diikuti sekarang adalah memuaskan. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak bercadang hendak menggubal satu Akta yang akan mewajibkan mereka mengumumkan aset dan harta mereka.

**KAWASAN PERKAMPUNGAN
SETINGGAN**

33. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Perdana Menteri menyatakan bilakah kawasan setinggan seperti Kampung Pasir Dalam, Kampung Pasir Lama (Jalan Klang Lama), Kg. Haji Abdullah Hukum/Kg. Paya (Jalan Bangsar), Kampung Kuching dan Kampung Merbuk serta Kampung Bohol (Jalan Puchong) akan dibangunkan sama ada oleh Kementerian, Dewan Bandaraya dengan usahasama atau diswastakan, kerana kawasan-kawasan setinggan tersebut amat perlu dimajukan segera bagi mengelakkan banjir, bencana kebakaran dan lain-lain.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs Suleiman bin Mohamed): Bagi menjawab soalan ini, perlu saya tegaskan di sini bahawa tidak kesemua kawasan perkampungan setinggan yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, boleh dibangunkan semula dengan projek perumahan kos rendah. Perkampungan yang dimaksudkan ialah Kg. Merbuk yang terletak berhampiran Jalan Parlimen dan Kg. Kuching di mana tanah yang dimaksudkan akan digunakan untuk tujuan lain pada masa akan datang sama ada untuk pembinaan bangunan

pejabat, perumahan kos rendah ataupun sebagai kawasan hijau sahaja. Bagaimanapun, penduduk bagi kedua-dua kawasan kampung ini dicadangkan untuk dipindahkan ke rumah panjang atau rumah pangsa Dewan Bandaraya, mengikut prioriti pemindahan setinggan yang dirancang oleh Kerajaan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Begitu juga dengan Kg. Pasir Dalam di mana tanah yang dimaksudkan adalah sebahagian daripada rizab untuk Kolam Najis Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawasan Kg. Kerinchi dan Pantai Dalam akan dimajukan dengan projek perumahan secara penswastaaan dan dijangka akan dimulakan pada tahun ini. Projek yang bakal dilaksanakan ini, akan mengambil kira keperluan penduduk setinggan di kawasan Pantai termasuk juga Kg. Pasir Dalam. Berkaitan dengan Kg. Pasir Lama, dan Kg. Bohol pula, kedua-dua kawasan ini didapati tidak dapat dibangunkan secara penswastaaan kerana masalah kos infrastruktur yang tinggi. Bagaimanapun, ianya akan dikaji semula untuk dilaksanakan oleh pihak Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Berkaitan dengan Kg. Abdullah Hukum/Kg. Paya, Kerajaan dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedang mengkaji cadangan yang dikemukakan sama ada boleh dibangunkan secara penswastaaan ataupun tidak.

Berhubung dengan masalah kebakaran dan banjir yang sering berlaku di kawasan yang dimaksudkan, Kerajaan sedia membantu mangsa yang terlibat sama ada memindahkan mereka ke rumah pangsa/rumah panjang ataupun membenarkan mereka mendirikan semula rumah ditapak yang asal.

MAJLIS PERUNDINGAN EKONOMI NEGARA

34. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan bagaimanakah New Economic Consultative Council (N.E.C.) mendapat keyakinan apabila pengurusinya adalah seorang yang paling dikehendaki (wanted man) oleh Kerajaan Papua New Guinea seperti yang dilaporkan di dalam sebuah majalah luar negeri.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Jawapan kepada persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi kawasan Batu Gajah ini telahpun dijawab oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri pada 7hb Mac 1989. Saya tidak ada apa-apa tambahan kepada soalan tersebut.

HARTA BENDA ANGGOTA PEN-TADBIRAN—MENGISYTIHARKAN

35. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan sesiapa yang dikehendaki mengemukakan hartabenda mereka kepada beliau dan menyatakan sama ada semua orang ini telah pun mengumumkan harta benda mereka. Sila juga menyatakan sama ada Ketua Menteri dan Menteri Besar juga dikehendaki mengumumkan hartabenda mereka kepada beliau? Jika ya, sila menyatakan sama ada Ketua Menteri Sabah telah pun mengumumkan harta bendanya.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Untuk makluman Yang Berhormat, semua Anggota Pentadbiran, Menteri Besar dan Ketua Menteri dikehendaki mengisytiharkan harta benda mereka kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan mereka telah pun mengambil tindakan demikian.

PROTON SAGA—EKSPORT KE AMERIKA

36. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan apakah kelemahan-kelemahan kereta Proton Saga yang menyebabkan kereta itu belum boleh memenuhi syarat-syarat yang membolehkannya dipasarkan di Amerika. Adakah Kerajaan telah membuat kesilapan dengan tidak membuat kajian yang rapi dan terperinci terlebih dahulu berhubung dengan kesesuaian dan prestasi Proton Saga sebelum mengambil keputusan untuk memasarkannya ke Amerika. Dan adalah masalah yang sama mungkin dihadapi oleh Proton Saga di negara-negara lain seperti United Kingdom.

Dato' Oo Gin Sun: Kelambatan kereta Proton Saga memasuki pasaran di Amerika Syarikat adalah disebabkan oleh beberapa pengubahsuaian yang perlu dibuat kepada kereta Proton Saga bagi memenuhi peraturan keselamatan negara tersebut seperti "exhaust emission" dan "passive restraints" serta pengesahan kenderaan yang perlu diperolehi mengikut syarat negara tersebut.

Adalah tidak benar Kerajaan membuat kesilapan dalam usaha memasuki pasaran kereta di Amerika Syarikat malah PROTON telah menjalankan kajian awal mengenai pasaran kereta Proton Saga di Amerika Syarikat dan telah menandatangani perjanjian dengan Proton America Incorporated (PAI) (anak syarikat Global Motors Incorporated). Dalam perjanjian tersebut PAI disyaratkan mendapatkan pengesahan kenderaan (vehicle certification) dan kelulusan Kerajaan Persekutuan dan Negeri di Amerika Syarikat bagi membolehkan kereta Nasional dieksport ke negara tersebut. Malangnya syarikat ini menghadapi masalah dalaman dan

gagal memenuhi tanggungjawab di bawah "Distributorship Agreement".

Walau bagaimanapun, masalah ini tidak timbul bagi eksport kereta Proton Saga ke negara-negara lain seperti Bangladesh, Brunei, New Zealand, Malta, Sri Lanka, Eire, Jamaica termasuk juga United Kingdom. Setakat ini sebanyak 3,059 buah kereta Proton Saga telah dieksport ke negara-negara tersebut.

YASSER ARAFAT (PLO) DI PBB—PENDIRIAN MALAYSIA

37. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah langkah dan pandangan yang telah diambil oleh Malaysia bersama-sama dengan 151 negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang mana Amerika Syarikat tidak mematuhi perjanjian Ibu Pejabat yang ditandatangani di antaranya dengan badan dunia itu dalam tahun 1947 dan juga AS menghalang pemimpin Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) Yasser Arafat dari berucap di Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada bulan Disember, 1988 yang lalu. Dan begitu juga Amerika Syarikat serta Israel resolusi yang dibentangkan di perhimpunan tersebut.

Menteri Luar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Semasa Sessi yang ke-43 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York, dari 20hb September hingga 22hb Disember 1988, Kerajaan Amerika Syarikat telah enggan mengeluarkan visa kepada Pengerusi Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) Yasser Arafat, untuk membolehkan beliau berucap di Perhimpunan Agung PBB mengenai isu Palestin.

Malaysia bersama dengan negara-negara anggota PBB yang lain telah menyeru supaya Kerajaan Amerika Syarikat mematuhi peruntukan-peruntukan di dalam perjanjian yang telah ditandatangani di antara PBB dan Kerajaan Amerika Syarikat mengenai Ibu Pejabat PBB. Dalam perjanjian ini, pihak tuan rumah bagi Ibu Pejabat PBB seharusnya memudahkan kemasukan perwakilan atau pemerhati daripada negara-negara anggota PBB dan negara-negara/pertubuhan pemerhati seperti PLO dan SWAPO untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat PBB.

Berikutan dengan keengganan pihak Amerika Syarikat ini, beberapa buah negara di PBB telah mengemukakan satu resolusi untuk memindahkan tempat mesyuarat PBB, untuk sementara waktu, dari New York ke Geneva, Switzerland khusus untuk mengadakan perbincangan mengenai isu Palestin. Sebagai penyokong yang kuat terhadap perjuangan rakyat Palestin, Malaysia telah menjadi penganjur bersama untuk resolusi yang berkenaan. Ini adalah untuk membolehkan Pengerusi PLO Yasser Arafat berucap kepada Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu. Resolusi yang mencadangkan pemindahan tempat untuk Perhimpunan Agung PBB telah diluluskan oleh PBB dengan mendapat sokongan dari 154 negara-negara anggota PBB.

Perbincangan mengenai isu Palestin di Perhimpunan Agung PBB telah diadakan di Geneva dari 13hb hingga 15hb Disember, 1988. Malaysia telah menghantar satu delegasi yang bertaraf tinggi yang diketuai oleh Y.B. Timbalan Menteri Luar, untuk menghadiri persidangan di Geneva untuk mencerminkan sokongan Malaysia terhadap perjuangan rakyat Palestin.

INSTITUT SISTEM MIKRO-ELEKTRIK MALAYSIA (MIMOS)—PENUBUHAN

38. Tuan Mutang Tagal minta Perdana Menteri menyatakan kedudukan cadangan Organisasi Pembangunan Industri Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menubuhkan pusat "semi-conductor technology" di Kuala Lumpur. Apakah tujuan pusat tersebut dan apakah faedah yang akan diperolehi oleh negara kita dari pusat ini.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Sebagai latar belakang, Ahli-ahli Yang Berhormat dimaklumkan bahawa Kerajaan pada tahun 1985 telah menubuhkan Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia, atau MIMOS (Malaysian Institute of Microelectronic Systems), dengan tujuan:

"Menyediakan pelbagai infrastruktur penting bagi meningkatkan perkembangan industri elektronik tempatan melalui Penyelidikan dan Pembangunan secara usahasama dengan industri dan institusi tempatan dan luar negeri, supaya negara berupaya merekabentuk, membina, mengeluarkan dan memasarkan barangan elektronik bermutu tinggi yang dihasilkan oleh anak-anak watan demi kepentingan kemajuan ekonomi dan perindustrian negara".

Sejajar dengan tujuan di atas MIMOS telah menentukan objektif pelaksanaan, untuk:

menggalakkan bidang mikroelektronik sebagai teknologi strategik bagi pembangunan negara;

merangsangkan pembangunan terselaraskan industri elektronik bersepadu;

meningkatkan inovasi dan persaingan dalam industri elektronik negara;

menyokong pembangunan proses yang cekap dan berkesan dalam pengeluaran, pembuatan, urusniaga dan perkhidmatan.

Kemajuan MIMOS setakat ini amat memuaskan. Proses pembelajaran, latihan dalam bidang teknologi baru dan tinggi, terutama teknologi rekabentuk cip VLSI (Litar Terkamil Bersekala Sangat Besar atau Very Large Scale Integrated Circuit), serta proses pemindahan dan penyerapan teknologi tinggi tersebut telah berjalan dengan baik. Kian ramai daripada industri dan pusat pengajian tinggi yang telah terlatih. Yang menggalakkan pula ialah pengajian mengenai bidang teknologi ini juga telah tersemai di pusat-pusat pengajian tinggi tempatan melalui hubungan rapi MIMOS-Universiti.

MIMOS menjalankan berbagai kegiatan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang elektronik, antaranya dalam bidang:

Sistem Komputer;

Kaedah Rekabentuk Berbantuan Komputer;

Teknologi Komunikasi;

Teknologi Industri.

khususnya, sebagai sambutan kepada keperluan industri tempatan, dan secara umumnya, sebagai sambutan kepada perkembangan di rata-rata dunia dalam Teknologi Maklumat dan impak teknologi baru ini ke atas kemajuan dan perkembangan sosio-ekonomi negara. MIMOS menawarkan khidmatnya kepada industri, dan bekerjasama dengan industri tempatan dalam beberapa projek penyelidikan dan pembangunan, terutamanya dalam rekabentuk dan pembinaan alat dan sistem, sama ada menggunakan

teknologi yang sedia terdapat atau yang baru dan tinggi.

Untuk mencapai tujuan di atas MIMOS menyediakan berbagai kemudahan, antaranya: kemudahan komputer, kemudahan rekabentuk berbantuan komputer, kemudahan rekabentuk PCB (papan litar cetak atau "printed circuit board") dan lain-lain.

Penubuhan Pusat Teknologi Semikonduktor—

Adapun penubuhan Pusat Teknologi Semikonduktor, ianya merupakan sebahagian daripada perancangan pembangunan MIMOS.

Di dalam bidang teknologi tinggi mikroelektronik, negara kita telah terkenal sebagai pengeluar ketiga dan pengeksport pertama cip-cip elektronik yang terbesar di dunia. Bagaimanapun, kegiatan industri elektronik sebahagian besarnya dijalankan oleh syarikat-syarikat multinational (MNC) dan kegiatan itu pula hanya tertumpu kepada proses pemasangan (assembly) sahaja dan tidak dalam kegiatan rekabentuk dan fabrikasi. Dalam usaha membangunkan industri elektronik watan yang tersepadu, maka adalah menjadi hasrat Kerajaan supaya negara kita ini mempunyai kebolehan teknologi (technical capability) dalam segala aspek, MIMOS, sebagai agensi penggerak, telah berjaya merintis jalan membina kepakaran rekabentuk cip dan sistem. Banyak yang masih perlu diusaha dan dibangunkan. Antaranya ialah usaha mendirikan infrastruktur bagi membina kebolehan dan memfabrikasi cip-cip elektronik oleh anak-anak watan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Teknologi Cip ini merupakan kunci kepada teknologi elektronik, oleh kerana cip-ciap itulah yang menjadi komponen penting bagi segala barangan elektronik dewasa ini.

Oleh itu, dengan adanya teknologi memfabrikasi cip, negara akan mempunyai kebolehan untuk memajukan industri elektronik seperti mana yang berlaku di negara-negara industri baru seperti Korea dan Taiwan.

Maka, tujuan penubuhan pusat yang dicadangkan ini adalah, untuk:

memfabrikasi cip prototaip (prototype) daripada rekabentuk tempatan;

menyediakan kemudahan bagi penyelidikan dan pembangunan dalam teknologi semikonduktor; dan

melatih tenaga mahir.

Untuk tujuan di atas, Kerajaan telahpun memperuntukkan dalam RML sebanyak \$16.9 juta untuk fasa pertama pembangunan Pusat ini, sebagai sebahagian daripada peruntukan pembangunan bagi bangunan dan makmal MIMOS, yang akan didirikan di Taman Teknologi.

Bantuan United Nations Industrial Organisation—

Memandangkan akan pentingnya projek ini kepada pembangunan masa depan industri elektronik negara, serta perbelanjaan besar yang terlibat dalam pembinaan pusat serupa ini, pihak UNIDO telah bersetuju untuk membantu MIMOS dalam tahap perancangan pembangunan pusat ini. Bantuan fasa pertama UNIDO yang berjumlah lebih kurang US\$70,000 adalah untuk:

(a) membantu lawatan sambil belajar beberapa orang daripada MIMOS ke pusat-pusat teknologi semikonduktor di luar negeri;

(b) menyediakan khidmat beberapa orang pakar untuk memberi nasihat teknikal, dari segi penentuan skop kegiatan dan

pemasaran khidmat pusat, serta dari segi spesifikasi bangunan dan bekalan peralatan pusat.

Lawatan sambil belajar telah dilakukan. Seorang pakar UNIDO sedang bertugas pada masa ini.

Pembinaan bangunan pusat bersama dengan bangunan tetap MIMOS di Taman Teknologi dianggar siap di penghujung tahun 1991.

HAKIM—TAMBAH LANTIKAN

39. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Kehakiman menyatakan:

(a) berapa ramai lagikah Hakim-hakim Mahkamah Tinggi, Suruhanjaya Kehakiman dan Hakim-hakim Mahkamah Sesyen akan dilantik pada tahun ini; dan

(b) berapa ramaikah perlantikan-perlantikan seperti yang tersebut di atas adalah dari Negeri Sabah dan Sarawak.

Dato' Oo Gin Sun:

(a) Kerajaan tidak ada cadangan untuk menambah bilangan Hakim Mahkamah Sesyen pada tahun ini.

Mengenai soal menambah perlantikan Hakim-hakim Mahkamah Tinggi dan Pesuruhjaya Kehakiman, ia akan dilaksanakan apabila keadaan mengizinkan tetapi bilangan Hakim yang akan dilantik belum dapat ditentukan.

(b) Belum dapat ditentukan.

MAJLIS PERUNDINGAN EKONOMI NEGARA—KEMAJUAN

40. Tuan Haji Mohd. Sam bin Sailan minta Perdana Menteri menyatakan perkembangan dan kemajuan Majlis

Perundingan Ekonomi Negara (MPEN) yang telah dibentuk baru-baru ini. Adakah Kerajaan puas hati dengan kemajuan yang tercapai. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengumumkan rumusan-rumusan jawatankuasa-jawatankuasa kecil yang telah diadakan kepada untuk dibahaskan sebelum dibawa ke MPEN. Bilakah dijangka MPEN dapat menyiapkan DASAR EKONOMI NEGARA ini.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Jawapan kepada persoalan yang dikemuka oleh Y.B. bagi kawasan Muar ini telah pun dijawab oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri pada 7 Mac 1989. Saya tidak ada apa-apa tambahan kepada soalan tersebut.

MAJLIS PERUNDINGAN EKONOMI NEGARA

41. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah Kerajaan akan campur tangan dalam Majlis Perundingan Ekonomi Negara. Apakah hasil-hasil yang telah dicapai dari majlis itu;
- (b) apakah dengan penubuhan MPEN akan menyelamatkan DEB yang dipersetujui bersama sejak tahun 1970 lagi;
- (c) apakah kesannya jika MPEN memutuskan DEB diteruskan atau sebaliknya; dan
- (d) apakah Kerajaan bersedia menghadapi (melaksanakan) keadaan struktur ekonomi baru yang mungkin akan dirancang oleh MPEN.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Jawapan kepada persoalan yang dikemuka oleh Yang Berhormat bagi kawasan Marang ini

telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 7 Mac 1989. Saya tidak ada apa-apa tambahan kepada soalan tersebut.

SARAWAK ELECTRICITY SUPPLY CORPORATION— AMBILALIH

42. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) sama ada benar bahawa pihak Kerajaan Persekutuan telah memutuskan tidak akan mengambilalih Sarawak Electricity Supply Corporation "SESCO" daripada pihak Kerajaan Negeri Sarawak, dan kenapa usaha pengambilalihan itu gagal; dan
- (b) langkah-langkah yang akan diambil untuk membekalkan letrik kepada 90% penduduk-penduduk Negeri Sarawak, peringkat demi peringkat, seperti yang diumumkan oleh SESCO di Kuching pada 10-2-1989.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Kerajaan Persekutuan hanya menangguhkan keputusan mengambilalih Perbadanan Pembekalan Elektrik Sarawak (SESCO) untuk mencari kata sepakat dengan Kerajaan Negeri Sarawak berkenaan dengan pengambilalihan SESCO. Oleh yang demikian adalah tidak benar kenyataan bahawa Kerajaan Persekutuan telah memutuskan tidak akan mengambilalih Perbadanan tersebut.

Mengenai soalan (b) di sini saya ingin memaklumkan kepada Dewan Yang Mulia ini bahawa SESCO adalah sebuah perbadanan negeri dan rancangan yang diumumkan adalah rancangan negeri. Oleh yang demikian soalan ini lebih tepat dibangkitkan di

dalam Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Sarawak. Walau bagaimanapun Kementerian saya yakin bahawa objektif SESCO ini akan dicapai.

SYARIKAT TELEKOM MALAYSIA BHD—UNTUNG RUGI

43. Tuan Sim Kwang Yang meminta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) gambaran untung-rugi bagi pihak Syarikat Telekom Malaysia Bhd. dalam tahun kewangan terakhir;
- (b) keuntungan atau kerugian terkumpul pihak STM sejak penswastaan perkhidmatan;
- (c) sama ada perkhidmatan telefon kepada penduduk luar bandar seluruh negara ini telah diketepikan sejak penswastaan STM; dan
- (d) sama ada STM akan disenaraikan pada pasaran saham pada masa hadapan.

Datuk Leo Moggie anak Irok:

- (a) Bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember, 1987, STM telah memperolehi keuntungan sebelum cukai sebanyak \$4.9 juta. Meskipun begitu, jika butiran luar biasa yang berjumlah \$101.5 juta diambil kira bagi tahun kewangan 1987 itu, STM sebenarnya mengalami kerugian sebanyak \$96.6 juta.
- (b) kedudukan kira-kira untung-rugi perniagaan STM bagi tahun 1988 masih dalam penyediaan dan dengan itu dukacita saya tidak dapat mengemukakannya.
- (c) STM tidak mengeneipkan perkhidmatan telefon kepada

penduduk-penduduk luar bandar malah syarikat itu sedang memperluaskan rangkaian telekomunikasi di kawasan-kawasan luar bandar. Kementerian saya akan memastikan STM tidak mengabaikan keperluan perhubungan bagi masyarakat luar bandar.

- (d) STM sememangnya akan disenaraikan di pasaran saham pada suatu masa yang sesuai dan dipersetujukan oleh Kerajaan.

SEKOLAH WAKTU PETANG

44. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah Kerajaan merancang supaya sekolah-sekolah rendah dan menengah tidak lagi diadakan pada waktu petang kerana didapati prestasi murid-murid dan guru-guru kurang effective dan murid-murid Islam biasanya mempelajari agama Islam dan kelas-kelas Quran di waktu petang.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sangat perhatian dan mengambil berat tentang masalah ini dan merancang untuk mengadakan sesi satu sidang untuk semua sekolah. Walau bagaimanapun, keadaan ini bergantung kepada kemampuan kewangan dan keupayaan untuk membina sekolah-sekolah tambahan dan baru. Dengan ini, Kementerian Pendidikan tidak dapat menetapkan tarikh muktamad untuk melaksanakan sesi satu sidang ini.

RUMAH KOS RENDAH

45. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan tahap pencapaian setakat

ini rancangan tiga tahun membina 240,000 rumah kos rendah di Semenanjung Malaysia.

Dato' S. Subramaniam:

(a) Di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah yang dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun mulai Julai, 1986 hingga Jun 1989 sejumlah 843 projek yang melibatkan 317,440 unit telah dikenalpasti untuk pelaksanaan. Sehingga 30-11-1988 tahap pencapaian projek-projek ini bagi ketiga-tiga tahun adalah seperti berikut:

	Siap (Unit)	Dalam Pembinaan (Unit)	Awal Pelaksanaan (Unit)
Tahun Pertama (Julai, 1986-Jun, 1987)	12,506	32,817	33,548
Tahun Kedua (Julai, 1987-Jun, 1988)	3,920	34,648	66,755
Tahun Ketiga (Julai, 1988-Jun, 1989)	—	9,173	124,073
JUMLAH	16,426	76,638	224,376

PLUS—PEMBINAAN LEBUHRAYA UTARA-SELATAN

41. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Kerjaraya menyatakan adakah kerja-kerja Pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan oleh Syarikat Plus Sdn Bhd menepatkan jadual-jadual yang disenaraikan di dalam perjanjian pengswastan lebuhraya tersebut. Buat masa ini adakah Syarikat Plus meminta menaikkan kos pembinaan yang terkeluar perjanjian di mana-mana bahagian lebuhraya tersebut.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhut Wan: Sehingga ke hari ini, pelaksanaan projek pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan oleh

Syarikat Plus Bhd adalah berjalan mengikut jadual yang telah ditetapkan, dan semua kerja-kerja pembinaan akan disiapkan dalam tempoh tujuh tahun, sepertimana jadual yang telah termaktub di dalam perjanjian konsesi projek ini.

Walaupun bagaimanapun, terdapat beberapa bahagian atau seksyen lebuhraya yang telah dipinda tarikh pembinaannya supaya dapat disiapkan terlebih awal daripada yang dijadualkan. Di antara projek yang dipercepatkan dari jadual asalnya ialah Lebuhraya Yong Peng Timur ke Ayer Itam yang dijadual dibina pada bulan September 1990, kini akan dimulakan pada bulan September 1989, dan projek Lebuhraya Butterworth ke Taiping yang dijadual dibina pada tahun 1992, sekarang dicadang akan dibina pada awal tahun 1990 ini.

Kerajaan juga tidak menerima apa-apa permintaan daripada Syarikat Plus Bhd mengenai kenaikan kos pelaksanaan projek ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Syarikat Plus Bhd diwajibkan memaklumkan kepada Kerajaan mengenai sebarang kenaikan kos pembinaan projek yang mungkin melebihi kos yang telah ditetapkan di dalam perjanjian konsesi.

CHOGM—MESYUARAT KETUA KERAJAAN KOMANWEL DI KUALA LUMPUR

47. Tuan Karpal Singh minta Menteri Luar Negeri menyatakan butir-butir berkaitan dengan persiapan bagi "Commonwealth Heads of Government Conference" (CHOGM) yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada bulan September 1989. Adakah Kerajaan bercadang mengundang Queen Elizabeth bagi merasmikan pembukaan "Conference" ini.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel akan diadakan pada 18 hingga 24 Oktober 1989. Segala persiapan ke arah menjayakan mesyuarat ini sedang giat diatur dan dilaksanakan. Bagi memastikan persiapan tersebut berjalan lancar, lincin dan teratur, satu Jawatankuasa Perancang Kebangsaan telah dibentuk oleh Jemaah Menteri pada bulan Disember 1987. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Menteri Luar Negeri dan Ketua Setiausaha Negara adalah sebagai Timbalan Pengerusinya dan mengandungi 12 Jawatankuasa Kecil seperti berikut:

- (1) Kemudahan Dewan Mesyuarat;
- (2) Protokol;
- (3) Tempat Perhentian;
- (4) Keselamatan;
- (5) Publisiti dan Media;
- (6) Kewangan;
- (7) Alam Sekitar;
- (8) Program Isteri-Isteri;
- (9) Pengangkutan;
- (10) Peningapan;
- (11) Layanan Rasmi & Keraian Sosial; dan
- (12) Komunikasi

Mengikut amalan persidangan Komanwel ini, "Retreat" atau tempat Perhentian akan juga diadakan. Kali ini kita akan mengadakan "Retreat" di Pulau Langkawi pada 20 hingga 22 Oktober 1989. Bagi "Retreat" ini, hanya Ketua-Ketua Kerajaan, isteri-isteri dan seorang pembantu akan mengahdirinya. Tarikh-tarikh ini telahpun dipersetujui oleh semua Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel.

Mengikut amalan persidangan Komanwel juga, Ratu Elizabeth II sebagai Ketua Komanwel akan diundang melawat negara yang

mengadakan persidangan, tetapi tidak merasmikan persidangan.

KOPERASI PENGAMBILAN DEPOSIT DIBEKUKAN

48. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kewangan menyatakan peratus pembayaran kepada para pendeposit tiap-tiap 24 buah Koperasi Pengambil Deposit (KPD) yang telah dibekukan oleh Bank Negara pada 8-8-86; dan jumlah pinjaman yang masih dihutang pada KPD-KPD itu setakat 28-2-89.

Tuan Loke Yuen Yow: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peratusan wang deposit yang telah dibayar balik kepada para pendeposit 24 buah KPD (termasuk Kojadi yang telah ditarik balik pembekuannya) boleh dibahagikan kepada tiga kategori:

(a) kategori I—Bayaran balik sepenuhnya dalam bentuk tunai bagi 11 buah KPD.

Kedudukan pembayaran balik deposit bagi 11 buah KPD adalah seperti berikut:

4 KPD telah membayar sepenuhnya (100%)

6 KPD telah membayar antara 60%-75%

1 KPD telah membayar sebanyak 45%

(b) kategori II—Bayaran balik sepenuhnya dalam bentuk kombinasi wang tunai dan ekuiti bagi 12 buah KPD (di bawah Skim Kewangan Usaha Makmur Bhd).

Di bawah Kategori ini, 12 buah KPD dikehendaki membayar balik kepada pendeposit-pendeposit dalam bentuk tunai sejumlah yang bersamaan dengan 50%-70% daripada deposit masing-masing.

Kedudukan pembayaran balik setakat ini adalah seperti berikut:

- 1 KPD telah membayar balik sebanyak 50%
- 4 KPD telah membayar balik sebanyak 40%
- 7 KPD telah membayar balik sebanyak 35%

(c) *kategori III—Bayaran balik sepenuhnya dalam bentuk kombinasi wang tunai dan ekuiti bagi para pendeposit Koperatif Serbaguna Malaysia Berhad (KSM).*

Setakat ini, para pendeposit KSM telah dibayar balik sebanyak 40% daripada wang deposit mereka.

Pinjaman (termasuk faedah) yang masih terhutang oleh 23 buah KPD (kecuali Kojadi yang telah ditarik balik pembekuannya), seperti pada 28-2-1989 adalah berjumlah \$394.93 juta. Pecahannya adalah seperti berikut:

- (a) Kategori I: \$ 83.7 juta
(10 buah KPD)
- (b) Kategori II: \$288.92 juta
(12 buah KPD
di bawah skim
KUMB)
- (c) Kategori III: \$ 22.31 juta
(KSM)

POLIS MENGUGUT JURUGAMBAR UTUSAN MELAYU

49. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tindakan yang diambil atas laporan polis yang dibuat oleh jurugambar Utusan Melayu Cawangan Ipoh, Encik Mohamed Hashim, pada 9-2-1989 terhadap seorang konstabel polis yang mengugut beliau di Mahkamah Syariah Ipoh.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kes yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu masih dalam siasatan.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

Sekolah Menengah Confucian— Retakan Bangunan

4.02 ptg.

Tuan Chian Heng Kai (Bukit Mertajam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (2) untuk mencadangkan satu Usul berbunyi seperti berikut:

Bahawa Dewan ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) mengizinkan Ahli dari Bukit Mertajam untuk menangguhkan Majlis Mesyuarat ini bagi tujuan merundingkan suatu perkara tertentu yang melibatkan kepentingan orang ramai dan harus diselesaikan dengan segera iaitu mengenai perkara bilik makmal dan kantin di Sekolah Menengah Confucian, Lorong Hang Jebat, Kuala Lumpur yang sudah retak dan menjadi bangunan bahaya, harus berhenti menggunakannya dan dirobohkan dengan segera.

Pada 22hb Disember 1988 bangunan itu telah ditentukan oleh sebuah syarikat perunding engineering di Kuala Lumpur sebagai bangunan bahaya dan tidak boleh diguna seterusnya kerana mungkin runtuh bila-bila masa sahaja. Pada 12hb Januari 1989 Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan telah membuat tinjauan ke atas bangunan itu dan selepas itu telah menghantar surat kepada Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan dan mencadangkan agar memindahkan kantin sekolah dan jangan menggunakan bilik makmal buat sementara waktu.

Pada 20hb Januari 1989 tuan tanah dan tuan milik bangunan tersebut iaitu Confucian Private Secondary School telah segera menulis surat kepada Pengerusi Lembaga Pengelola Sekolah Menengah Confucian meminta sekolah berkenaan berpindah keluar dari bangunan itu segera demi menjaga keselamatan penuntut sekolah tersebut.

Guru Besar Sekolah Menengah Confucian kemudian memberi maklum balas kepada pihak Confucian Private Secondary School bahawa sekolahnya harus menunggu keputusan dari Jabatan Pendidikan. Di samping itu juga beliau memberitahu bahawa pihak sekolahnya akan berjumpa dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan iaitu Ahli dari Senai pada 1hb Mac, 1989. Semasa pilihanraya kecil di Ampang Jaya, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Encik Woon See Chin telah membuat lawatan ke bangunan tersebut dan beliau telah berjanji akan memperuntukan wang peruntukkan kecemasan untuk membaiki bangunan berkenaan dan cari tapak baru untuk Sekolah Menengah Confucian untuk menyelesaikan masalah permohonan perpindahan sekolah berkenaan sejak tahun 1974 tetapi hingga hari ini wang peruntukan kecemasan masih belum diterima dan masalah tapak baru bagi sekolah tersebut juga belum diselesaikan.

Pada 6hb Mac, 1989 Pemangku Pengerusi Lembaga Pengelola Confucian Private Secondary School, Encik Loh Hong Kim sekali lagi menulis surat kepada Pengerusi Lembaga Pengelola Sekolah Menengah Confucian dan memaklumkan bahawa bangunan itu akan dirobohkan bila-bila masa selepas tarikh 7hb Mac 1989 dan meminta makmal sekolah berkenaan dipindah sebelum 19hb Mac, 1989.

Encik Loh juga menulis surat kepada Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan meminta beliau memberi arahan kepada pihak Sekolah Menengah Confucian agar dapat mengeluarkan segala harta benda dari bangunan tersebut demi memudahkan kerja-kerja perobohan dijalankan pada 19hb Mac, 1989.

Mengikut surat dari Pengerusi Lembaga Pengelola dan Pengerusi Persatuan Ibubapa dan Guru-guru (PIBG) Sekolah Menengah Confucian, sekolahnya telah memaklumkan perkara ini kepada Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan dan juga Kementerian Pendidikan Persekutuan untuk mengambil tindakan yang segera. Kini hanya tinggal dua hari sahaja bangunan itu dirobohkan tetapi mengikut pengetahuan saya Sekolah Menengah Confucian masih menggunakan bilik makmal berkenaan oleh kerana mereka belum menerima sebarang arahan dari Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan dan Kementerian Pendidikan Persekutuan.

Memandangkan keruntuhan bangunan tersebut mungkin berlaku pada bila-bila masa sahaja dan demi keselamatan murid-murid dan guru-guru Sekolah Menengah Confucian supaya kejadian seperti keruntuhan jeti Pengkalan Sultan Abdul Halim, Seberang Perai tidak berulang lagi, maka Majlis Mesyuarat Dewan ini ditangguhkan untuk membincangkan perkara ini. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, pagi ini saya telah menerima satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 dari Yang Berhormat Ahli dari Bukit Mertajam berkenaan dengan bilik makmal dan kantin Sekolah Menengah Confucian, Lorong Hang Jebat, Kuala Lumpur. Teks usul yang

berkenaan adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 18 (2), Tuan Yang di-Pertua hendaklah menolak permintaan untuk menangguhkan Mesyuarat kecuali jika beliau berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan itu menepati tiga syarat yang berikut:

- (i) perkara itu perkara tertentu;
- (ii) ia bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti usul Yang Berhormat itu dan saya dapati bahawa ia tidak perlu disegerakan sehingga menangguhkan Mesyuarat hari ini kerana perkara ini adalah perkara pentadbiran (administrative) dan boleh dibincangkan dengan pihak Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan dan Kementerian Pendidikan.

Selain daripada itu, daripada penyiasatan yang dibuat oleh pihak Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan seperti yang terkandung dalam suratnya bilangan (23) dalam JKR WP 5/3/67 bertarikh 12hb Januari, 1989 berbunyi demikian:

“Pihak JKR menasihatkan supaya kantin ini dipindahkan dan kawasan ini dilarang daripada digunakan semasa menunggu penyiasatan lebih lanjut. Selanjutnya mengikut maklumat yang diterima daripada pihak Kementerian Pendidikan, kantin itu tidak digunakan lagi dan sebagai ganti, kantin sementara telah didirikan sebelah luar dalam bentuk gerai-gerai.

Mengenai makmal sains pula, mengikut maklumat yang diterima, dua bilik darjah sedang diubahsuai dan digunakan sebagai makmal sains. Seterusnya mengikut

maklumat itu lagi pihak Kementerian Pendidikan telah memperuntukkan sebanyak \$20,000 sebagai perbelanjaan untuk mengubahsuai bilik darjah sebagai makmal sains.”

Oleh kerana itu saya menolak usul Ahli Yang Berhormat itu sebagai tidak perlu disegerakan. (*Tepuk*).

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KETERANGAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Keterangan 1950; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PROSEDUR JENAYAH (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Kanun Prosedur Jenayah NMB Bab VI; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Kanun Keseksaan NMB Bab 45; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
MAHKAMAH SYARIAH (BIDANG
KUASA JENAYAH) (PINDAAN
DAN PERLUASAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 dan untuk memperluaskan pemakaian Akta itu sebagaimana dipinda kepada semua Negeri di Malaysia; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
PEGUAMBELA (SABAH)
(PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Peguambela Sabah; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
PEGUAMBELA (SARAWAK)
(PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Peguambela Sarawak; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN TAMBAHAN
(1988)**

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas

Masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (16hb Mac 1989).

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Jemput Timbalan Menteri Kewangan untuk menyambung.

4.18 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada itu, tambahan sebanyak \$57.7 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B. 7—Jabatan Perdana Menteri untuk membiayai projek-projek kecil infrastruktur, kemudahan-kemudahan awam dan sosial serta keagamaan bagi kawasan-kawasan bandar dan luar bandar. Lain-lain perbelanjaan mengurus ialah sebanyak \$25.3 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B. 34—Kementerian Kesihatan untuk membiayai perbelanjaan di bawah "Perkhidmatan dan Bekalan" dan "Pemilikan Harta Modal"; sebanyak \$18.3 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B. 8—Jabatan Perkhidmatan Awam untuk membayar elaun-elaun kepada siswazah-siswazah yang mengikuti Skim Khidmat Sambilan (SKS), Skim Latihan Khas Kedua (SLK) dan Skim Latihan Tenaga Nuklear, sebanyak \$14.5 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B. 36—Polis DiRaja Malaysia untuk menampung bayaran emolumen dan elaun-elaun kepada anggota-anggota Polis serta lain-lain perbelanjaan mengurus Jabatan tersebut dan sebanyak \$10 juta dikehendaki di bawah Maksud B. 30—Peruntukan kepada Kumpulanwang Terkanun untuk dipindahkan kepada tabung pusingan "Kumpulanwang Amanah Pinjaman Perumahan kepada Golongan Berpendapatan Rendah" sebagai tambahan kepada jumlah peruntukan yang telah diluluskan

sebanyak \$20 juta. Yang lain-lainnya adalah merupakan tambahan-tambahan kecil untuk berbagai perkhidmatan di bawah lain-lain Kementerian dan Jabatan.

Butir-butir dan keterangan-keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama Tahun 1988 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1 Tahun 1989 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1A Tahun 1989.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya mengemukakan pula cadangan bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga, 1988.

Peruntukan tambahan yang dicadangkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1988 adalah berjumlah \$248,855,780. Dari jumlah tersebut, sebanyak \$163,119,770 adalah Perbelanjaan Cara Langsung dan sebanyak \$121,736,010 adalah Perbelanjaan Pinjaman.

Tambahan-tambahan besar bagi membiayai rancangan-rancangan utama mengikut Kementerian/Jabatan adalah seperti berikut:

- (i) Sebanyak \$150 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P. 54—Kementerian Kerjaraya sebagai pemberian kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk menjelaskan bil-bil dari kontraktor, bayaran Juru-perunding dan pampasan pengambilan balik tanah; dan bayaran faedah ke atas pinjaman-pinjaman mengikut jadual;
- (ii) Sebanyak \$105.3 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P. 7—Jabatan Perdana

Menteri. Dari jumlah tersebut sebanyak \$93.3 juta sebagai pinjaman diperlukan oleh anak Syarikat Perbadanan Perusahaan Berat Malaysia Berhad (HICOM) iaitu Syarikat Perwaja Terengganu Sendirian Berhad (P.T.S.B.) untuk membeli alat-alat kelengkapan baru bagi mengeluarkan "billets", dengan izin, meningkatkan paras modal pusingan dan membiayai bayaran balik pinjaman; dan sebanyak \$12 juta untuk membolehkan Kerajaan atas nama Menteri Kewangan (Diperbadankan) membeli saham Edaran Otomobil Nasional Sdn. Bhd. (E.O.N.) sebanyak 2 juta unit saham dengan harga \$6.00 sesaham.

- (iii) Sebanyak \$21.4 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P. 51—Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos untuk membiayai pembelian barang-barang alat ganti bagi Projek Stesyen Jana Elektrik Paka, yang mana alat-alat tersebut sepatutnya dibekalkan dalam tahun 1987 tetapi bekalannya diterima pada tahun 1988.
- (iv) Sebanyak \$7 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P. 50—Jabatan Penerbangan Awam untuk membiayai Projek-projek Peningkatan Sistem Landasan dan Taxiway; dan pembinaan Kompleks Bebas Cukai di Lapangan Terbang Kuala Lumpur.
- (v) Yang lain-lain merupakan tambahan-tambahan kecil termasuk peruntukan tanda \$10 bagi membiayai berbagai projek dan rancangan di bawah Maksud P. 24—Jabatan Perpustakaan Negara, Maksud

P. 26—Kementerian Pendidikan, Maksud P. 33—Kementerian Perusahaan Awam, Maksud P.49—Kementerian Pengangkutan dan Maksud P. 56—Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1988 adalah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 1989 dan juga dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2A Tahun 1989.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan Usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1988 selepas ucapan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (Bil. 3) 1988

4.25 ptg. .

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam peraturan urusan mesyuarat yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat

ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$284,855,780 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1988, untuk menampung sejumlah \$284,855,780 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1988 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 1989 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut.

diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1988 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu, dibaca kali kedua sekarang dan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang. Kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas.

Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal.

4.27 ptg.

Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan yang dibentangkan sebentar tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Menurut angka yang mutakhir kedudukan hasil pendapatan Kerajaan sudah bertambah baik. Apabila sahaja keadaan ini berlaku, peruntukan bagi pendidikan, kesihatan, kerjaraya, pengangkutan, pertanian dan lain-lain telah ditambah. Ini jelas menunjukkan Kerajaan sentiasa peka terhadap keperluan rakyat ramai. Saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan atas tindakan itu. Namun begitu, Tuan Yang di-Pertua, terdapat satu kelemahan yang masih belum diperbetulkan, saya maksudkan amalan menggunakan tenaga manusia dalam Kerajaan yang begitu berharga bagi kerja-kerja yang tidak produktif.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu amalan yang biasa dalam pentadbiran di mana minggu demi minggu, bulan demi bulan, tahun demi tahun, para pegawai Kerajaan Negeri masing-masing dari Setiausaha-setiausaha Kerajaan dan Setiausaha-setiausaha Kewangan Negeri ke bawah bertungkus-lumus menyediakan kertas-kertas kerja mereka untuk menyokong permohonan bagi berbagai-bagai bantuan daripada Kerajaan Persekutuan. Kemudian mereka terpaksa pula datang ke Kuala Lumpur ini dengan motokar, tren atau kapal terbang menggunakan wang rakyat untuk mempertahankan kes mereka berkali-kali. Serentak dengan itu, para pegawai di beberapa Jabatan dan Kementerian Persekutuan dari Ketua-ketua Setiausaha dan Ketua-ketua Pengarah ke bawah semuanya terlibat meneliti dan

menimbang permohonan ini. Minit mesyuarat demi mesyuarat termasuk perbincangan *ad hoc*, semua harus disiapkan. Ada pula memoranda tebal yang memerlukan ulasan. Jawatankuasa kecil mesti membuat laporan untuk jawatankuasa besar. Jawatankuasa besar, jawatankuasa Jabatan, mesti melapor kepada jawatankuasa Kementeriannya. Kemudian itu Kementerian-kementerian berkenaan sama ada Kerajaan, Pengangkutan atau Pertanian membuat laporan kepada Unit Pelaksanaan dan Penyelarasan atau Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri. Dari situ barulah laporan tadi disampaikan ke peringkat bawahan Treasury yang akan meneliti perkara itu sebelum diangkat ke peringkat yang lebih tinggi iaitu para pegawai kanan Treasury. Sekiranya mereka itu memerlukan maklumat tambahan, proses mendapatkannya berbalik menyongsang ke punca yang asal. Begitulah, macam main bola, main tendang pergi, balik sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, pengalaman saya yang agak lama juga dalam Kerajaan menyakinkan saya kerja seperti ini tidak produktif oleh sebab akhirnya wang peruntukan itu diberi. Wang itu diberi oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri kerana harus diberi. Kalau tidak diberi, Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan di bawahnya akan terhenti, sama dengan motokar bila kehabisan minyak. Kalaulah begitu halnya, saya kadangkadangkai hairan mengapa beratus-ratus pegawai di peringkat Negeri dan Persekutuan serta beribu-ribu kakitangan teknikal dan perkeranian terpaksa bertugas berputar-putar begitu sepanjang masa. Jelasnya, sistem pentadbiran ini sudah ketinggalan zaman. Sistem Kewangan Persekutuan yang kita warisi dari zaman penjajah dahulu sudah tidak boleh dipakai lagi.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita maklum, sistem yang termaktub dalam Perlembagaan membenarkan Kerajaan Negeri mengutip hasil daripada sumber-sumber tertentu terutama sekali cukai hasil tanah dan royalti daripada galian seperti bijih timah dan petroleum. Cukai-cukai yang lain seperti cukai import, cukai eksport, cukai korporat, cukai pendapatan, cukai jualan, cukai jalanraya, cukai petroleum dan lain-lain dikutip oleh Kerajaan Persekutuan.

Menurut statistik, jumlah hasil yang dikutip oleh semua Kerajaan Negeri hanya sekelumit, a fraction, berbanding dengan jumlah hasil Kerajaan Persekutuan. Jurang perbezaan ini semakin meluas tahun demi tahun. Dengan demikian, negeri-negeri yang tidak dikurniai kekayaan seperti kayu balak atau minyak terpaksa bergantung kepada Kerajaan Persekutuan, ibarat pesakit yang memerlukan pemindahan darah, kalau tidak selalu dimasukkan darah, dia habislah.

Tuan Yang di-Pertua, saya menghargai usaha-usaha Jawatan-kuasa Kewangan Negara dan juga Jemaah Menteri untuk membetulkan keadaan tidak seimbang antara State revenue dan Federal revenue ini dengan memperkenalkan berbagai-bagai grant untuk membantu Kerajaan Negeri. Tetapi cara ini tidak memuaskan bahkan tidak sesuai lagi kerana setiap permohonan untuk bantuan mesti disokong dengan alasan tertentu dan proses ini memerlukan belanja dan man-hours, jam masa yang begitu banyak sekali. Oleh kerana, seperti saya katakan awal tadi, pada akhirnya wang itu juga diberi mengapalah kita masih melakukan kerja Pak Pandir, gali lubang, tutup lubang itu, dig holes and fill them up again! Kenapa tidak dibebaskan para pegawai kita di peringkat Negeri dan Pusat daripada kerja pandir ini dan

tugas mereka untuk kerja yang produktif?

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain supaya menyokong saranan saya meminta Jemaah Menteri menimbangkan perubahan Sistem Kewangan Persekutuan. Pada teorinya penyelesaian yang baik sekali ialah menghapuskan Sistem Federal dan menggantikan dengan Sistem Unitary atau Sistem Kesatuan Tunggal seperti di Indonesia. Dengan itu negeri menjadi provinsi atau wilayah sahaja. Pada amalannya itu tentulah mustahil oleh sebab kita mempunyai sembilan buah negeri dengan kesultanan masing-masing dan kedaulatan negeri masing-masing tidak boleh dijejaskan. Dalam keadaan ini hanya ada satu pilihan yang praktis, yang munasabah. Pinda Perlembagaan dan formula perkongsian hasil ini diagihkan semula. Umpamanya, cukai jalan menjadi hasil negeri dan perkenalkan "capitation grant" atau bantuan ikut kepala bagi semua pihak berkuasa tempatan di seluruh tanah air kita.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kita sekalian dikatakan anggota Kerajaan Persekutuan oleh kerana tugas-tugas Ahli Parlimen sebagai pembuat undang-undang Persekutuan, namun para pengundi kita di kawasan-kawasan Parlimen masing-masing yang mengundi kita dan menghantar kita ke Dewan Rakyat ini akan menderita kesusahan sekiranya Kerajaan Negeri dan Tempatan terpaksa mengenakan cukai tanah yang tinggi, cukai pintu yang tinggi, bayaran air yang tinggi dan sebagainya. Kita tidak boleh menyalahkan Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan kalau cukai kerap kali dinaikkan oleh kerana setengah-setengah mereka tidak cukup wang dari kutipan hasil untuk membayar gaji.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengulangi bahawa saya tidak menyalahkan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri kerana peraturan kewangan yang berjalan sekarang yang amat tidak memuaskan. Saya hanya menyalahkan sistemnya iaitu sistem yang kita warisi dari zaman penjajah yang kini terbukti tidak praktis lagi. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini akan menyuarakan sokongan mereka bersama-sama saya meminta Jemaah Menteri setelah berunding dengan Exco kesemua 13 negeri supaya membuat perubahan dan mengemaskinikan sistem kewangan Federal ini. Kita berharap akan menjadi NIC, negeri perindustrian baru menjelang tahun 2.000. Oleh itu kita mestilah bersedia mengadakan sistem kewangan yang mampu menghadapi cabaran abad ke 21.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Kota Setar.

4.43 ptg.

Dr Abdul Hadi bin Derani (Kota Setar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1988 seperti yang dicadangkan oleh Timbalan Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini.

Saya menarik perhatian kepada Maksud B.20 di bawah tajuk Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di muka surat 2, Rang Undang-undang D.R. 1/89 dan di muka surat 14 dan 15, Kertas Perintah 1 Tahun 1989.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan di sini bahawa pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian melalui Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

atau MIDA telah mempertingkatkan perindustrian dan perdagangan di negara ini. Hasil daripada usaha tersebut berbagai industri tempatan telah tumbuh dengan pesat dalam tempoh masa dua tiga tahun yang lalu. Malahan masih banyak lagi pengusaha-pengusaha dan juga pelabur-pelabur daripada luar negeri yang ingin untuk menubuhkan kilang-kilang mereka di Malaysia. Namun begitu untuk menjaga kepentingan pengeluaran-pengeluaran barangan pembuatan dari negara kita ini, saya ingin mencadangkan supaya pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, melalui Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia atau MIDA, menumpukan perhatian yang lebih terperinci terhadap perkembangan-perkembangan pasaran antarabangsa untuk menjaga kepentingan barangan pembuatan yang diekspor dari Malaysia. Perhatian khusus hendaklah diberi terhadap perkembangan ke arah Pasar Tunggal Komuniti Eropah ataupun single market yang mempunyai berbagai implikasi terhadap negara-negara membangun.

Sebenarnya konsep Pasar Tunggal ini ialah hasil persaingan perdagangan dari Amerika Syarikat dan Jepun yang telah menjejaskan pengeluaran dan eksport negara-negara EC di pasaran antarabangsa. Memandangkan bahawa negara-negara EC secara individu tidak mampu mengatasi persaingan tersebut, maka kesemua mereka bersetuju untuk menyatu tenaga dengan menubuhkan Pasar Tunggal di mana ekonomi rantau tersebut dijangka akan berkembang dengan lebih pesat. Kalau dahulunya barangan eksport di antara negara-negara EC terhad oleh berbagai-bagai peraturan perdagangan dua hala dan sebagainya, maka apabila ujudnya Pasar Tunggal pada tahun 1992, barangan eksport daripada mana-mana satu negara dengan cara otomatis akan dapat dipasarkan

kepada kesemua 12 negara EC yang mempunyai penduduk seramai 340 juta orang. Ini bermakna pasaran untuk barangan daripada negara anggota EC akan mendapat sambutan dan pasaran yang lebih luas, lebih-lebih lagi, dengan berkembang ke arah memansuhkan halangan-halangan perdagangan seperti cukai kastam dan peraturan imigrasi yang akan melicinkan lagi import/eksport di antara negara-negara anggota.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut pendapat pihak EC pengwujudan Pasar Tunggal hanyalah untuk kebaikan negara-negara anggotanya sahaja dan tidak akan menjejaskan perhubungan perdagangan dengan negara-negara membangun seperti di rantau ASEAN. Tetapi kita semua maklum bahawa di dalam dunia yang serba maju ini tiap-tiap perkembangan di sesebuah negara mempunyai implikasi-implikasi tertentu terhadap negara-negara lain. Lebih-lebih lagi di dalam bidang perdagangan di mana telah wujud perhubungan di antara negara-negara rantau EC dengan rantau-rantau lain seperti ASEAN. Oleh itu apabila konsep Pasar Tunggal akan menjadi kenyataan pada tahun 1992, maka peraturan-peraturan perdagangan di antara negara-negara rantau ini dengan EC pasti akan berubah. Jikalau sekarang ini pengeksport-pengeksport barangan dari Malaysia hanya dikehendaki memenuhi syarat-syarat atau piawai negara-negara langganan sahaja maka apabila wujudnya Pasar Tunggal EC, pengeksport-pengeksport terpaksa menyesuaikan barangan mereka mengikut peraturan dan piawai yang akan diseragamkan oleh pihak berkuasa EC. Ini akan menimbulkan banyak masalah dan jika kita tidak mendapat maklumat yang tepat dan menyarankan pendapat-pendapat kita kepada EC sebelum wujudnya Pasar Tunggal maka eksport barangan buatan dari negara ini kepada EC akan terjejas. Mungkin beberapa

kilang yang membuat barangan khusus untuk negara-negara EC sekarang ini akan terpaksa ditutup oleh kerana tidak dapat memenuhi syarat-syarat baru pada tahun 1992 dan selepasnya.

Selain daripada itu, beberapa perkembangan ke arah Pasar Tunggal menunjukkan bahawa peraturan-peraturan baru yang sedang diseragamkan oleh EC juga merupakan langkah-langkah untuk melindungi kepentingan perindustrian dan ekonomi negara-negara anggotanya. Perlindungan ini datang dalam bentuk kuota atau mengantikan syarat supaya pengeluaran tempatan hendaklah menggunakan sebahagian besar bahan mentah tempatan sebelum barangan tersebut mendapat keistimewaan dalam pasaran EC. Contohnya kereta-kereta yang dikeluarkan oleh Great Britain seperti British Leyland hendaklah mempunyai komponen-komponennya yang dibuat di negara itu sendiri atau dari negara-negara EC dan tidak daripada negara-negara lain seperti dari Jepun dan sebagainya. Sekatan seperti ini akan pasti menjejaskan industri-industri sokongan kepada industri-industri berat daripada negara-negara membangun termasuk Malaysia.

Pengeluaran komponen-komponen elektronik oleh beberapa kilang di Malaysia sekarang ini mungkin akan terjejas sekiranya permintaan daripada negara-negara EC tersekat oleh langkah-langkah perlindungan yang dinyatakan. Oleh itu, nyatalah bahawa negara ini mesti menumpu perhatian khusus terhadap segala perkembangan pasaran tunggal di Eropah. Sebaik-baiknya pihak Kementerian berusaha dengan kerjasama pihak swasta dan rakan-rakan lain di dalam rantau ASEAN untuk mendapat jaminan bahawa kepentingan perindustrian dan perdagangan Malaysia dan rantau ini

tidak akan terjejas menjelang tahun 1992.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa perkembangan di dalam Parlimen Eropah iaitu badan perundangan EC menunjukkan langkah-langkah sedang diambil untuk menyekat kepentingan perdagangan luar. Umpamanya, pada hari Rabu lalu Parlimen Eropah telah memberi sokongan untuk dasar resiprositi yang membolehkan negara-negara EC menolak permohonan mana-mana bank asing untuk berniaga di dalam rantau tersebut. Ini menunjukkan bahawa pihak EC sedang bergerak ke arah dasar perlindungan yang boleh menjejaskan kepentingan institusi-institusi kewangan asing seperti Bank Bumiputra Malaysia Berhad dan Malay Banking Berhad yang sedang beroperasi di London sekarang. Apakah jaminan yang boleh didapati dalam masalah-masalah sekatan yang dibuat terhadap bank-bank asing termasuk bank-bank Malaysia hasil daripada keputusan Parlimen Eropah tersebut? Jika kepentingan bank-bank dari Malaysia ini tergugat, apakah langkah-langkah tindak-balas yang boleh dibuat terhadap bank-bank asing iaitu daripada negara-negara EC yang mempunyai pejabat dan cawangan-cawangannya di Malaysia? Hal-hal seperti ini hendaklah diberi perhatian oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian melalui MIDA. Tidak ada gunanya kita menunggu sahaja sehingga 1992 dan bertindak selepas pasar tunggal EC menjadi kenyataan sebab pada waktu itu amatlah sukar untuk memaksa pihak EC memikirkan kepentingan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh Maksud B. 36 berkenaan Polis Diraja Malaysia. Saya sukacita mendengar kenyataan Malaysia dan lain-lain negara ASEAN yang telah membuat ketetapan iaitu tidak lagi menerima pelarian-pelarian

atau pendatang-pendatang haram dari Vietnam. Ketetapan ini memang kena pada tempatnya. Kerajaan Malaysia dan lain-lain negara seperti Thailand, Indonesia dan Filipina telah lama menanggung beban menerima pendatang-pendatang haram dari Vietnam yang meninggalkan negara asal mereka bukan oleh kerana ketakutan yang timbul daripada apa-apa konflik atau persengketaan di Vietnam, tetapi kerana hendak berhijrah ke negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan Eropah dengan harapan mendapat mata pencarian yang lebih lumayan.

Kita bersimpati dengan pelarian-pelarian Vietnam yang terpaksa keluar daripada negara asal mereka selepas tamat Perang Vietnam di akhir bulan April 1975. Masa itu negara kita sanggup menjadi negara perlindungan pertama (first assylum country) untuk memberi bantuan kepada mereka dalam tahun 1975 dan seterusnya hingga tahun-tahun 1980an. Kita juga masih bersimpati dengan pelarian-pelarian daripada Kampuchea yang mencari perlindungan di negara jiran iaitu di Thailand tetapi kita tidak boleh terus bersimpati dengan pendatang haram dari Vietnam yang lebih merupakan "economic migrants" untuk berpindah ke negara yang lebih maju dan Malaysia menjadi batu loncatan sahaja.

Oleh itu, sudah tiba masanya untuk Kerajaan bersikap lebih tegas terhadap pendatang-pendatang haram yang masih tiba ke Pulau Bidong dan sebagainya. Mereka ini hendaklah dipulangkan ke negeri asal mereka sama ada secara menghantarkan mereka pulang ke Vietnam dengan kawalan Polis Merin ataupun memberi notis kepada Kerajaan Vietnam bahawa kita tidak boleh lagi menerima rakyat negara itu yang tidak senang dengan cara hidup negara mereka sendiri. Oleh itu saya menyokong supaya permohonan daripada pihak

Polis Diraja Malaysia untuk diberi bekalan tambahan kepada Polis Merin mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Labuan.

4.55 ptg.

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit (Labuan): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988).

Saya tidak bermaksud untuk membuat satu analisa ekonomi secara langsung ke atas Perbekalan Tambahan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi, tetapi saya ingin untuk menarik perhatian Dewan yang mulia ini ke sebuah pulau yang terletak di Laut China Selatan yang saya wakili.

Hari ini saya akan memberikan tumpuan yang sepenuh-penuhnya dan saya akan cuba memberikan satu gambaran setepat-tepatnya yang boleh agar kita dapat sama-sama melihat dan menganalisa perkembangan kemajuan dan kelemahan dalam memajukan setelah ianya dijadikan Wilayah Persekutuan pada 16hb April, 1984. Ramai yang tidak akan bersetuju kalau saya katakan kemajuan Labuan akan terbantu sekiranya kalau tidak ada langkah-langkah segera diambil untuk memajukannya.

(Tuan Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mulakan dengan memberikan

gambaran berkenaan dengan status sosio-ekonominya dahulu. Mengikut banci penduduk 1986 yang telah dibuat oleh Jabatan Pertanian, Majlis Perbandaran Labuan dan Universiti Teknologi, Labuan mempunyai lebih kurang 33,000 orang penduduk. Jumlah ini tidak termasuk migrasi masuk dan migrasi keluar yang bertambah dengan kadar 3.5% setahun, manakala kadar penyertaan gunatenaga semasa hanya di tahap 49%. Ini jauh lebih rendah berbanding dengan kadar penyertaan gunatenaga negara di tahap 59.5% manakala Singapura di tahap 92%.

Kadar pengangguran di Labuan ialah 11.4% jauh lebih tinggi dari kadar pengangguran negara. Bermakna kita harus menyediakan sejumlah 20,500 pekerjaan untuk mencapai tahap penyertaan gunatenaga 59.5% pada tahun 2000. Pada masa kini jumlah pekerjaan yang ditawarkan hanya 9,000; bererti di antara tahun-tahun 1989 hingga tahun 2000 sejumlah 11,500 pekerjaan baru perlu diwujudkan di dalam semua sektor. Sekiranya kita gagal berbuat demikian, ianya akan menjadikan Labuan sebuah wilayah bermasalah (problem area) yang mundur dan kadar pengangguran yang lebih tinggi dari kadar pengangguran negara dan ini akan menghasilkan berbagai masalah sosial akan wujud sebagai kesan sampingan.

Di dalam perdagangan "entreport" aktiviti utama di sektor ini ialah perniagaan timbal-balas atau "barter trade" dengan Filipina Selatan, kraftangan, rotan, buah-buahan, kelapa dan lain-lain dibawa dari Filipina Selatan untuk dijual di Labuan. Kain-kain, makanan dalam tin dari negeri China, peralatan elektrik, tayar, rokok dibeli daripada Labuan dan dibawa ke Filipina. Nilai sebenar perniagaan ini tidak diketahui. Menurut sumber-sumber

bank-bank di Labuan menganggarkan di antara \$18 juta hingga \$30 juta sebulan, anggaran untuk tahun 1988 ialah berjumlah \$25 juta sebulan. Walaupun kuantum perdagangan ini besar tetapi penglibatan bumiputera di dalam sektor ini adalah minimum.

Tuan Yang di-Pertua, di sektor perdagangan borong dan runcit, kesan dari kelebihan yang disebabkan oleh penawaran ruang lantai yang berlebihan menyebabkan:

- (1) kadar "turn-over", dengan izin, rendah lagi setiap unit luas ruang lantai perdagangan; dan
- (2) "over-head", dengan izin, yang tinggi bagi setiap operasi perniagaan.

Akibat dari kedua-dua kesan ini ialah harga barangan tinggi dan membuatkan Labuan gagal menarik pembeli dari luar walaupun ianya sebuah Pelabuhan Bebas Cukai. Ini menunjukkan sektor perdagangan di Labuan gagal bersaing walaupun dengan kelebihannya sebagai sebuah Pelabuhan Bebas Cukai. Fenomena ini tidak wujud di Langkawi.

Sektor industri besar dan sederhana adalah merupakan sektor yang paling lembab. Hanya sebuah industri kategori ini dibangunkan selepas 16hb April 1984 iaitu selepas 5 tahun menjadi Wilayah Persekutuan. Hanya Syarikat Karamutai Sdn. Berhad telah ditubuhkan dengan daya usaha bekas Ketua Menteri Sabah pada tahun 1988 secara usahasama dengan peniaga daripada Hong Kong. Syarikat ini menjahit pakaian musim sejuk untuk dieksport keluar negeri.

Masalah yang menghalang peningkatan Labuan sebagai pelabuhan bebas dan pusat perniagaan bagi ASEAN dapat dibahagikan kepada dua. Pertama ialah sektor perdagangan, yang kedua ialah sektor perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sektor perdagangan, penurunan aktiviti perdagangan timbal balas telah banyak menjejaskan sektor perdagangan borong di Labuan. Sektor ini yang telah lama bertapak sejak tahun 1950an lagi boleh dijadikan asas untuk membangunkan sektor perdagangan hingga Labuan berjaya menjadi pusat perniagaan bagi Asia. Dalam konteks ini Labuan akan menjadi pusat jualan borong atau wholesale centre atau warehouse bagi Asia. Masalah yang saya bentangkan ini secara khusus memberi kesan kepada aktiviti pembangunan dan secara amnya menjejaskan peningkatan Labuan sebagai sebuah pelabuhan bebas dan pusat perniagaan bagi Asia.

Masalah yang dihadapi oleh pedagang dapat dibahagikan kepada dua. Pertama ialah pedagang Malaysia dan kedua ialah pedagang Filipina. Masalah yang dihadapi oleh pedagang Malaysia adalah melibatkan regulations, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, di mana import bagi barangan tertentu memerlukan permit yang dikeluarkan oleh jabatan-jabatan berkaitan, manakala jabatan-jabatan ini tidak berada di Labuan. Ini menyulitkan pengurusan import dan eksport. Masalah yang dihadapi oleh pedagang asing pula dapat dibahagikan kepada pentadbiran regulations dan infrastruktur.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang dan peraturan-peraturan dan insensitive, dengan izin, kepada keadaan perdagangan antarabangsa ditambah dengan kekurangan infrastruktur, telah mengencatkan peningkatan peranan Labuan sebagai sebuah pelabuhan bebas dan pusat perniagaan bagi ASEAN seperti yang diaspirasikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Saya merayu supaya langkah-langkah positif dan agresif dapat diambil oleh semua pihak berkaitan

untuk mencapai matlamat ini. Tindakan-tindakan yang bersepadu perlu diambil supaya Labuan dapat mengambil semula pedagang-pedagangnya yang telah diambil oleh Singapura dan seterusnya menjadikan aspirasi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri satu kenyataan yang dapat dibanggakan.

Pada amnya dapat dirumuskan bahawa Labuan telah kehilangan daya tarikan kepada pedagang asing kerana penawaran yang ada di Labuan gagal untuk memenuhi permintaan yang dibuat oleh pedagang luar. Permintaan yang dibuat oleh pedagang asing telah bertambah dengan adanya aktiviti-aktiviti untuk memajukan sedangkan penawaran yang wujud di Labuan masih di tahap tahun 70an. Kekosongan yang wujud ini diisi oleh Singapura atau mismatched, dengan izin. Ini wujud kerana pentadbiran dan regulations pelabuhan bebas cukai Labuan sama dengan pentadbiran dan regulations, pelabuhan dalam principal custom area, dengan izin. Sepatutnya pelabuhan bebas cukai dapat berkembang selaras dengan perkembangan aktiviti perdagangan import dan eksport di pasaran antarabangsa.

Dalam sektor perindustrian pula, masalah yang menghalang pembangunan sektor industri dapat dibahagikan kepada lima:

- (i) Pentadbiran;
- (ii) Status;
- (iii) Dasar Perindustrian Negara atau lebih tepat lagi Akta Galakan Pelaburan 1986; dan
- (iv) faktor-faktor pengeluaran dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, faktor pengeluaran yang saya maksudkan ialah kadar tarif elektrik. Kini sudah hampir tiga tahun tenaga elektrik di Labuan dibekalkan oleh Sabah Gas

Industry melalui Lembaga Letrik Sabah. Walaupun kos penjanaannya adalah jauh lebih rendah daripada diesel-fired power station, dengan izin, namun demikian saya merasa dukacita kerana belum ada satu langkah yang diambil untuk mengurangkan tarif bekalan elektrik bagi pengguna di Labuan.

Saya merayu kepada Kerajaan agar memberikan pertimbangan yang serius untuk menurunkan tarif ini. Ini bukan sahaja untuk meringankan beban kepada pengguna tetapi ia juga akan menggalakkan pertumbuhan pelaburan dan pertumbuhan industri di Labuan. Kita sedia maklum pada hari ini pengguna di Labuan terpaksa dan akan terus membayar kadar tarif yang tinggi sama dengan daerah-daerah yang lain di Sabah. Ini adalah disebabkan kos penjanaan di kawasan luar bandar di Sabah terpaksa diberikan subsidi dan ianya adalah di bawah bidangkuasa Lembaga Letrik Sabah. Adalah tidak wajar dan tidak adil bagi pengguna di Labuan terus dibebankan dan terpaksa memberikan subsidi kepada pengguna-pengguna di kawasan lain di Sabah sedangkan kos penjanaan di Labuan adalah rendah. Dalam konteks semasa di mana pembekalan tenaga elektrik adalah di bawah bidang-kuasa Lembaga Letrik Sabah dan pengurangan bayaran tarif elektrik bagi pengguna di Labuan tidak dapat diberikan kerana ianya sukar dipertahankan dari segi dasar yang ada sekarang.

Oleh yang demikian, saya ingin menyarankan di Dewan yang mulia ini supaya Lembaga Letrik Negara mengambil alih bekalan tenaga elektrik di Labuan daripada Lembaga Letrik Sabah ataupun ianya di-swastakan ataupun mengkaji semula Akta Lembaga Letrik Sabah untuk membolehkan perbezaan tarif diwujudkan di antara Negeri Sabah dan Labuan. Dengan ini pengguna di

Labuan boleh menikmati bekalan tenaga elektrik yang murah.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini tarif elektrik bagi Labuan dan Negeri Sabah ialah sebanyak 29.3 sen sekilowatt iaitu 25% lebih tinggi dari Semenanjung Malaysia sebelum rebate ataupun dengan lebih tepat 23 hingga 26 sen sekilowatt bergantung kepada penggunaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek yang sama penyelidikan yang dijalankan oleh Bank Dunia menyatakan bahawa pemindahan tenaga elektrik daripada Labuan ke Beaufort atau Labuan-Beaufort Inter-connection adalah merupakan satu-satunya projek elektrik yang paling menguntungkan di Asia Tenggara. Dari itu saya tidak dapat melihat kenapa projek serupa ini tidak dapat diimplementasikan dengan secepat mungkin. Projek ini adalah yang paling murah dan yang paling praktikal untuk membekalkan tenaga elektrik ke tanah Sabah terutamanya kawasan yang berdekatan dengan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, Sabah Gas Industry mempunyai janakuasa menggunakan gas yang mempunyai keupayaan sebanyak 79 megawatt sedangkan penggunaan semasa tempatan hanyalah sebanyak 22 megawatt. Dari itu Sabah Gas Industry mempunyai capacity berlebihan sebanyak 57 megawatt. Gas yang digunakan adalah didatangkan daripada pelantar minyak di luar pantai Labuan dan sekiranya ianya tidak digunakan ianya akan dibakar begitu sahaja. Jadi, penggunaan sepenuhnya janakuasa ini hanya akan melibatkan peningkatan kos sebanyak 0.75 sen sekilowatt atau kurang daripada satu sen, suatu kos yang amat rendah kalau dibandingkan dengan kadar tarif yang dikenakan sebelum rebate.

Adalah dianggarkan sekiranya Inter-connection ini mempunyai 200 kilowatt thru-put, dengan izin, kosnya adalah sebanyak 8.4 sen sekilowatt dan dijangkakan pembayaran kepada Sabah Gas sebanyak 4.2 sen maka Lembaga Letrik Sabah akan dapat bekalan elektrik kurang daripada 13 sen sekilowatt jauh lebih murah daripada bekalan yang ada sekarang. Ini bermakna Lembaga Letrik Sabah akan mendapat keuntungan sebanyak 10 sen sekilowatt iaitu kelebihan pendapatan sebanyak \$20 juta setahun. Keuntungan ini akan meningkat setelah konsesi ini diserahkan kepada Lembaga Letrik Sabah selepas 15 tahun.

Satu aspek yang juga penting dalam projek ini ialah bekalan tenaga ini boleh didatangkan daripada Sabah ke Labuan sekiranya bekalan sumber gas asli sudah habis. Bagi saya yang penting ialah supaya bekalan tenaga elektrik ini dapat dijamin dan dengan kadar yang paling murah kepada pengguna. Dan ini sekaligus menjadikan Labuan lebih competitive bagi pelabur untuk melabur di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada soal pentadbiran Labuan, apabila Labuan menjadi Wilayah Persekutuan, Local Government Ordinance, dengan izin, masih digunapakai. Majlis Perbandaran Labuan masih bertindak sebagai Kerajaan Tempatan di level 3. Tetapi Kerajaan Negeri di level 2 sudah tidak berfungsi. Dari aspek pembangunan Kerajaan Negeri di level 2 memainkan peranan yang penting untuk menjamin pembangunan di level 3 Kerajaan Tempatan. Umpamanya Kerajaan Tempatan di Selangor akan mendapat faedah daripada pelaburan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui PKNS dan lain-lain agensinya. Ketiadaan Kerajaan Negeri juga membuat Labuan ketiadaan agensi yang membuat promotion, dengan

izin, di luar negeri. Sebagai sebuah majlis perbandaran, majlis perbandaran tidak mempunyai keupayaan untuk mengambil langkah-langkah membuat promotion. Contohnya, Kerajaan Tempatan di Selangor dapat diperkenalkan di Taiwan oleh delegasi perdagangan Kerajaan Negeri Selangor tetapi tiada agensi seperti ini yang membuat promotion untuk Labuan.

Oleh yang demikian, saya ingin menyarankan supaya Perbadanan Kemajuan ekonomi bagi membangun Labuan diwujudkan untuk mengatasi masalah ini. Dari aspek pertumbuhan sektor perindustrian pula, kedudukan Labuan sebagai sebuah Wilayah Persekutuan mempunyai satu kelemahan utama. Yang pertama ialah pembubaran Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri yang bertindak sebagai rakan kongsi bumiputera, projek usaha sama dan sumber raised capital daripada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Labuan tidak berjaya untuk mewujudkan pra-syarat yang diperlukan untuk pembangunan sektor perindustrian. Walaupun Majlis Perbadanan Labuan telah membangunkan hampir 450 ekar tanah perindustrian, ketiadaan pra-syarat telah mengakibatkan tanah tersebut kosong dan tidak beraktif dan kegagalan menarik pelabur baru selepas 16hb April, 1984 telah mengakibatkan kadar pengangguran di Labuan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, yang paling ketara, undang-undang, dasar, strategi dan pelaksanaan pembangunan yang tidak seragam telah mengakibatkan Labuan gagal bersaing dengan lain-lain wilayah di Malaysia. Kerajaan Persekutuan telah kegagalan mengenali masalah dan potensi yang wujud secara terperinci.

Contohnya, yang pertama, Akta Kastam 1967 menjadikan Labuan sebagai sebuah atau sebagai sebuah

pelabuhan asing di luar Malaysia atau foreign port. Yang kedua, Akta Galakan Pelaburan 1986 menjadikan Labuan sebagai sebahagian daripada Malaysia. Ketiga, barangan keluaran Labuan masuk ke lain-lain bahagian di Malaysia dikenakan cukai sama seperti barangan keluaran negara asing, iaitu mengikut Akta Kastam 1967. Tetapi pengeluar di negara asing menerima faedah Skim Galakan Eksport, manakala di Labuan tidak layak menerima faedah Skim Galakan Eksport daripada Kerajaan Persekutuan kerana Labuan sebahagian daripada Malaysia mengikut Akta Galakan Pelaburan 1986.

Barangan Labuan masuk ke Principal Custom Area, dengan izin, di Malaysia dikenakan cukai berasaskan cost ex-factory. Cost ex-factory ini termasuklah bahan mentah dan nilai tambahan atau value added. Labuan tiada bahan mentah. Oleh itu, semua bahan mentah terpaksa diimport tanpa cukai untuk dijadikan output. Cukai berasaskan cost ex-factory bererti cukai untuk bahan mentah yang belum dicukai dan cukai untuk nilai tambahan. Nilai tambahan dalam konteks ini ialah pekerjaan. Cukai pekerjaan dibayar dalam bentuk cukai pendapatan pekerja. Ini bermakna Labuan membayar cukai dua kali (double taxation) untuk nilai tambahan atau value added apabila barangan ini masuk ke Principal Custom Area di Malaysia. Tetapi jika pengeluar beroperasi di luar negeri, cukai untuk nilai tambahan dibayar hanya dalam bentuk Cukai Kastam di pelabuhan pintu masuk. Cukai pendapatan telah dibayar pada Kerajaan atau Kerajaan asing. Jika pengeluar beroperasi di Principal Custom Area, cukai untuk nilai tambahan dibayar kepada Kerajaan Malaysia hanya dalam bentuk cukai pendapat kerana cukai kastam sudah tidak perlu dibayar. Cukai pendapatan yang telah dibayar oleh pengeluar di negara asing diganti atau offset oleh

pihak Skim Galakan Eksport yang telah ditawarkan oleh Kerajaannya atau negara asing. Keadaan ini tidak wujud di Labuan, Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada itu, hasrat Kerajaan Persekutuan melalui agensinya MIDA dengan dasarnya ingin memajukan Labuan sebagai sebuah pusat industri untuk eksport setaraf dengan FTZ atau Free Trade Zone dan LMWH atau Licensed Manufacturing Warehouse, dengan izin, telah gagal kerana pentadbiran Labuan dengan Singapura, Bangkok dan Dubai menunjukkan Labuan tidak menarik untuk pelabur.

Selain daripada itu, kos faktor-faktor pengeluaran adalah tinggi telah mengagalkan usaha Labuan menarik pelabur, dan sistem pentadbiran yang wujud selepas 16hb April, 1984 gagal melahirkan makisnisma yang diperlukan untuk pembangunan industri yang pesat seperti sebelum Labuan menjadi Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rumusan, kalau kita menganggap Singapura merupakan sebuah pusat perniagaan bagi ASEAN, maka saya ingin menyanan supaya hal acara pembangunan Labuan mestilah mempunyai ciri-ciri yang hampir sama dengan Singapura. Mungkin dengan skala yang lebih kecil. Walau bagaimanapun, pada masa kini persamaan ini tidak wujud di Labuan. Faktor-faktor yang ada pada hari ini adalah seperti undang-undang, dasar, strategi, pentadbiran dan pelaksanaan usaha-usaha pembangunan Wilayah Persekutuan Labuan yang tidak sensitif kepada masalah dan potensi di Labuan telah mengencatkan pertumbuhan sektor perindustrian yang telah berkembang pesat sebelum Labuan diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan. Haruslah dikaji semula kerana jelas kepada kita bahawa

pembangunan Labuan masih jauh daripada matlamatnya.

Izinkan saya untuk menarik perhatian Dewan yang mulia ini untuk meneliti semula matlamat pembangunan yang saya maksudkan. Jadi, apabila Labuan diserahkan oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Persekutuan menerima penyerahan tersebut, wujud satu kontrak berasaskan kepada tawaran atau offer dan penerimaan atau acceptance. Matlamat pembangunan Labuan mestilah berasaskan kepada kontrak ini. Tujuan penyerahan oleh Kerajaan Negeri Sabah yang dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan dengan tindakan oleh Kerajaan Persekutuan menerima Labuan sebagai Wilayah Persekutuan dijadikan asas matlamat pembangunan Wilayah Persekutuan Labuan. Tujuan penerimaan oleh Kerajaan Persekutuan yang dipersetujui oleh Kerajaan Negeri Sabah dengan tindakannya atau Kerajaan negeri Sabah menyerahkan Labuan untuk ditadbirkan oleh Kerajaan Persekutuan sepatutnya dijadikan sebagai asas matlamat pembangunan. Matlamat penyerahan berasaskan ucapan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri ketika itu semasa membentangkan Rang Undang-undang Penyerahan Kawasan Labuan kepada Kerajaan Persekutuan mengandungi lima matlamat utama yang telah dinyatakan. Yang pertama ialah mempercepatkan proses integrasi nasional. Yang kedua ialah memperkukuhkan keselamatan negara. Yang ketiga, mempercepatkan tempoh pembangunan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan lain. Keempat, membangunkan Labuan sebagai sebuah Pusat Persidangan Serantau dan Antarabangsa. Kelima ialah memperluaskan aktiviti perniagaan dan perdagangan tukar barang.

Tuan Yang di-Pertua, matlamat penerimaan berasaskan ucapan Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membentangkan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) No. 2 1984 pada 19hb Mac, 1984 di Dewan yang mulia ini adalah seperti berikut iaitu untuk meningkatkan peranan Labuan sebagai sebuah pelabuhan bebas dan pusat perniagaan bagi ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang Wakil Rakyat yang cintakan keamanan dan dahagakan pembangunan dan tidak mahu mendengar Kerajaan dilabel oleh rakyat gagal memajukan atau gagal menjalankan tugasnya seperti yang telah dijanjikan saya dengan rendah diri ingin menyarankan beberapa dasar-dasar am agar dapat diberi pertimbangan oleh Kerajaan Persekutuan. Cadangan-cadangan yang saya majukan ini dibuat berasaskan kepada 6 matlamat tersebut. Cadangan-cadangan ini dalam bentuk dasar-dasar am, pembangunan am, pembangunan dan dasar sokongan. Dari aspek pelaksanaan dasar-dasar ini tidaklah memerlukan apa-apa pembiayaan kewangan, hanyalah pindaan kepada undang-undang, peraturan dan dasar yang sedia ada.

Bagi matlamat pertama iaitu untuk mempercepatkan proses integrasi nasional, saya menyarankan supaya dasar utama Kerajaan Persekutuan untuk menjadikan Labuan sebagai pusat pentadbiran awam dan swasta Wilayah Malaysia Timur dengan mewujudkan satu Ibu Pejabat Wilayah atau Regional Headquarters bagi semua Jabatan Agensi Kerajaan Persekutuan yang kini beroperasi di Kuching dan Kota Kinabalu. Yang kedua ialah membesarkan Markas Tentera Udara dan Tentera Laut. Ketiga, menurunkan tambang MAS di antara Kuala Lumpur dan Labuan. Dasar sokongan pula, kita perlu menggalakkan syarikat-syarikat swasta menubuhkan Ibu Pejabat Wilayah di Labuan dengan memberi

galakan pengecualian cukai atau tax holiday.

Dan yang kedua, Majlis Perbandaran Labuan selaku Kerajaan Tempatan boleh memberikan galakan dengan mengurangkan atau mengecualikan cukai pintu untuk premis yang digunakan sebagai Ibu Pejabat Wilayah dan mengenakan bayaran premium tanah yang rendah kalau tidak diberikan dengan percuma. Contohnya, Singapura telah berjaya menarik pihak swasta menubuhkan Ibu Pejabat Wilayah dengan memberikan galakan yang ditadbirkan oleh Economic Development Board. Galakan-galakan ini termasuklah pioneer service incentives, investment allowance incentive, international consultancy services incentives dan operational headquarters incentives. Kita lihat hari ini terdapat multinational corporation yang memilih Singapura sebagai ibu pejabatnya, sedangkan tumpuan perniagaan ataupun target market syarikat tersebut ialah Malaysia, Indonesia dan Thailand. Tidak ada sebab mengapa kita tidak boleh mewujudkan galakan-galakan yang sama bagi Labuan ataupun Langkawi.

Matlamat kedua ialah memperkukuhkan keselamatan negara. Dasar yang perlu diwujudkan ialah Kerajaan Persekutuan akan menjadikan Labuan markas wilayah untuk Tentera Laut dan Tentera Udara.

Matlamat ketiga ialah mempercepatkan tempoh pembangunan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan lain. Dalam hal ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana Labuan telah pun diberikan kemudahan-kemudahan infrastruktur yang lebih daripada memuaskan. Walau bagaimanapun, masih terdapat ruang untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan ini. Dasar yang perlu

diwujudkan ialah Kerajaan Persekutuan akan meninggikan taraf sosio-ekonomi penduduk Labuan dengan memperbaiki infrastruktur dan kemudahan-kemudahan lain. Projek sokongan yang diperlukan ialah membangunkan hospital baru dan dasar sokongan yang diperlukan ialah menurunkan kadar tarif elektrik seperti yang saya nyatakan tadi dan menurunkan premium tanah untuk tujuan perniagaan.

Matlamat keempat iaitu membangunkan Labuan sebagai pusat persidangan serantau dan antara-bangsa. Objektif ini dapat dicapai oleh dasar yang pertama yang telah disebutkan tadi.

Bagi matlamat kelima iaitu memperluaskan aktiviti perniagaan dan perniagaan tukar barang. Dasar yang perlu diwujudkan ialah Kerajaan Persekutuan akan mengambil langkah-langkah perlu untuk liberalise straits dan deregularise pelabuhan dan projek-projek sokongan yang diperlukan ialah membangunkan jeti perdagangan tukar barang yang lebih besar dan membangunkan bounded warehouse atau mengisytiharkan Pulau Labuan sebagai bounded area, Tuan Yang di-Pertua. Dasar sokongan yang perlu diwujudkan oleh Kerajaan, pertama ialah regularise dan regulate perdagangan tukar barang. Yang kedua ialah mengecualikan permit import dan eksport bagi semua barangan diimport untuk tujuan ini. Yang ketiga ialah memberikan faedah skim galakan eksport kepada pengeluar atau pengilang Malaysia yang menjual barang kepada pedagang Labuan untuk tujuan perdagangan tukar barang.

Tuan Yang di-Pertua, matlamat yang keenam ialah meningkatkan peranan Labuan sebagai sebuah pelabuhan bebas dan pusat perniagaan bagi ASEAN. Matlamat ini adalah merupakan matlamat kefima tetapi lebih menyeluruh. Dasar yang perlu

diwujudkan ialah Kerajaan Persekutuan akan membangunkan pelabuhan Labuan sebagai sebuah entreport bagi Borneo, Filipina dan Vietnam. Projek sokongan ialah membangunkan pelabuhan kontena yang baru, menyediakan kemudahan bunkering dan dasar sokongan yang diperlukan ialah mengecualikan permit import dan eksport bagi semua barangan kecuali yang digunakan di Principal Custom Area. Kedua, memberikan faedah skim galakan eksport kepada pengeluar atau pengilang Labuan yang menjual barangannya kepada Principal Custom Area.

Ketiga, memberikan faedah skim galakan eksport kepada pengeluaran ataupun pengeluar-pengilang Malaysia.

Keempat ialah memberikan layanan istimewa kepada pedagang yang mengimport barangan daripada luar negeri melalui pelabuhan Labuan.

Kelima, menyediakan perkhidmatan air-cargo di antara Labuan dengan lain-lain pusat perdagangan.

Keenam, ialah menyediakan perkhidmatan penerbangan di antara Bandar Sri Begawan, Manila dan Sibuluan ke Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mengambil kira sebahagian daripada jumlah dagangan bagi ASEAN sahaja berasaskan angka 1987 dan berasaskan kepada nilai dagangan borong dan runcit bagi negeri Sabah dan Sarawak bernilai \$23.6 bilion, Brunei Darussalam sebanyak \$1.2 bilion, Kalimantan dan kepulauan Indonesia \$2 bilion, Filipina Selatan \$6 bilion, Vietnam sebanyak \$12.4 bilion yang berjumlah \$45.2 bilion setahun dan kalau 100% import atau eksport ini melalui pelabuhan Labuan dan kita mengambil sebanyak 10% sebagai peratus keuntungan, firma-firma

perdagangan akan mendapat keuntungan sebanyak \$4.5 bilion setahun dan Kerajaan akan dapat mengutip sebanyak \$1.3 bilion setahun daripada cukai korporat. Kalau kita ambil 20% sebagai peratus realistik di mana semua eksport atau import itu melalui pelabuhan Labuan, ianya sudah menunjukkan suatu quantum yang besar yang boleh membawa kepada pertumbuhan dalam sektor kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, dasar ini kalau boleh diwujudkan akan dapat mengurangkan invisible trade, ini dapat mewujudkan sehingga 100,000 peluang pekerjaan dan seterusnya mengurangkan masalah pengangguran dan coastal shipping dapat dimajukan.

Tuan Yang di-Pertua, pada amnya semua matlamat yang saya sebutkan tadi dapat dicapai dengan adanya political commitment dari Kerajaan Persekutuan

Tuan Hu Sepang: (Bangun).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Rasah bangun. Ahli Yang Berhormat Labuan, sila duduk!

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, point of order. Nampaknya tak cukup bilangan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila kira. 14 orang. Sila bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(Ahli-ahli dikira: 29 Ahli hadir).

Tuan Yang di-Pertua: 29 orang, sudah cukup kuoram. Ahli Yang Berhormat dari Labuan, panjang lagikah ucapan Yang Berhormat?

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit: Satu minit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, pada amnya semua matlamat yang saya sebutkan tadi dapat dicapai dengan adanya

political commitment daripada Kerajaan, malah dasar ini juga boleh dipanjangkan bagi Pulau Langkawi yang mempunyai status yang sama dengan Labuan.

Peruntukan kewangan adalah minima daripada Kerajaan Persekutuan yang diperlukan untuk mencapai matlamat-matlamat ini dan kebanyakan matlamat ini dapat dicapai dengan mengubah peruntukan undang-undang dan halacara pelaksanaan dasar.

Dan langkah terakhir yang boleh diambil sekiranya saranan ini tidak dapat diwujudkan untuk membangun dan memajukan Labuan, saya ingin menyarankan kepada Kerajaan supaya mengkaji dan menimbang untuk menjadikan Labuan sebagai sebuah kawasan tax holiday, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, bagi rantau ini. Dengan status itu Kerajaan tidak perlu memberikan peruntukan yang besar malahan ianya akan berkembang dengan sendirinya dan Labuan akan muncul sebagai sebuah pusat kewangan atau financial centre bagi rantau ASEAN, yang mungkin boleh menggantikan Hong Kong apabila ianya kembali sebagai jajahan China nanti atau boleh bersaing dengan Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Sandakan.

5.30 ptg.

Tuan Fung Ket Wing (Sandakan): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan telah meminta \$25,330,000 sebagai tambahan bagi tahun 1988, dan \$21,461,100 daripadanya akan digunakan untuk Perkhidmatan dan Bekalan serta \$3,524,900 untuk Aset.

Di sini saya hendak menarik perhatian terhadap keadaan

perkhidmatan yang terdapat di Hospital Duchess of Kent, Sandakan.

Tuan Yang di-Pertua, semasa Hospital Duchess of Kent dibina pada 1952, ia bersama-sama dengan Hospital Queen Elizabeth di Kota Kinabalu merupakan salah sebuah hospital yang terbaik di negeri Sabah, walhal standard Hospital Tawau adalah lebih rendah. Sekarang, nasib baiknya Hospital Tawau telah menjadi lebih maju sehingga standard sama seperti Hospital Queen Elizabeth, yang mempunyai kelengkapan yang baik dengan teknologi moden termasuk kelengkapan diagnostik. Sementara itu, Hospital Duchess of Kent telah ketinggalan zaman, iaitu ia masih ada di peringkat tahun-tahun lima puluhan.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar kelengkapan diagnostik di Hospital Duchess of Kent adalah setua dengan bangunan hospital itu. Alat-alat tersebut telah tidak boleh berfungsi dengan baik sehingga menimbulkan masalah yang serius bagi hospital itu. Walaupun saya telah membangkitkan perihal kemerosotan hospital tersebut beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini, akan tetapi tindakan yang berkesan belum diambil.

Pada tempoh hari, saya telah diberitahu bahawa kini kelengkapan diagnostik yang baru telah dibeli untuk menggantikan alat-alat yang lama di hospital tersebut. Bagaimanapun, adanya ura-ura bahawa kelengkapan yang baru itu tidak akan dihantar ke Hospital Duchess of Kent tetapi akan digunakan di Hospital Queen Elizabeth. Sebaliknya yang terdapat di hospital di Kota Kinabalu itu akan dikirimkan ke Sandakan.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Kementerian Kesihatan telah meluluskan bekalan kelengkapan yang baru kepada Sandakan, maka tidak

ada sebab mengapa Sandakan akan menerima kelengkapan yang terpakai. Saya berharap Menteri yang berkenaan akan menyiasat perkara ini, untuk memastikan kelengkapan yang baru dan baik yang dimaksudkan untuk Sandakan dipasang di Hospital Duchess of Kent, supaya standardnya dapat dipertingkatkan. Dengan adanya para doktor, jururawat dan kakitangan lain yang berkaliber serta kelengkapan yang baik, penduduk-penduduk di Sandakan dan kawasan-kawasan sekitarnya tidak payah mendapat rawatan perubatan di tempat-tempat yang lebih maju. Rawatan perubatan sedemikian memerlukan beban kewangan yang berat.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga hendak membangkitkan masalah bekalan air kepada Hospital Duchess of Kent. Kejadian bekalan air tergendala untuk beberapa hari dari semasa ke semasa sudah menjadi satu lumrah termasuk semasa sesi pembedahan kerana kekurangan bekalan air, banyak kes bedah telah ditangguhkan. Adalah perlu bagi Kementerian Kesihatan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya supaya masalah bekalan air di hospital tersebut diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, pelan untuk membina semula bilik bedah di Hospital Duchess of Kent telah diluluskan 10 tahun yang lalu. Akan tetapi ia tidak dapat dilaksanakan. Pada akhir-akhir ini, perkara ini telah dibangkitkan semula. Difahamkan bahawa pembinaan bilik bedah yang baru akan mengikut pelan yang diluluskan pada 10 tahun yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, jika perkara ini benar, bagaimana Kementerian Kesihatan dapat menerima pelan lama tersebut. Reka bentuk yang lama itu mungkin tidak sesuai untuk teknologi moden. Oleh yang demikian,

Kerajaan hendaklah mempertimbangkan bilik-bilik bedah yang moden yang boleh menampung teknologi yang baru dan bukan yang lama yang telah dibuang oleh orang lain.

Akhirnya, adalah sangat perlu bagi Kerajaan untuk mempertimbangkan pembaikan wad-wad pesakit luar di Hospital Duchess of Kent, sesuai untuk pesakit-pesakit, saya mencadangkan supaya wad-wad pesakit diperbaiki agar kepentingan orang-orang ramai tidak akan terjejas.

DAP mendesak Kementerian Kesihatan supaya meluluskan wang untuk memperbaiki dan mempertimbangkan standard Hospital Duchess of Kent di Sandakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Mas.

5.36 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin turut mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988) dan juga Usul yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memulakan perbahasan ini dengan mengambil satu contoh mengenai dengan peruntukan tambahan dalam Rang Undang-undang dan Usul yang dibawa oleh Timbalan Menteri Kewangan ini. Pertama kita lihat di bawah Maksud B.7—Jabatan Perdana Menteri, diperuntukkan dan diperlukan sebanyak \$93,336,000 untuk PERWAJA bagi membeli alat-alat kelengkapan yang baru untuk mengeluarkan "billets" meningkatkan paras modal pusingan kerana pengeluaran yang dijangka semakin meningkat; dan bagi membiayai bayaran balik pinjaman-pinjaman dan yang bahagian (b) sebanyak \$12 juta

untuk membeli saham dalam EON. Tuan Yang di-Pertua, perkara perbandingan yang saya hendak buat ialah Maksud B.7—Jabatan Perdana Menteri sebanyak \$50 juta untuk projek infrastruktur.

Saya ambil dua perbandingan ini kerana setiap kali Belanjawan yang dikemukakan sama ada Belanjawan Negara atau Belanjawan Tambahan sentiasa diasaskan kepada tujuan untuk pembangunan kesejahteraan rakyat, untuk pembangunan negara. Tetapi apabila kita lihat peruntukan-peruntukan yang perlu dan dipergunakan dan sejauh mana persoalannya ialah boleh membawa perubahan kepada menambah atau meningkatkan lagi kesejahteraan hidup rakyat dari segi pendapatannya, dari segi pertumbuhan kegiatan ekonomi sokongan dan dari segi peluang-peluang pekerjaan. Sebab saya ingin menarik perhatian, walaupun ekonomi kita sudah bertambah baik akibat daripada permintaan bahan-bahan mentah kita yang meningkat dari luar negeri tetapi kita harus berwaspada dan jangan mengulangi sejarah yang lalu. Sebab saya pernah menyebut dalam Dewan yang mulia ini dalam perbahasan sama ada tahun lalu ataupun baru-baru ini sepertimana kata seorang Professor, pengalaman bagi negara kita yang banyak hutang ini adalah disebabkan kerana projek-projek raksaksa, projek-projek besar, dasar penswastan—bukan dasar itu dipersoalkan tetapi cara penswastan itu dibuat—dan dasar Pandang ke Timur yang akhirnya membawa kepada apa yang dikatakan "serangan Jepun yang kedua."

Betul kita kata ada sedikit sebanyak kesan-kesan yang baik hasil daripada projek-projek tersebut tetapi beban yang ditanggung oleh negara dan rakyat tidak sedikit. Tetapi kalau kita mengatakan setiap kali kita

merancang dan membuat dasar untuk membawa perubahan kepada rakyat, hendak lihat sahaja dari segi perbandingannya. Saya tidak menyebut perkara-perkara lain tetapi hanya sekadar untuk memberi sedikit gambaran kepada pihak perancang dan pembuat dasar dalam menentukan pengagihan wang negara untuk pembangunan, kerana kita harus ingat walaupun ekonomi kita sudah bertumbuh, kedudukan hutang negara masih lagi tenat dan ketenatan ini ditanggung oleh rakyat bersama. Sebab kita lihat, kalau hendak dijelaskan hutang negara yang ada pada hari ini dengan jumlah penduduk yang ada, memerlukan seorang \$6,000 dan kalau terpaksa dibayar tiap-tiap bulan sebanyak \$500 seorang, manakala tahap kemiskinan ialah \$350 ke bawah.

Cuba kita lihat bagaimanakah kedudukan gambaran ekonomi negara kita. Tetapi walau apapun sekurang-kurangnya apabila sesuatu usaha itu hendak dibuat, dari segi pembangunan ianya hendaklah dihalakan kepada kepentingan secara langsung kepada rakyat, terutamanya rakyat di luar bandar. Saya bangkitkan perkara ini, sebab saya bimbang akan \$93,000,336 ini untuk PERWAJA. Saya membaca laporan melalui akhbar PERWAJA sedang mengalami masalah, mengalami kerugian dan perbelanjaan yang sudahpun sampai ke tahap \$1.6 bilion. Terpaksalah Kementerian Kewangan ataupun Kerajaan mengambil tindakan dengan menghantarkan kononnya salah seorang tokoh teknokrat, bernama Datuk Eric Chia untuk mencari jalan bagi membaik-pulih ataupun meletakkan PERWAJA kembali sebagai sebuah syarikat pengeluar besi yang untung.

Kita memang berharap demikian, tetapi pada waktu itu difahamkan bahawa dihantarnya seorang teknokrat ini dengan kepakarannya

sebagaimana yang digambarkannya itu dan kita tidak memikirkan bahawa perlunya lagi bahawa Kerajaan terpaksa menambah wang untuk menyelamatkan projek tersebut. Saya bimbang sebab takut-takut terjadi peristiwa BMF dahulu, the good money chasing the bad money.

Sekarang kita hendak membeli alat-alat untuk meningkatkan pengeluaran manakala semua kita tahu bahawa \$1.6 bilion yang berlaku kepada PERWAJA di Terengganu, beratus juta alat-alat yang dibeli daripada pihak Jepun yang tidak boleh digunakan langsung. Maka oleh itu saya ingin mencadangkan oleh kerana \$93,000,000 yang dimaksudkan di bawah peruntukan tambahan ini, saya sekali lagi menyeru dan mencadangkan supaya Kertas Putih harus dikeluarkan oleh Kerajaan mengenai PERWAJA Terengganu ini. Sebab ini satu belanja yang besar dan apakah perkara ini akan terus-menerus keadaannya begini? Manakala kita lihat peruntukan untuk pembangunan rakyat luar bandar, infrastruktur, kemudahan awam dan sosial serta keagamaan adalah \$50 juta sahaja. Apakah ianya mencukupi? Betul sebelum ini banyak peruntukan untuk luar bandar tetapi apakah cukup dengan \$50 juta kalau kita bandingkan dari segi keperluan?

Tuan Yang di-Pertua, begitu jugalah kita lihat mengenai keputusan untuk membeli saham Edaran Otomobil Nasional dengan belanja sebanyak \$12 juta, iaitu \$6 sesaham untuk sebanyak 2 juta unit saham melalui Perbadanan Perusahaan Berat Malaysia Berhad. Saya hendak tahu saham yang dibeli oleh Kerajaan melalui HICOM ini adakah saham terbitan langsung ataupun saham yang dipegang oleh sesiapa yang mungkin hendak dijual daripada HICOM itu. Kita hendak tahu secara detail mengenai perkara ini.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh soal Perbekalan Tambahan dari segi Pengurusan. Yang paling banyak ialah untuk Maksud B.26, Kementerian Pendidikan \$119,480,000. Ini adalah kerana pertambahan jawatan guru dan jawatan sokongan di sekolah-sekolah dan asrama serta pengisian kekosongan jawatan dan di samping itu melaksanakan beberapa aktiviti baru dan aktiviti yang tidak mempunyai cukup peruntukan. Aktiviti baru ini termasuk Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dan sebagainya. Ini sememangnya sama dengan ke-bimbangan yang saya timbulkan di dalam perbincangan Titah Ucapan Diraja dan di waktu saya bertanya beberapa persoalan dengan Timbalan Menteri Kewangan, kenapa begini meningkat—\$119 juta, satu angka yang juga banyak. Betul dari segi peningkatan pertambahan ini sedikit sebanyak memberi pendapatan tambahan kepada guru-guru dan kita mengucapkan tahniah dan kita mengingatkan guru-guru yang sudah diberikan peluang kenaikan pangkat ini menjalankan tugas mereka dengan penuh amanah dan jujur bagi membangunkan anak bangsa. Tetapi walaupun begitu, tanggungan Kerajaan begitu banyak. Kenapa tanggungan ini banyak? Ini ialah kerana kenaikan jawatan terutamanya jawatan sokongan.

Di sekolah-sekolah rendah terdapat guru-guru yang berkhidmat begitu lama dan gajinya sudah mati tetapi malangnya mereka ini ada kelulusan hanya setakat SPM tetapi berkhidmat berpuluh tahun lamanya tetapi gaji sudah mati dan kebanyakan mereka ini tidak diberi peluang kenaikan pangkat. Kalau mereka ini diberi peluang kenaikan pangkat dan mereka berpengalaman sebagai orang yang sudah dewasa, berpengalaman, sebab saya percaya dengan pentadbiran melalui pengalaman, iaitu

management by experience, dengan izin, bukan sahaja kelulusan. Kalau ini dibuat saya percaya banyak kita boleh menyelamatkan wang negara. Kalau mereka ini naik pangkat dengan hanya \$40 itu, manakala kalau dinaikkan golongan-golongan yang baru keluar daripada maktab, bukanlah kita tidak mahu melihat mereka ini naik pangkat, dan mereka akan ada peluang naik pangkat. Kalau mereka yang layak sebelum ini berkhidmat berbelas tahun dengan Kerajaan tidak dapat peluang kenaikan pangkat, tetapi mereka yang baru keluar daripada sekolah B naik pangkat terus ke sekolah A tiba-tiba dalam masa dua tiga tahun lepas kursus, bagaimana perasaan guru-guru yang berkhidmat begini lama? Akhirnya apa yang terjadi, pagi pergi sekolah dan petang pulang. Orang yang naik pangkat untuk jawatan sokongan mengadakan mesyuarat, mereka ini tidak hadir, mereka sudah demotivate, dengan izin, mereka merasa kecewa. Maka jadilah perbualan di merata-rata tempat, di kedai kopi, di kantin-kantin, di kampung-kampung, "si anu naik pangkat kerana dia rapat dengan Yang Berhormat Ketua Bahagian, kerana dia itu dan kerana dia ini". Sebab itu sepanjang saya menjadi Wakil Rakyat, malah di waktu masih dalam Barisan Nasional, dalam UMNO asal dahulu, walaupun ada sedikit sokongan, hanya sekadar sedikit dan tidak pernah kita campur tangan dalam soal-soal seperti ini. Tetapi penglibatan setengah-setengah ini sebenarnya banyak merosakkan prestasi dan nama pemimpin-pemimpin dan Menteri-menteri.

Saya sebut contoh, sebab perkara ini bukan saya hendak mengkritik sesiapa, tetapi bila berlaku keadaan ini di bawah, mereka ini yang mencadang dan mereka ini yang hendak, akhirnya yang buruk ialah nama Menteri Pendidikan sebab apabila ini berlaku, "saya tidak tahu, yang buat ini Menteri Pendidikan", tetapi yang

mencadangnya ialah mereka yang di bawah. Nampak atau tidak itu? Ini untuk kebaikan sebab kenaikan ini memang melibatkan banyak wang Kerajaan. Kalau tidak percaya saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Kewangan, Timbalan Menteri Kewangan, sila buat kajian mengenai, dengan izin, how much we can save the country's money. Berapa banyak kita boleh menyelamatkan wang kalau kita melatih dan memberi peluang kepada mereka ini. Selain daripada

Tuan Woon See Chin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya dapat dari Yang Berhormat memberi satu kes yang spesifik nama guru itu yang tidak dapat keadilan melalui surat atau di Dewan ini juga, sebab itu kita akan siasat memberi spesifik kes tadi berkaitan itu dan boleh memberi satu jawapan ke atas tuduhan dari Ahli Yang Berhormat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih. Saya bangkit ini saya tidak kata saya buat tuduhan, tetapi saya akan sampaikan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Semalam saya ada bawa, cuma hari ini saya tak bawa (*Ketawa*), sebab saya sudah berjanji saya hendak bawa. Semanganya semalam setelah pulang, Tuan Yang di-Pertua, sebelum tidur pukul 12.00 malam, saya sudah ambil typewriter hendak taip surat kepada Menteri Pendidikan sebab saya hendak hantar apa yang saya sebut semalam, tetapi oleh kerana hari ini hari Jumaat, jadi kena fikir hari Jumaat dan sebagainya, relaxlah sedikit, Tuan Yang di-Pertua, hari ini (*Ketawa*). Jadi, sebab itu saya akan sampaikan kepada Timbalan Menteri dengan beberapa kes saya akan tunjuk bukti bagaimana seorang guru keluar daripada maktab, tiba-tiba terus naik sekolah "A" sebab dia ini si

anu, si anu. Saya ini terima laporan daripada guru sendiri yang menghantar surat kepada saya sebagai Wakil Rakyat. Saya terima sebab mungkin dia tahu kita jadi Wakil Rakyat, mungkin kitalah diharapkan membela, meluahkan perasaan mereka, saya terima sahaja dan saya memanglah buat sedikit-sebanyak penyiasatan, tujuannya untuk kebaikan. Sebab itu belanjanya begini besar dan akhirnya guru-guru yang lama merasa mereka ini tidak dihargai pada hal kenaikan pangkat itu bukan apa sangat bagi mereka—Yang Berhormat, only forty dollars—\$40, tetapi penghormatan itu penting, nilai perkhidmatan mereka itu sebagai Pegawai Ko-Kurikulum, Penolong Kanan, ini yang harus kita beri perhatian tetapi perkara ini sudahpun dibuat, sudahpun dijalankan, tidak apalah.

Yang saya hendak tekan di sini ialah ingatan kepada guru-guru, tanggungjawab Kementerian Pendidikan jangan hidup dengan slogan semata-mata, buktikan dari segi usaha-usaha ke arah kejayaan "democratisation of our education policy" ini yang dibanggakan selama ini dan pastikan bahawa berlaku keadilan dalam semua bentuk sebagai contoh dalam kita menjadi pemimpin dan mentadbir sesuatu Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah banyak sangat hendak mengambil masa. Satu lagi sebelum saya hendak sentuh sedikit mengenai Pasir Mas, iaitu mengenai dengan Polis Diraja. Ini agak berlainan pula sedikit pandangan saya. Polis Diraja ini juga perlu sebanyak \$14,580,000 untuk menampung kekurangan peruntukan bagi membiayai pembayaran gaji dan elaun anggota-anggota Polis. Guru tadi \$119 juta, di sini \$14,580,000.

Di sini saya ingin bangkitkan minta dikajikan semula apakah cukup elaun-elaun yang dibayar kepada Polis seimbang dengan kerja-kerja mereka

ini. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, cukup atau tidak? Polis ini bekerja siang-malam menjaga keselamatan, apa juga tanggungjawab Polis terutama dari segi menjaga ketenteraman awam, keselamatan negara. Saya ingin mencadangkan supaya dipertimbangkan sebab kalau kita lihat bandingkan guru dengan polis dari segi kerja dan sebagainya, gurulah profesion yang paling bernasib baik, tetapi dari segi anggota-anggota lain yang berkorban untuk negara apakah cukup ganjaran yang kita beri kepada mereka ini. Ini juga saya harap mendapat perhatian daripada pihak Kerajaan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta dan ingin bertanya kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya kalau boleh mengarahkan ataupun mengkaji, pertamanya sekarang ini di Kelantan, Majlis-majlis Daerah sudah mula mengenakan sistem parking. Di Pasir Mas pun sekarang ini sudah ada parking seperti di Kuala Lumpur, manakala di Pasir Mas itu, Tuan Yang di-Pertua, belum lagi jadi bandaraya, bandar kecil sahaja, "it is not a city", dengan izin. Petak-petak kereta pun tak banyak, orang berniaga pun kais pagi makan pagi, akhirnya sekarang ini kena parking, hari Jumaat pun kena sampai pukul 6.00, berapa sen sangatlah parking-parking ini untuk di tempat-tempat, di bandar-bandar yang kecil ini. Yang sepatutnya parking-parking ini mungkin di bandaraya-bandaraya besar Kuala Lumpur adanya petak-petak, okay, fair, tetapi malangnya negara kita ini sekarang ini semuanya bercukai—everything cukai. Yang saya rasa leganya baru-baru ini cukai telinga sahaja tak ada, iaitu cukai radio apabila lesen radio itu dihapuskan. Cukai kaki kena, iaitu cukai jalan pun kena, serba-serbi kena. Turun ke rumah sahaja kena cukai, parking kereta kena, cukai itu kena, cukai ini kena, berapa puluh cukai hendak kita kena?

Cuba kita lihat perbandingan dengan Saudi Arabia. Saudi Arabia Allah ta'ala beri minyak sahaja, lain tak ada, cili, terong sebatang pun tak ada, tetapi tengok di Saudi Arabia dengan minyak, minyak dia pun untuk kegunaan rakyat dia murah, cukai-cukai tak ada, cukai pendapatan tak ada, yang ada zakat. Tetapi kita ini macam-macam cukai, semua kena cukai, itu cukai, ini cukai, sampai parking kereta di Pasir Mas pun cukai (*Ketawa*), berapa sen dapat, akhirnya rakyat merungut. Bila rakyat merungut, kita bersuara, dia kata ini sudah kita hendak mula mengkritik Kerajaan. Saya ini sungguh kasih, tetapi saya mintalah dikajikan perkara-perkara seperti ini, tempat parking kereta sewa pun kena bayar, berapa sangat boleh dapat. Banyak lagi hasil-mahsul lain yang Allah ta'ala beri kepada negara kita; minyak, kelapa sawit, getah, kayu-kayan, ini sudah jumpa emas pula, koko ada, nikmat yang Allah ta'ala beri, 16 juta sahaja rakyat. Tetapi saya percaya kalau pengurusan itu dibuat dengan jujur dan ikhlas, rakyat kita akan menjadi rakyat dan masyarakat yang bahagia. Ini dia parking kereta.

Begitu juga saya hendak tarik perhatian mengenai dengan pasar Pasir Mas yang terbakar, sudah terbakar baru-baru ini, sebab-sebabnya saya memang sudah bangkitkan dalam Dewan Rakyat dahulu dan sekarang ini duduklah tengah-tengah bandar itu pasar yang terbakar, terpaksa mereka ini berniaga dengan pasar sementara. Saya hendak mintalah pihak Kerajaan sama ada melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ataupun terus kepada Kementerian Kewangan dengan Timbalan Menteri Kewangan. Walaupun saya tak ada dalam Barisan Nasional, Tuan Yang di-Pertua, saya yakin Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan akan tetap membantu rakyat ini, terutamanya Pasir Mas supaya kalau boleh pasar

Pasir Mas dibaiki dengan segera, diubahkan konsep baru, dijadikan tempat pusat barang-barang kraftangan ataupun pasar dibaikpulih semula kerana Pasir Mas ini jalan hendak pergi ke Rantau Panjang, hendak ke Golok, Tuan Yang di-Pertua, maju. Saya tak tahu Tuan Yang di-Pertua sudah pergi atau tidak ke Pasir Mas (*Ketawa*), kalau pergi memang mesti lalu. Kalau hendak ke Golok mesti lalu Pasir Mas. Golok cukup popular di sebelah Thailand tempat orang melawat, banyak duit Malaysia mencurah ke sana. Sebab itu kalau Pasir Mas ini dijadikan bandar strategik bagi membendung kegiatan mereka ini membeli-belah di Negeri Thai, maka mungkin ia dapat menyelamatkan pengaliran wang kita keluar daripada negara kita.

Jadi itu sahajalah, Tuan Yang di-Pertua, di atas kesempatan ini, saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Seputeh.

5.59 ptg.

Tuan Liew Ah Kim (Seputeh): Tuan Yang di-Pertua, terima

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bolehkah berucap dalam 10 minit?

Tuan Liew Ah Kim: 10 minit sahaja?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Ah Kim: Pendek sangat.

Tuan Yang di-Pertua: Pada hari ini kita hendak kena tutup perbahasan ini dan perbahasan ini satu hari sahaja. Mintalah dalam 10 minit.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Speaker, saya ingin membangkit perkara mengenai masalah pendidikan yang saya anggap ini adalah dalam bidang kuasa Kementerian Pendidikan.

Tuan Speaker, mengenai pindaan Akta Pendidikan 1961, seksyen 21 (2), DAP ingin menyampaikan rasa ketidakpuasan hati terhadap Kementerian Pendidikan dan Kerajaan Barisan Nasional yang mengeluarkan kenyataan berlainan, yang mengelirukan masyarakat kaum Cina. Menteri Pendidikan pada persidangan Parlimen Oktober tahun lalu telah mengatakan ia dalam proses terakhir dan telah diserahkan kepada Jabatan Pendakwa Raya untuk dikaji, akan tetapi pada beberapa hari yang lepas Menteri Pendidikan ketika disoal mengenai bilakah pindaan Akta tersebut boleh diserahkan untuk dibincang dalam Parlimen, beliau menyatakan kerja pindaan pada Akta Pelajaran tersebut sedang dalam proses terakhir.

Perkara mengenai pindaan Akta Pendidikan atau Pelajaran tahun 1961, Seksyen 21 (2) memang telah menjadi isu hangat yang menarik perhatian parti pemerintah, parti pembangkang dan masyarakat kaum Cina umum. Dalam kempen pilihanraya umum tahun 1986, Perdana Menteri sendiri telah memberi tahu media-massa bahawa Kerajaan akan meminda Akta ini demi menghapuskan kebimbangan masyarakat kaum Cina dan Presiden MCA sendiri semasa berucap kepada ahli-ahlinya juga mengatakan Perdana Menteri telah memberi jaminan untuk meminda Akta Pelajaran tersebut. Selepas itu Menteri Pendidikan telah berapa kali mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan mengenai perkara ini. Semasa berucap kepada masyarakat kaum Cina, beliau memberi jaminan akan pinda Akta ini dengan seberapa cepat yang mungkin tetapi bila beliau berucap kepada ahli-ahli UMNO.

Tuan Ong Tee Keat (Ampang Jaya): (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Ampang Jaya bangun.

Tuan Liew Ah Kim: Tidak beri jalan, kerana masa tidak ada.

Tuan Ong Tee Keat: Gentarkah?

Tuan Liew Ah Kim: Tiada masa! Beliau dengan suara lantang menyatakan Kerajaan tidak akan tunduk kepada rentak masyarakat Cina. Penjelasan yang merunsingkan ini, sekali lagi menunjukkan sikap yang tidak bertanggungjawab Kerajaan Barisan Nasional dan polisi Kerajaan inilah yang mengakibatkan polarisasi kaum di negara ini semakin nyata.

DAP mengharapkan Kerajaan Barisan Nasional dapat meninjau perkara ini dengan serius dan menunaikan janji dalam manifesto pilihanraya umum tahun 1986.

Satu lagi masalah yang dihadapi oleh Sekolah Jenis Kebangsaan Cina adalah masalah kekurangan peruntukan bagi membiayai pembangunan sekolah terutama membaiki bangunan-bangunan sekolah dan perkakas sekolah yang rosak. Masalah ini hanya mungkin diselesaikan menjelang pilihanraya kerana Kerajaan Barisan Nasional sering menjadikan pemberian peruntukan ini sebagai umpan memancing undi seperti mana yang telah dilakukan dalam pilihanraya kecil Ampang Jaya (*Tepuk*) baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya masyarakat tempatan telah banyak menderma untuk membantu membiayai pembangunan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, maka sudahlah sampai masanya untuk Kerajaan menanggung perbelanjaan pembangunan sekolah-sekolah tersebut itu. Masa ada lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Ada lima minit lagi.

Tuan Liew Ah Kim: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, satu perkara atau persoalan terpaksa saya membangkitkan mengenai masalah kelebihan guru-guru yang tidak

berkelayakan Bahasa Mandarin yang mengajar matapelajaran selain daripada Bahasa Tionghua, Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. DAP merasa ragu kenyataan yang dibuat oleh dua orang Menteri Kabinet yang berlainan dalam suatu isu yang sama iaitu kenyataan Menteri Buruh dan Menteri Pendidikan mengenai masalah guru yang berkelayakan Inggeris dan Bahasa Malaysia yang berlebihan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina

Tuan Ong Tee Keat: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ampang Jaya bangun. Yang Berhormat dari Seputeh hendak beri jalan?

Tuan Ong Tee Keat: On a point of order 36 (6).

Tuan Yang di-Pertua: Apa dia?

Tuan Ong Tee Keat: 36 (6). Seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa Ahli lain.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa dia tidak ada sangkaan jahat. (*Tepuk*) Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Hu Sepang: Terlalu pandai!

Tuan Liew Ah Kim: Sungguhpun nampaknya Ahli Yang Berhormat itu baru dipilih sebagai MP, Ahli Parlimen, tetapi dia action banyak (*Ketawa*), (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, "action banyak" itu sangkaan jahat (*Ketawa*). Sila tarik balik. Saya minta tarik balik perkataan "action banyak" itu.

Tuan Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat dari Seputeh tarik balik perkataan yang tidak senonoh itu.

Tuan Liew Ah Kim: Bukan tidak seronok, action. . . .

Tuan Ong Tee Keat: Senonoh, bukan seronok. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Minta tarik balik perkataan "action banyak" itu!

Tuan Liew Ah Kim: Tidak apalah, saya tarik baliklah (*Ketawa*), (*Tepuk*). Apa hendak tepuk? (*Ketawa*) Masyarakat Cina sekali lagi keliru dalam soal ini.

Kenyataan Menteri mana yang harus dipatuhi. Masalah guru berkelayakan Inggeris atau Bahasa Malaysia yang berlebihan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina sudah berlaku pada awal tahun ini. Masyarakat Cina menentang keras masalah ini kerana ia mungkin merupakan satu pertukaran corak kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Akibat dari penentangan dari masyarakat Cina, Menteri Buruh dan Timbalan Menteri Pendidikan telah bertemu dan berbincang dengan Menteri Pendidikan. Selepas penemuan itu, kedua-dua Menteri dan Timbalan Menteri MCA itu telah mengeluarkan kenyataan umum kepada masyarakat China bahawa Persatuan Ibu bapa dan Guru-guru sekolah berhak campurtangan dalam segala perubahan jadual waktu yang akan dibuat oleh Pengetua Sekolah tetapi pada hari yang sama, Menteri Pendidikan telah membuat kenyataan bahawa Persatuan PIBG tidak berhak campurtangan dalam segala perjalanan urusan sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Buruh pun menyatakan Pengetua Sekolah telah dibeli ataupun terpaksa dalam soal ini. Kenyataan ini merupakan satu kenyataan yang tidak bertanggjawab dan Menteri Buruh harus menunjukkan bukti yang nyata terhadap kenyataannya itu. DAP berpendapat bahawa penyelesaian yang dicapai oleh Menteri Buruh. . . .

Tuan Ong Tee Keat: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Ampang Jaya bangun pula. Yang Berhormat dari Seputeh boleh beri jalan?

Tuan Ong Tee Keat: Minta Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia minta penjelasan.

Tuan Liew Ah Kim: Tidak ada masa. Dan kedua-dua orang Menteri dan Timbalan Menteri Pendidikan adalah bercanggah dengan pendirian President MCA yang tidak akan tunduk kerana selama ini Kementerian Pendidikan masih tidak mahu mengakui masalah guru Bahasa Inggeris dan bahasa yang berlebihan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina adalah kesilapannya dan nampaknya Kementerian ini tidak berniat untuk menukar guru-guru berkenaan ke sekolah yang lebih sesuai.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Liew Ah Kim: Satu minit boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Satu minit boleh.

Tuan Liew Ah Kim: Untuk menggulung. Tuan Yang di-Pertua, pendirian DAP mengenai masalah ini ialah Kementerian Pendidikan segera menghantar guru yang tidak berkelayakan bahasa Mandarin ini ke sekolah yang lebih sesuai dan jika dalam masa yang singkat Kementerian tidak dapat menampung keperluan guru Mandarin boleh diganti dengan guru sementara. Kementerian Pendidikan juga harus melaksanakan satu projek jangka panjang untuk melantih guru berkelayakan bahasa Mandarin untuk mengelakkan masalah ini berulang lagi. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab. Yang Berhormat makan masa berapa panjang?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya hendak gulung satu persatu, panjang juga. Tetapi kalau sekiranya secara umum, pendek sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Saya ingat beri peluang kepada Yang Berhormat dari Kepong bercakap dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau sekiranya diberi peluang, sudah lebih satu hari kerana perbahasan atas dasar hanya diperuntukkan satu hari mengikut Peraturan Mesyuarat 67 (5). Sila teruskan. Yang Berhormat Timbalan Menteri sila jawab.

Dr Tan Seng Giaw: Belum siap lagi Tuan Yang di-Pertua. *(Ketawa)*

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan pada hari ini. Walaupun saya tidak boleh menyentuh satu persatu soal-soal yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tetapi semua cadangan-cadangan dan saranan-saranan yang telah dibangkitkan telah pun dicatat dan akan menerima perhatian sewajarnya.

Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal telah membangkitkan soal sistem pentadbiran kewangan negara dan telah mencadangkan suatu perubahan daripada sistem Federalisme kepada sistem Unitary supaya sistem pentadbiran ini lebih sempurna ditadbirkan. Tetapi seperti Yang Berhormat telah sedia maklum semasa membuat ucapan ini, ini memerlukan

satu pindaan yang amat besar kemungkinan mengambil masa yang panjang untuk mengkaji tetapi saya rasa satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat itu kurang wajar iaitu dikatakan sistem pentadbiran kewangan sekarang ini adalah satu sistem Pak Pandir. Mungkin Yang Berhormat sendiri tidak faham apa maksud dan falsafah cerita Pak Pandir ini. Walau bagaimanapun saya rasa setakat ini Kerajaan berpuas hati bahawa sistem yang ada ini adalah satu sistem yang workable, dengan izin, yang telah pun kita jalankan begitu lama. Jika sekiranya ada sebarang kecacatan di dalam sistem ini ia boleh diubah dari satu masa ke satu masa tetapi tidak memerlukan satu "overhauling" yang begitu besar sampai memerlukan satu perubahan kepada perlembagaan negara. Walau bagaimanapun, pendapat Yang Berhormat dari Nibong Tebal itu supaya diperkemas sistem pentadbiran kewangan itu perlulah diberi perhatian dan Kementerian Kewangan akan membuat sesuatu untuk memperkemas sistem tersebut.

Yang Berhormat dari Kota Setar bercakap berkenaan dengan EC, European Community kalau tidak salah saya dan bercakap berkenaan dengan kemungkinan EC yang akan dilancarkan pada tahun 1992 kalau tidak silap saya. Beliau bimbang ini akan menimbulkan satu masalah kepada rantau di sini. Saya ingat perhatian yang sewajarnya akan diberi kepada pendapat Yang Berhormat dan tentu sekali kita tidak mahu sesuatu yang contrary, dengan izin, berlaku di kawasan ini apabila tertubuhnya EC tersebut. Walau bagaimanapun, kita faham Malaysia

Dr Abdul Hadi bin Derani: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Kota Setar bangun. Yang Berhormat hendak beri jalan?

Dr Abdul Hadi bin Derani: Saya hanya hendak beri penjelasan, bukan penubuhan EC tetapi penubuhan Pasar Tunggal dalam EC.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Terima kasih one market system. Yang Berhormat dari Labuan banyak bercakap berkenaan dengan Labuan. Insya Allah cadangan-cadangan beliau itu bolehlah diambil perhatian kerana ia terlalu spesifik dan saya tidak boleh menjawab satu persatu yang telah dibangkitkan. Yang Berhormat dari Labuan juga telah membangkitkan berkenaan dasar-dasar ditubuhkan Labuan sebagai satu kawasan Wilayah Persekutuan dan beliau telah pun menyarankan supaya strategi pembangunan Labuan dikaji semula dengan tujuan mempercepatkan motif Labuan dijadikan Wilayah Persekutuan pada 16-4-1984. Saranan tersebut selaras dengan kontrak penwujudkan Wilayah Persekutuan Labuan oleh Kerajaan Persekutuan dan penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan mempunyai lima matlamat, katanya.

Kerajaan akan mengambil perhatian kepada saranan tersebut dan akan mengkaji semula strategi pembangunan yang sedia ada dan dilaksanakan sekarang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada masa ini Kerajaan juga sedang mengkaji kesesuaian pemakaian undang-undang tertentu di Labuan seperti pemakaian Ordinan Kerajaan Tempatan di Labuan dengan tujuan memperbaiki strategi pembangunan yang dirancang. Saranan yang dikemukakan perlu dilihat dari segi positif dan negatifnya sebelum dibuat keputusan yang sewajarnya.

Yang Berhormat dari Sandakan telah membangkitkan berkenaan dengan satu isu spesifik iaitu Hospital Duchess of Kent, kalau tidak salah saya. Pihak Kerajaan akan menyemak dan memberi perhatian kepada

perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Sandakan.

Yang Berhormat dari Pasir Mas bercakap berkenaan dengan beberapa soal yang membangkitkan isu-isu berkenaan dengan PERWAJA dan beliau cuba membandingkan isu ini dengan isu PERWAJA Terengganu dan saya ingat saya hendak membetulkan sedikit sebutan beliau tadi iaitu beliau mengatakan peruntukan sebanyak \$93 ribu juta. Saya ingat angka yang ada pada saya ialah \$93.3 juta sahaja, bukan \$93 ribu juta.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Memang betul saya maksudkan \$93 juta sebagaimana dalam Kertas Perintah ini.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Mungkin tersalah sebut.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya rasa Yang Berhormat silap dengar! (*Ketawa*)

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Terima kasihlah kalau saya tersilap. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Silap sebut, silap dengar, kedua-dua sekali! (*Ketawa*)

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Saya ingat dia silap tegur, sebab saya tulis berkali-kali dia sebut sedemikian. Walau bagaimanapun, seperti yang saya terangkan semasa saya membentangkan Usul tadi bahawa ini adalah diperlukan untuk satu tujuan yang khas iaitu untuk \$4.5 juta faedah atas pinjaman, perbelanjaan modal \$22.8 juta dan modal pusingan \$66 juta lebih kurang. Jadi keperluannya ialah lebih kurang \$93.3 juta. Kita pun faham selepas perlantikan Chief

Executive barunya, PERWAJA Terengganu telah pun menunjukkan prestasi yang makin baik. Insy Allah, kalau sekiranya diteruskan sedemikian berkemungkinan ia akan mendapat keuntungan.

Yang Berhormat dari Pasir Mas juga telah membangkitkan soal kenaikan pangkat yang tidak adil dan telah membawa kepada kos pengurusan yang lebih. Saya kurang pasti tentang logik ataupun argument, dengan izin, Yang Berhormat menyatakan dengan hanya \$40 sahaja ia mungkin dapat motivate balik guru-guru. Saya ingat facts Yang Berhormat ini kurang tepat, sebab dalam usaha Kerajaan untuk kenaikan pangkat ini adalah diasaskan kepada laporan prestasi dan kecekapan seseorang itu menjalankan tugas, bukannya berdasarkan kepada seniority sahaja ataupun

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Mas bangun pula.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:
. . . . bergantung kepada sesiapa yang ia kenal. Saya ingat tuduhan itu adalah terlalu melulu

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dia bangun pula.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Minta penjelasan sedikit, hendak betulkan apa yang dimaksudkan. Bila kita buat teguran sentiasa dikatakan tuduhan. Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri mungkin dapat memahami maksud saya, saya sebut tadi soal kenaikan pangkat-soal motivasi itu satu hal. Saya mengatakan kalau ada ruang di mana kenaikan pangkat itu diberi keutamaan kepada mereka yang gaji sudah mati seperti di Sekolah Rendah Kebangsaan. Maka pertambahan gaji tidak banyak iaitu \$40 oleh kerana gajinya sudah mati,

kalau tidak silap saya. Jadi banyakkah boleh kita kurangkan kos daripada kita memberi kepada golongan-golongan baru. Itu maksud saya dari segi pertambahan yang saya maksudkan. Dan dikatakan tadi bahawa kenaikan pangkat itu dibuat dengan secara yang teratur. Saya mendapat maklumat bahawa ada di kalangan setengah-setengah, kalau tidak ramai pun—ada kes di mana mereka ini belum apa-apa pun sudah tahu naik pangkat, dan yang naik pangkat ini pula siapa? Kononnya dia sentiasa ada di airport, tunggu si anu, si anu, malam-malam pun kalau sakit urut, tolong tolong picit, alih-alih dia yang naik pangkat. Ini yang saya katakan tadi betul maksud saya ini. Jadi tidak usahlah sebut bila saya bangkitkan perkara ini terus kata saya tuduh melulu—tidak, saya hanya memberi gambaran ini, sebab saya tidak mahulah menyebut dengan detail—untuk ambil perhatian, untuk kebaikan. Terima kasih.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Terima kasih. Walaupun demikian saya masih berpendapat bahawa teguran Yang Berhormat itu terlalu melulu, sebab mungkin kes yang dimaksudkan itu adalah satu kes yang remote tetapi walau bagaimanapun jika ada kes-kes yang spesifik yang diminta oleh Timbalan Menteri Pendidikan tadi, Yang Berhormat bolehlah menghantar kes tersebut kepada pihak Kementerian untuk disiasat.

Mengenai dengan pasar Pasir Mas, Yang Berhormat meminta supaya Kementerian Kewangan membuat sesuatu. Sebelum saya menyatakan sesuatu, adalah elok kalau sekiranya perkara ini dirujuk balik kepada pihak-pihak yang berkenaan dan ditanya mengapakah kedudukan pasar itu belum dibaiki lagi. Insy Allah, kalau sekiranya diizinkan Tuhan, kita akan meminta pihak yang berkenaan daripada Pasir Mas membuat suatu laporan yang tertentu untuk dilakukan kepada pasar yang terbakar itu.

Yang Berhormat dari Seputeh telah membangkitkan masalah kekurangan peruntukan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan telah menyentuh sedikit sebanyak Seksyen 21 (2) Akta Pendidikan. Kementerian Pendidikan tidak menjalankan dasar diskriminasi dalam peruntukan pembangunan kepada Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Sebenarnya peruntukan bagi projek-projek pembangunan adalah diberi berdasarkan kepada keperluan sesebuah sekolah itu tanpa melihat kepada jenis sekolahnya. Oleh kerana itu maka apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ini mungkin sesuatu pandangan peribadi ataupun tidak sesuai seperti yang telah disebutkan dalam dasar pemberian peruntukan pembangunan di sekolah-sekolah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, banyak lagikah Yang Berhormat?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah habis sebelum pukul 6.30?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Insyallah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Beliau juga meminta Kerajaan menanggung perbelanjaan pembangunan dan penyelenggaraan bangunan Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan pembelian alat-alat di sekolah-sekolah tersebut. Di bawah Belanja Mengurus, Kementerian biasanya memberi peruntukan kepada Jabatan-jabatan Pendidikan Negeri untuk tujuan penyelenggaraan bangunan sekolah-sekolah tersebut serta juga pembelian alat-alat. Jabatan Pendidikan Negeri biasanya memberi pula peruntukan kepada sekolah-sekolah berasaskan

kepada keadaan sekolah itu tanpa diambil kira jenis sekolah tersebut.

Akhir sekali, Yang Berhormat dari. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tunggu sekejap, ada usul yang hendak dikemukakan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12 (1), persidangan Dewan hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai perbahasan dasar di dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988) 1989 dan Usul-usul di bawahnya.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ada usul seperti yang dibacakan tadi untuk dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12 (1), persidangan Dewan hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai perbahasan dasar di dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988) 1989 dan Usul-usul di bawahnya.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN TAMBAHAN
(1988)**

DAN

USUL

**ANGGARAN PEMBANGUNAN
TAMBAHAN (Bil. 3) 1988**

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Terima kasih. Isu yang kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Seputeh tadi iaitu Akta Pelajaran, 1961 memang dalam peringkat kajian terakhir dan Kementerian Pendidikan menjamin yang masa depan pendidikan Cina dan Tamil akan terjamin melalui Akta ini bila ianya dipinda kelak. Kementerian Pendidikan memang mengambil berat tentang pengajaran dan pembelajaran di Sekolah-sekolah Cina dan Tamil. Guru-guru yang mencukupi telah dihantar untuk menjamin supaya prestasi sekolah berkenaan akan dapat dipertingkatkan. Kementerian Pendidikan memang ada rancangan untuk melatih guru-guru bahasa Mandarin di Maktab-maktab Perguruan.

Tuan Yang di-Pertua, hanya setakat itu sahajalah yang dapat saya jawab secara umumnya dan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang telahpun berucap dengan panjang lebar dan sekali lagi saya ingin memberi jaminan bahawa segala butir-butir yang telah disentuh di dalam ucapan Yang Berhormat sekalian akan mendapat perhatian. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$284,855,780 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1988, untuk menampung sejumlah \$284,855,780 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1988 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 1989 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga 2.30 petang pada hari Isnin, 20hb Mac 1989.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.32 petang.